Jilid V
No. 4

Hari Ithnin
26hb Ogos, 1968

# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN NEGARA (SENATE)

## PENYATA RASMI

## (DEWAN NEGARA YANG KEDUA PENGGAL KELIMA)

**KANDONGAN-NYA**

## (PARLIMEN MALAYSIA YANG KEDUA PENGGAL KELIMA)

**PEMASHHORAN2 OLEH TUAN YANG DI-PERTUA—**
- **Perutusan daripada Dewan Ra'ayat [Ruangan 813]**
- **Pengumuman atas Rang Undang2 Meminda Perlembagaan [Ruangan 814]**

**URUSAN MESHUARAT [Ruangan 814]**

**JAWAPAN2 MULUT BAGI PERTANYAAN2 [Ruangan 815]**

**RANG UNDANG2—**
- **Rang Undang2 Perbekalan Tambahan (1967) (No. 2) [Ruangan 836]**
- **Rang Undang2 Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) [Ruangan 844]**
- **The Employees Provident Fund (Amendment) Bill [Ruangan 848]**
- **The Excise (Amendment) (No. 3) Bill [Ruangan 850]**
- **The Tariff Advisory Board (Amendment) Bill [Ruangan 854]**
- **The Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Bill [Ruangan 856]**
- **The Constitution (Amendment) Bill [Ruangan 875]**
- **Rang Undang2 (Sekatan) Kerja (The Employment (Restriction) Bill) [Ruangan 883]**
- **The Arms (Amendment) Bill [Ruangan 913]**
- **Rang Undang2 (Perbadanan) Maktab Kerjasama [Ruangan 915]**

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 912]**

**PENANGGOHAN *SINE DIE* (USUL) [Ruangan 875]**

**PENANGGOHAN (USUL) [Ruangan 925]**

**UCHAPAN2 PENANGGOHAN—**
- **(1) Congestion at Port Swettenham [Ruangan 825]**
- **(2) Bantuan Kerajaan Pusat kapada Sarawak [Ruangan 931]**

**JAWAPAN2 BERTULIS [Ruangan 937]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, PENGUASA
JOHOR BAHRU
1969

*Harga:* $1

MALAYSIA

# DEWAN NEGARA (SENATE)

*Penyata Rasmi*

Jilid V — Dewan Negara Yang Kedua, Penggal Yang Kelima — No. 4

*Hari Ithnin, 26hb Ogos, 1968*

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi.*

YANG HADHIR

Yang Berhormat Yang di-Pertua, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).

„ Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).

„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).

„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).

„ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Pulau Pinang).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).

„ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).

„ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).

„ TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

„ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).

„ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).

„ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).

Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).

„ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).

„ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).

„ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

„ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).

„ TUAN KOH KIM LENG (Melaka).

„ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).

„ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

„ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).

„ DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).

„ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).

„ TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).

„ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).

„ TUAN S. P. S. NATHAN (Di-lantek).

„ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).

„ TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).

„ TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).

„ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).

Yang Berbahagia TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Di-lantek).

Yang Berhormat TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).

„ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM, A.M.N (Perlis).

„ TUAN WILLIAM TAN, J.M.N., C.B.E. (Di-lantek).

„ DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

„ DATO' S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).

„ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jalai (Pahang).

„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

## YANG TIADA HADHIR

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).

„ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).

„ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).

„ TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN CHONG FOO KHIN, J.P. (Negeri Sembilan).

„ DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N. S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).

„ TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).

Yang Berhormat DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K. (Kelantan).

„ TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

## YANG HADHIR BERSAMA

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

Yang Berbahagia Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

„ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## PEMASHHORAN² OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RA'AYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setia-usaha Dewan Negara membachakan-nya.

(Tuan Setia-usaha *membachakan Perutusan*)

"Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang² yang berikut:

1. to amend the Excise Act, 1961.
2. to amend the Tariff Advisory Board Act, 1963.
3. to amend the Employees Provident Fund Ordinance, 1951.
4. to amend the Employees Provident Fund Ordinance, 1951.
5. bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-satukan untok perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.
6. bagi membuat peruntokan untok Persekutuan atau pehak²-berkuasa berkanun tertentu mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia dan untok perkara² yang bersangkutan dengan-nya.
7. to amend the Arms Act, 1960
8. bagi memperbadankan Maktab Kerjasama Malaysia, bagi maksud mengembang dan menggalakkan latehan dan pengajian mengenaï kerjasama dan bagi mengadakan peruntokan bagi perkara² yang berkenaan dengan-nya.
9. to amend the Constitution of the Federation.
10. bagi mengadakan peruntokan bagi menyekat daripada di-ambil bekerja dalam Persekutuan orang² bukan warga-negara dalam kegiatan² urusan yang tertentu serta mengadakan peruntokan² bagi pendaftaran orang² sa-demikian dan perkara² yang berkenaan dengan-nya.

dan menyerahkan-nya kapada Dewan Negara bagi di-persetujukan.

(t.t.) Dato' C. M. Yusof,
Yang di-Pertua,
Dewan Ra'ayat."

## URUSAN MESHUARAT

**Menteri Tanpa Jabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi tahu ia-itu saya akan menchadangkan supaya Rang Undang² yang berikut ini akan di-bacha kali yang kedua dan ketiga di-Meshuarat Dewan Negara sekarang ini.

1. Rang Undang² Perbekalan Tambahan 1967 (No. 2)
2. Rang Undang² Pinjaman (Bank Pembangunan Asia).
3. The Employees Provident Fund (Amendment) Bill.
4. The Excise (Amendment) (No. 3) Bill.
5. The Tariff Advisory Board (Amendment) Bill.
6. The Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Bill.
7. The Constitution (Amendment) Bill.
8. The Employment Restriction Bill.
9. The Arms (Amendment) Bill.
10. Rang Undang² (Perbadanan) Maktab Kerjasama.

### PENGUMUMAN ATAS RANG UNDANG² MEMINDA PERLEMBAGAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli² Yang Berhormat, di-antara Rang Undang² yang akan di-binchangkan di-Meshuarat ini ia-lah satu Rang Undang² (Meminda) Perlembagaan (The Constitution (Amendment) Bill) dan keputusan atas bachaan kali yang kedua dan kali yang ketiga berkehendakkan 2/3 lebeh suara. Maka apabila sampai masa Rang Undang² (Meminda) Perlembagaan ini di-bachakan kali yang

kedua dan ketiga, Meshuarat ini akan berbelah-bagi suara (Division). Demikian-lah saya ma'alumkan.

## UCHAPAN² PENANGGOHAN

Dan lagi Ahli² Yang Berhormat, saya juga hendak menyatakan bahawa Yang Berhormat Dato' Y. T. Lee akan membuat satu Uchapan Penanggohan (Adjournment Speech) atas perkara Kesibokan di-Pelabohan Port Swettenham pada hari ini, 26/8/68, dan Yang Berhormat Tuan Temenggong Oyong Lawai Jau akan membuat Uchapan Penanggohan (Adjournment Speech) atas perkara Bantuan kapada Kerajaan Sarawak pada hari ini juga, atau pada hari esok, jikalau bermeshuarat. Menurut kehendak Peratoran Meshuarat Dewan Negara Fasal 15 (3) Uchapan Penanggohan ini akan di-buat pada pukul 4.30 petang atau awal daripada ini apabila perbinchangan atas urusan yang di-tetapkan itu tamat.

## JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

### BILANGAN WARGA-NEGARA TERLIBAT DALAM PENDERHAKAAN TERHADAP MALAYSIA DALAM MASA DHARURAT KOMUNIS DAN KONFRANTASI INDONESIA

1. **Tuan Saidon bin Kechut** bertanya kapada Menteri Keadilan (*a*) berapakah ramai warga-negara yang terlibat dalam penderhakaan terhadap Negara dalam masa Dharurat Komunis dan Konfrantasi Indonesia; (*b*) berapa-kah ramai daripada mereka itu telah di-jatohkan hukuman bunoh dan penjara sa-umor hidup; (*c*) berapa-kah ramai orang yang di-jatohkan hukuman bunoh kerana menderhaka itu telah di-gantong; dan (*d*) berapa-kah jumlah orang yang di-jatohkan hukuman bunoh itu telah di-ampun dan di-kenakan hukuman yang lebeh rengan.

**Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan):** Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang pengetahuan Kementerian Keadilan, tidak ada satu case pun di-da'awa di-dalam perkara penderhakaan, atau dalam bahasa Inggeris "treason" terhadap negara dalam masa dharurat komunis dan masa konfrantasi Indonesia. Akan tetapi ada mereka² yang kena tudoh, dan di-da'awa di-bawah Undang² Dharurat kerana menolong atau bershubahat dengan pengganas² dan juga kerana memileki senjata api dengan tidak berlesen.

Jumlah mereka² yang tersebut adalah saperti berikut:

(i) Dalam masa dharurat Komunis tahun 1948 hingga 1960, di-hukum bunoh, 204.

Hukuman telah di-jalankan, 145.

Hukum penjara sa-umor hidup, 37.

Baki yang 22 orang lagi telah di-bebaskan.

(ii) Pada masa dharurat konfrantasi Indonesia tahun 1963 hingga 1966, di-hukum bunoh, 28.

Hukuman yang telah di-jalankan, 6.

Hukuman penjara sa-umor hidup 4 akan tetapi baharu² ini 11 orang lagi yang mula²-nya telah di-hukum bunoh telah pun di-hukum penjara sa-umor hidup; dan menunggu menjalankan hukuman, dua. Baki yang lima orang lagi telah di-bebaskan.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar penderhaka² yang terlibat dalam masa dharurat komunis dan juga dalam masa konfrantasi Indonesia dahulu yang telah di-bebaskan, yang telah di-ampunkan, terutama-nya dalam masa Malaysia mengutamakan mengambil sempena kemerdekaan negara 10 tahun, sa-telah mereka ini di-ampunkan, di-bebaskan, di-dapati beberapa orang daripada-nya, kalau tidak kesemua-nya sa-kali pun, balek sa-mula menjadi penderhaka kapada negara.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar dan sa-kira-nya ada sa-siapa menjalankan kesalahan, tindakan sudah tentu akan di-ambil.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, ada-kah Kerajaan dapat merasakan dan sedar dalam perkara ini ia-itu mangsa atau pun korban kemalangan yang telah berlaku kapada Pasokan Keselamatan kita ada-lah akibat daripada perbuatan² penderhaka kapada negara kita ini?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan Kerajaan kemalangan yang telah berlaku, umpama-nya, baharu² ini di-Betong dan di-Kroh ada-lah kerja² penjahat komunis.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mendapat penjelasan ia-itu baharu² ini berhubong dengan 11 orang yang telah di-hukum bunoh, kemudian di-bebaskan, di-dapati dari orang² persaorangan atau pun daripada badan² pertubohan yang telah mengemukakan permohonan dan rayuan, ia-itu menunjokkan rasa simpati kapada penderhaka², tetapi apa yang saya mushkilkan tidak ada sadikit pun daripada orang² persaorangan dan orang² yang daripada pertubohan² yang menunjokkan sadikit pun rasa simpati kapada kechelakaan yang berlaku kapada Pasokan Keselamatan ini.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, rasa saya Ahli Yang Berhormat itu telah tersilap sadikit dalam chakapan-nya di-mana, kalau saya ta' silap, dia mengatakan 11 orang telah di-hukum bunoh dan di-bebaskan. Bukan di-bebaskan, Tuan Yang di-Pertua. Yang 11 orang ini yang telah di-hukum bunoh itu telah di-hukum penjara sa-umor hidup.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mendapat penjelasan lagi ia-itu berhubong dengan sa-orang warga-negara kita Malaysia ini, kalau ta' silap saya ia-itu Abang Kifli yang memimpin menjadi Panglima Pemberontak Kalimantan Utara, yang sudah pun, kalau ta' silap saya, membuat permohonan hendak balek menetap ka-Malaysia ini, dan apa-kah ranchangan Kerajaan dalam perkara ini dan kalau dapat saya hendak minta penjelasan dapat-kah Menteri yang berkenaan menerangkan tentang kedudokan sadikit sa-banyak tentang latar belakang Abang Kifli ini?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak dapat di-salahkan lagi, di-lepaskan, ada-kah polis mengintip lagi supaya melihat ada-kah orang² itu akan berbuat jahat lagi atau tidak.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, memang polis ada memerhatikan gerak² langkah satu² orang yang telah membuat salah.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ia-itu saya hendak mendapat penjelasan rayuan² yang di-buat akhir² ini terhadap kapada semua-nya 13 orang yang telah pun di-lepaskan daripada hukuman gantong, di-gantikan dengan hukuman penjara sa-umor hidup 11 orang. Jadi ma'ana-nya ada dua lagi orang, kalau ta' silap saya, di-Perak Ada-kah barangkali saya dapat penjelasan yang dua orang ini pun akan di-lepaskan daripada hukuman gantong di-Perak itu?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah hak Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Ada-kah rayuan² akan di-buat kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak untok melepaskan yang dua orang ini?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tidak ada dalam pengetahuan saya.

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, apa-kah ma'ana-nya jel sa-umor hidup itu? Ada-kah berma'ana jika sa-saorang itu di-jel umor-nya 100 tahun, dia mesti dalam jel 100 tahun juga atau pun ada remission? Jika remission, berapa-kah banyak remission yang akan di-beri kapada-nya?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang balek soalan itu.

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Apa-kah ma'ana-nya jel sa-umor hidup itu? Ada-kah berma'ana jika sa-kira-nya sa-saorang salah itu yang di-hukum jel sa-umor hidup jika umor-nya 100 tahun, dia mesti diam dalam jel 100 tahun juga, mesti-lah ada remission. Kalau ada remission, berapa-kah remission yang ia akan di-beri kapada-nya?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau hukum itu di-penjarakan sa-umor hidup, ma'-ana-nya jikalau umor-nya 100 tahun, dia dudok di-situ pun sa-hingga umor-nya 100 tahun, melainkan jikalau ada remission of sentence; itu perkara lain. Remission of sentence belum ber-bangkit.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri kita dia ta' tahu ada-kah rayuan kapada Sultan Perak itu di-hantar, atau tidak. Jadi saya suka hendak bertanya sadikit, ada-kah yang di-katakan ta' tahu ini Menteri Keadilan ta' tahu, atau pun Menteri Hamid Khan ta' tahu?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Menteri Hamid Khan (*Ketawa*). Ada Menteri Kebajikan Am.

## PERISTIWA SERANG HENDAP OLEH PENGGANAS[2] KOMUNIS DI-KAWASAN KROH/BENTONG PADA 17.6.1968

2. **Tuan Saidon bin Kechut** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandangkan peristiwa serang hendap yang di-lakukan oleh pengganas[2] Komunis terhadap Pasokan Keselamatan kita di-kawasan Kroh/ Betong di-sempadan Malaysia/Negeri Thai pada 17hb Jun, 1968, yang mengakibatkan enam belas orang anggota Pasokan Keselamatan kita terbunoh dan tujoh orang chedera, kenapa-kah Pasokan Keselamatan kita bagitu terdedah dan mudah di-serang.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan di-sini, ia-itu peristiwa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan-lah bergantong sa-mata[2] kapada masaalah sama ada Pasokan Keselamatan kita terdedah kapada musoh atau tidak. Kejadian serang hendap atau "ambush" saperti itu boleh berlaku di-mana[2] tempat, atau pun bila[2] masa sahaja. Tidak-lah boleh sa-suatu pehak mengambil langkah[2], atau tindakan yang boleh mengelakkan 100 peratus perkara ini daripada berlaku. Dalam pada itu saya telah mengarahkan supaya di-belakang hari sa-boleh[2]-nya gerakan atau pun movement Pasokan Keselamatan kita di-kawasan[2] merbahaya mustahak-lah dengan udara, atau pun dengan menggunakan kereta[2] kebal.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Soalan tambahan. Peristiwa yang berlaku kapada Pasokan Keselamatan di-kawasan Betong dan Kroh pada 17 haribulan Jun yang lalu mengakibatkan 17 orang Pasokan Keselamatan kita telah terbunoh dan kejadian serangan ini ia-lah terhadap kapada sa-buah atau satu pasokan "convoy" Pasokan Keselamatan kita yang terdiri daripada beberapa buah lori dan juga kereta[2] Land Rover.

Saya sendiri memahamkan, ia-itu kalau sa-kira-nya pergerakan sa-suatu Pasokan Keselamatan dengan sa-chara convoy, maka tidak-lah dapat di-katakan sempurna kalau tidak ada dengan kereta[2] kebal, mithalan-nya kereta G.M.C. atau pun "armoured car" yang dapat melindongi askar[2] ini dalam sa-suatu kejadian kechemasan. Ada-kah Menteri yang berkenaan berpuas hati pada mengatakan Pasokan Keselamatan kita yang menerima akibat pada 17hb Jun di-kawasan Kroh dan Betong ini ia-itu chuai dalam menjalankan tindakan-nya.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan sadikit berkenaan dengan kegunaan kereta[2] kebal mengiringi satu[2] convoy yang mengikuti jalan ini. Kereta kebal tidak

di-gunakan kerana sa-belum di-adakan meshuarat Jawatan-kuasa Sempadan yang di-adakan di-Kuala Lumpur baharu[2] ini ada-lah dasar Kerajaan Siam tidak membenarkan sebarang kereta kebal masok ka-sempadan Siam. Jadi jalan dari Betong ka-Kroh ini ada-lah, kalau tidak salah saya, ada-lah dalam 12 batu. Jadi lima enam batu dari Kroh ka-Betong itu ada-lah dalam daerah kita, sa-lepas daripada itu kita menyeberang sempadan Siam—Thailand dengan Malaysia, dan jalan yang baki-nya daripada sempadan Betong yang jauh, kalau tidak salah saya, lebeh kurang sembilan batu ada-lah kawasan Thailand dan mengikut arahan, atau pun dasar Kerajaan Thailand ini kita tidak-lah boleh membawa, atau pun menggunakan kereta[2] kebal untok mengiringi convoy[2] ini dan peristiwa yang berlaku ini telah berlaku chuma lebeh kurang 50 ela sahaja daripada sempadan Siam. Jadi sa-lepas berlaku peristiwa sa-macham ini di-meshuarat Jawatan-kuasa berkaitan dengan sempadan ini yang mengandongi ahli[2] daripada Thailand dan Kerajaan Malaysia perkara ini telah di-bangkitkan sa-mula dan pehak kami telah meminta kebenaran, kalau boleh menggunakan kereta[2] kebal supaya mengiringi convoy[2] yang melalui jalan[2] itu. Jadi persetujuan telah terchapai dalam mana kita di-benarkan membawa kereta[2] kebal daripada pehak Polis bukan Tentera, dia tidak benarkan satu[2] kereta kebal, atau pun "armoured vehicle" daripada Pasokan Tentera, tetapi dia telah bersetuju membenarkan kereta[2] kebal "armoured vehicle" supaya mengiringi convoy[2] daripada Pasokan Polis kita. Jadi dengan persetujuan yang telah terchapai ini, kita telah memberi arahan bahawa daripada masa yang akan datang—pada masa yang akan datang convoy[2] atau pun askar[2] yang hendak di-bawa ka-Betong itu akan di-bawa, kalau tidak dengan jalan helikopter udara di-bawa dengan convoy yang di-iringi oleh kereta[2] kebai atau pun "armoured vehicle" daripada Pasokan Polis kita.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Mengikut apa yang di-fahamkan oleh Menteri yang berkenaan tadi tidak-lah shak lagi bagi saya bahawa kechelakaan yang menimpa Pasokan Keselamatan kita ia-lah dengan sebab terdedah kapada serangan[2] musoh. Timbul-nya perkara perundingan yang di-adakan yang membolehkan pula baharu sahaja hendak di-adakan dan hendak dibolehkan pula, ia-itu tiap[2] convoy kita di-escort, atau pun di-kawal oleh pasokan[2] kereta kebal ini memang satu perkara yang saya uchapkan terima kaseh. Jadi sa-lama ini bolehlah saya mengatakan kechelakaan yang berlaku kapada Pasokan Keselamatan kita oleh kerana kurang kesempurnaan, kurang kebijaksanaan dalam soal kita mengawasi, atau pun menjalankan tindakan[2] di-sebabkan kesempurnaan alat[2] kawasan[2] kita tidak dapat di-chukupkan.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita tidak bersetuju sama sa-kali dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu. Mengikut penyiasatan yang telah di-jalankan sa-lepas berlaku peristiwa ini, maka telah di-dapati segala persiapan, segala peratoran untok menchegah sa-suatu peristiwa kemalangan serang hendap sa-macham ini telah di-ambil, pehak convoy yang membuat convoy ini telah mengikut chara[2] atoran, jalan convoy-nya, jarak antara satu lori convoy itu dengan satu yang lain ada-lah mengikuti regulation[2] yang memang ada dan mengikut laporan yang di-beri oleh pehak Tentera dan Polis ada kereta kebal pada masa itu, memandangkan kapada banyak-nya position dia, serang hendap dia itu tujoh-belas semua-nya dan bukan sa-mata[2] menggunakan rifle tetapi ada menggunakan submachine gun dan senjata[2] yang lain[2]. Laporan-nya menyatakan dalam pada kita menggunakan kereta kebal Pasokan Keselamatan kita tidak akan selamat dan saya pun berpeluang juga melawat tempat serang hendap dan menengok letak-nya jalan itu, terrain di-situ, bukit di-sabelah kiri, gaung sa-belah kanan, saya rasa macham

mana kemas kawalan convoy ini oleh kereta² kebal, saya perchaya convoy ini tidak akan terlepas daripada kemalangan serang hendap yang telah berlaku.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri yang berkenaan kata Jawatan-kuasa Keselamatan Sempadan telah merundingkan, membinchangkan perkara yang berlaku itu. Saya suka hendak bertanya ada-kah Jawatan-kuasa itu merundingkan tentang:

(1) Di-atas kurang kejujoran-nya askar² Siam yang menjalankan operation bersama² dengan askar² Malaysia kita di-mana² tempat dalam masa di-adakan operation.

(2) Ada-kah Jawatan-kuasa itu sedar ia-itu kadang² operation yang di-jalankan oleh askar² Malaysia itu tidak dapat di-ikuti sama oleh operation² yang di-jalankan oleh askar² Siam. Kadang² askar² Siam ini chuma tinggal dua atau tiga orang sahaja dan di-katakan mereka telah pergi berchuti ka-Bangkok, atau pergi ka-lain negeri di-tempat mana² dan tidak dapat mengikuti askar² Malaysia dalam masa di-jalankan operation itu.

Kira-nya Jawatan-kuasa ini sedar di-atas kechuaian pehak askar Siam itu, ada-kah Jawatan-kuasa ini memikirkan satu kaedah dan satu chara yang lain dalam menjalankan Operation Bersama dengan askar Siam supaya kita tidak mendapat kemalangan yang sama sa-bagaimana yang telah berlaku itu?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa perkara sama ada Pasokan Keselamatan Thailand yang bergerak di-sabelah Thailand itu kurang jujur, atau pun jujur dalam chara² gerakan-nya tidak menjadi perkara perbinchangan di-dalam meshuarat yang telah lepas, kerana Kerajaan kita ada-lah berasa puas hati dengan kejujuran pasokan² Thailand, tetapi dalam pada itu perkara bilangan pasokan² Thailand di-sabelah sempadan sana ada-lah perkara dalam perbinchangan dan di-meshuarat itu telah di-persetujuï oleh Kerajaan Thailand menambah bilangan pasokan² gerakan dia di-sabelah sana, kerana memandang kapada laporan² yang telah di-beri berkenaan dengan bilangan orang² pengganas, orang² jahat komunis yang bergerak di-dalam hutan di-sabelah sempadan Siam dan memandang kapada kegiatan-nya dalam lima enam bulan ini bergerak, maka di-fikirkan bahawa Pasokan Keselamatan di-sabelah sempadan Thailand itu patut di-tambahkan dan Kerajaan Thailand telah bersetuju menambahkan bilangan pasokan-nya di-sabelah daerah dia.

Tentang perkara kerjasama antara Pasokan Keselamatan kita dengan Pasokan Keselamatan Siam memang ada perjanjian daripada dahulu bahawa Pasokan Keselamatan kita daripada pehak polis selalu bergerak bersama². Memang itu perjanjian-nya, kalau sa-kira-nya kita hendak mengadakan operasi di-sabelah Thailand ini kita mesti bersama² bergerak dengan pasokan dia. Dan meshuarat yang lepas telah di-persetujuï juga kalau sa-kira-nya di-dapati komunis² di-daerah sempadan itu bila di-kejar, dia lari di-sabelah sampadan Siam itu. Persetujuan juga telah di-chapai dalam peristiwa yang sa-macham itu pehak² tentera kita yang sa-lama ini tidak di-benarkan menyeberang ka-sabelah sempadan Siam telah di-benarkan memasoki wilayah Thailand bagi mengejar pehak² komunis yang telah di-jumpaï di-daerah sempadan.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Ada-kah Jawatan-kuasa itu sedar apabila askar² Malaysia ini menjalankan operation di-sabelah sempadan Siam itu, mengejar komunis² itu, mereka ini terpaksa dudok di-bawah perentah dan arahan Ketua Askar Siam, tidak di-bawah ketua askar mereka sendiri? Umpama-nya, kalau mereka berjumpa komunis, mereka tak boleh menyerbu, atau pun menembak, melainkan mendapat arahan daripada Ketua Askar Siam, tidak daripada ketua askar

mereka sendiri? Ada-kah benar perkara itu berlaku, atau pun sa-kira-nya berlaku, ada-kah perkara itu menjadi satu bahathan dan perbinchangan di-dalam Jawatan-kuasa?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Saya tidak mendengar perkara yang sa-macham ini dan perkara sa-macham ini tidak menjadi satu daripada perkara yang di-binchangkan di-meshuarat yang telah lepas. Sa-takat yang saya tahu pasokan kita dan pasokan Thailand ada-lah bekerjasama dalam mengadakan satu² gerakan di-kawasan Thailand dan satu² pasokan ada-lah di-bawah ketua-nya masing².

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Soalan tambahan. Saya suka bertanya kapada Menteri yang berkenaan ia-itu satu perkara yang saya maseh ragu². Siapa-kah yang sa-benar²-nya bertanggong-jawab bagi keselamatan bagi kawasan itu, ada-kah bagi pehak polis daerah bagi kawasan Baling, atau pun Kroh atau pun pada Pasokan Bersama Pasokan Keselamatan bagi kawasan Malaysia dan sempadan Siam?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana barangkali Ahli Yang Berhormat ma'alum memang telah tertuboh satu Jawatan-kuasa Bersama (Joint Committee) antara Kerajaan Thailand dengan Kerajaan kita dalam mana Jawatan-kuasa ini di-beri tugas menguruskan perkara² berkenaan dengan Joint Operation—Operasi Bersama di-antara Pasokan Keselamatan kita dengan Pasokan Keselamatan Thailand dan committee ini atau pun Joint Committee—Jawatan-kuasa Bersama ini selalu bersidang, kalau saya tidak salah, sa-bulan atau dua bulan sa-kali dan perkara² yang berkaitan dengan Operasi Bersama tentang Pasokan Keselamatan kita dan Pasokan Keselamatan negeri Thailand itu selalu di-binchangkan. Mana² perkara yang tidak betul di-perbetulkan dan kalau sa-kira-nya ada benda, perkara yang patut di-elokkan, di-chadangkan oleh Jawatan-kuasa ini, di-perelokkan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi, saya bertanya ada-kah Polis Daerah itu bertanggong-jawab bagi keselamatan kawasan di-sempadan itu bersama?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Saya kurang faham soalan Ahli Yang Berhormat itu.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya kemukakan ada-kah kawasan bagi keselamatan di-daerah Baling dengan Kroh ini di-bawah kawalan, atau pun tanggong-jawab Polis Daerah atau Pakatan Bersama ia-itu Kawalan Bersama antara Malaysia dengan Pasokan Keselamatan Thai?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Ini ada-lah tanggong-jawab bersama yang di-ketuai oleh kedua² pehak keselamatan negeri Thailand dan negeri kita. Di-Kroh di-sana ada di-tempatkan ramai bilangan pasokan Field Force yang di-arahkan perjalanan-nya di-Kroh dan juga Headquarters-nya di-Kroh dan bagitu juga di-sabelah Thailand-nya ada Pasokan Keselamatan Thailand bukan daripada tentera, tetapi daripada Pasokan Polis yang sa-tiap masa berhubong rapat dengan Pasokan Keselamatan kita daripada pehak Polis Hutan yang ada di-sabelah sempadan kita.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, sa-telah berlakunya kemalangan ini, ada-kah pehak Jawatan-kuasa Keselamatan daripada pehak Malaysia ini telah menjalankan, mendapat gambaran yang nyata dan jelas tentang bagaimana kemesraan di-antara askar Malaysia dengan askar Siam waktu mereka ini menjalankan operasi² di-sabelah Siam dan juga di-sabelah Malaysia. Ada-kah gambaran yang jelas telah di-ambil daripada mereka yang menjalankan operation itu sendiri tentang kemesraan, sa-kira-nya ada, di-antara askar Malaysia dengan askar Siam waktu menjalankan operation pada tiap² kali operation di-jalankan di-sabelah negeri Siam?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Rasa saya perkara ini tidak timbul kerana sa-takat yang saya tahu perhubongan antara Pasokan Kesela-

matan kita dan Pasokan Keselamatan Thailand di-dalam perkara² operasi ini ada-lah sa-tiap masa mesra.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Is it not a fact that the O.C.P.D. of Baling is in complete charge of Kroh District? Is he the one who is responsible for the safety of the Kroh District?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Barangkali Ahli Yang Berhormat tahu bahawa Jawatan-kuasa ini—Joint Committee bagi pehak kita ini ada-lah di-dalam jagaan, atau pun arahan sa-orang pegawai tinggi ia-itu Ketua Polis Kedah dan di-bawah-nya ada-lah lagi pegawai² yang kanan termasok juga O.C.P.D. Baling. Dan sa-bagaimana barangkali Ahli Yang Berhormat ma'alum juga kita telah melantek sa-orang director—Pengarah Operasi daripada tentera ia-itu General Abdul Hamid Bidin kita sendiri yang bertanggong-jawab untok merapatkan lagi, mengemaskan lagi Pergerakan² Operasi yang di-jalankan di-sabelah sempadan antara Thailand dengan Malaysia.

## BANTUAN YANG DI-BERI OLEH KERAJAAN KAPADA BALU DAN ANAK PERAJURIT² MALAYSIA

3. **Tuan Saidon bin Kechut** bertanya kapada Menteri Pertahanan apa-kah jaminan atau bantuan tegas sa-chara tetap telah di-beri oleh Kerajaan kapada balu dan anak perajurit² kita yang terbunoh dalam masa khidmat mereka.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada wang sagu hati sa-banyak $1,000 balu² dan anak² perajurit² yang terbunoh sa-masa menjalankan kewajipan berhak untok mendapat penchen mengikut peratoran Federation Army Retired Pay Pension Gratuities dan juga Regulations tahun 1961. Sa-bagai tambahan daripada ini, balu² perajurit² tersebut juga berhak di-bayar ganjaran² terbunoh dalam masa berkhidmat. Anak² mereka berhak di-beri elaun kanak² sa-banyak $16.80 sa-orang sa-bulan dan bayaran ini terhad kapada enam orang anak sahaja pada masa perajurit itu terbunoh. Elaun ini chuma di-bayar sa-hingga kanak² itu berumor 17 tahun. Walau bagaimana pun Majlis Angkatan Tentera boleh membenarkan pembayaran elaun itu di-lanjutkan lagi sa-kira-nya di-dapati kanak² itu maseh belajar sa-telah umor mereka meningkat lebeh daripada 17 tahun.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana barangkali Ahli² Yang Berhormat ma'alum telah di-tubohkan satu badan yang di-namakan Badan Derma Kebajikan Perwira yang di-Pengerusikan oleh saya sendiri dan derma² sa-takat ini sa-banyak lebeh kurang $29,000 telah di-terima daripada sekalian lapisan ra'ayat dan wang ini akan di-uruskan oleh satu Lembaga (Board) yang mana akan terkandong ahli² daripada Pejabat Public Trustee dan lain² juga untok menjaga, memberi peluang kapada anak² orang yang terkorban itu yang tidak mampu melanjutkan pelajaran, di-beri bantuan dan pertolongan yang berpatutan daripada wang derma ini supaya boleh mereka terus belajar.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan. Saya sedar bantuan² yang di-beri oleh Kerajaan, juga bantuan² yang di-beri oleh orang ramai kapada mangsa² yang terkorban daripada Pasokan Keselamatan kita. Maksud pertanyaan saya dalam soalan ini, ia-itu saya ingin hendak mendapat penjelasan, apa-kah bantuan sa-chara tegas dan tetap yang di-berikan kapada balu², anak², kapada peninggalan Pasokan Keselamatan kita yang terkorban kalau pun ada bagaimana yang di-jelaskan oleh Menteri yang berkenaan tadi, ia-itu ada penchen-nya sadikit, ada sagu hati-nya sadikit dan ada bayaran bantuan daripada orang ramai sadikit. Ini bukan di-ma'anakan dengan bantuan yang tetap, bantuan yang tegas, jadi penderitaan yang di-tanggong oleh anak² bekas Pasokan Keselamatan yang terkorban ini kita tahu dengan bantuan yang di-berikan, bagaimana yang di-terangkan tadi, mungkin tidak melapangkan penderitaan keluarga Pasokan Keselamatan kita yang menerima kemalangan ini. Saya maksudkan

dari pehak Kerajaan dapat-kah mengadakan satu ranchangan untok membantu dengan erti kata yang sa-benar-nya, Pasokan Keselamatan yang bertanggong-jawab ini ada-lah mempunyaï tugas yang penting dan mustahak lebeh daripada orang lain dengan sebab itu pengorbanan-nya harus di-bayar dengan sa-chara memberikan pembalasan yang sa-baik²-nya kapada balu dan anak² bekas Pasokan Keselamatan kita.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Perkara yang saya bachakan dan sebutkan tadi ada-lah bantuan² yang chara tegas, yang specific, yang biasa dan yang akan di-bayar oleh pehak Kerajaan kapada balu² dan anak² orang yang terkorban, tetapi dalam pada itu Kerajaan juga tidak sunyi daripada mengadakan, atau pun menimbangkan berbagai perkara untok memberi kelapangan, kesenangan kapada anak², balu² orang² yang telah terkorban itu.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan. Saya ingin hendak dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bayaran² yang merupakan sagu hati yang biasa di-beri oleh Kerajaan kita kapada sa-saorang Pasokan Keselamatan yang menerima akibat kechelakaan ia-itu sa-banyak $2,000, $3,000, $4,000 yang biasa saya dengar tak sampai $4,000 lebeh kurang $3,000 selalu saya dengar. Jadi kalau di-bandingkan dengan majikan² dalam lapangan pekerjaan yang lain, juga sa-orang kaum buroh mendapat sampai 11-13 ribu ringgit dalam sa-suatu kemalangan. Kenapakah perkara ini berlaku dalam Pasokan Keselamatan kita dengan mendapat layanan yang bagitu kurang memuaskan?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Saperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah bayaran bukan tetap tetapi bayaran sagu hati sahaja di-bayar kapada balu² mereka yang telah terkorban.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Akhir-nya saya ingin mendapat penjelasan ada-kah Kerajaan akan mengadakan ranchangan untok menimbangkan chara yang lebeh baik bagi menghadapi masaalah pengorbanan Pasokan Keselamatan kita ini sa-bagai bantuan yang sa-patut-nya.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya memberi penjelasan tadi, perkara ini ada-lah di-dalam timbangan pehak Kerajaan.

## PENGAWAL TALIKOM, TRENGGANU DAN KELANTAN—PENYIASATAN BERKENAAN DENGAN PENGGUNAAN KUASA-NYA

**4. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya** bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah beliau akan menjalankan penyiasatan untok menentukan:

(i) sama ada Pengawal Talikom, Trengganu dan Kelantan, telah menyalah-gunakan kuasa²-nya terhadap—

(*a*) peniaga² Melayu yang menjadi pelanggan² talipon, dan

(*b*) Ahli² Parlimen di-Kelantan, dengan memotong talipon² mereka tanpa menunggu bayaran² bil² talipon di-jelaskan oleh pejabat Parlimen; dan

(ii) ada-kah dia akan terus menempatkan Pengawal Talikom itu sa-bagai Pengawal Talikom, Trengganu dan Kelantan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan yang di-tanya oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah soalan yang ke-4 dan ada beberapa bahagian di-dalam soalan itu.

Untok menjawab-nya, saya suka menyatakan ia-itu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom tidak mengetahuï yang Pengawal Talikom Kelantan dan Trengganu telah menyalah-gunakan kuasa²-nya terhadap peniaga² Melayu dan Ahli² Parlimen pada masa memotong talipon² kerana tidak menje'laskan bil² talipon mereka.

Di-antara bulan Januari dan Julai tahun ini, sa-banyak 134 buah talipon di-Kelantan telah di-potong untok sementara atau pun "Temporarily put out of service" dalam bahasa Inggeris, kerana bil² talipon itu tidak di-jelaskan dalam masa yang di-tentukan. Analisa pemotongan² talipon menunjokkan bahawa tidak ada pileh-memileh telah di-lakukan terhadap sa-suatu golongan penduduk². Ahli² Parlimen ada-lah juga sedar bahawa talipon² di-pasang di-atas nama mereka sendiri dan mereka ada-lah bertanggong-jawab bagi menjelaskan bil² mereka. Sa-kira-nya bil² itu tidak di-jelaskan dalam masa yang munasabah, talipon² itu, saya dukachita menyatakan, terpaksa-lah di-potong.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Jawapan Menteri tadi kata, Menteri yang berkenaan tidak mengetahuï adanya salah-guna kuasa oleh Pengawal Talikom, Kelantan dan Trengganu.

Soalan tambahan saya, sa-kira-nya Menteri yang berkenaan tidak mengetahuï ada-nya salah-guna kuasa oleh Pengawal Talikom, Kelantan dan Trengganu, apabila sampai-nya soalan saya ini kapada Kementerian yang berkenaan, tidak-kah Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan untok menyiasat sa-kira-nya ada atau tidak-nya salah-guna kuasa yang di-jalankan oleh Pengawal Talikom, Kelantan dan Trengganu?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian telah pun menyiasat perkara ini dan dalam siasatan Kementerian ini telah di-dapati ia-itu talipon² yang telah di-potong buat sementara waktu, atau pun "Temporarily out of service" mengikut bulan² daripada Januari sa-hingga akhir bulan Julai, ada-lah saperti berikut:

Bulan Januari saya akan berikan satu persatu, ia-itu berkenaan dengan M.Ps. dan Senators: Assemblymen, Malay subscribers dan orang² yang bukan Melayu dan jumlah-nya.

Pada bulan Januari, 1968—tidak ada talipon² kapada M.P. dan Senator yang di-potong.

Assemblymen Negeri Kelantan—tidak ada.

Orang Melayu 2

Bangsa Lain—1

| *Bulan* | *M.Ps. dan Senators* | *Assembly men* | *Orang Melayu* | *Bangsa Lain* |
|---|---|---|---|---|
| Februari | Tidak ada | Tidak ada | 7 | 24 |
| Mach | Tidak ada | Tidak ada | 4 (ia-itu orang perniagaan dan sa-bagai-nya | 20 |
| April | Tidak ada | Tidak ada | 7 | 7 |
| Mei | Tidak ada | Tidak ada | 9 | 28 |
| Jun | 1 | Tidak ada | 7 | 6 |
| Julai | 2 | Tidak ada | 3 | 6 |

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas dan nyata bahawa sa-nya tidak ada pileh-memileh untok menekan sa-siapa pun lebeh² lagi peniaga² Melayu, atau pun pemegang talipon atau pun M.Ps. dan Senators sa-bagaimana soalan Ahli Yang Berhormat itu, kerana sa-bagaimana saya telah nyatakan tadi, ia-itu dalam bulan Februari, orang Melayu sahaja 7 kena potong, walhal bangsa lain 24. Dalam bulan Mach, orang Melayu kena potong 4, bangsa lain 20 kena potong. Dalam bulan Mei, orang Melayu 9, orang lain kena potong 28.

Jadi di-sini sudah nampak jelas dan nyata, ia-itu kenyataan Ahli Yang Berhormat itu tidak terang dan tidak betul.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana yang di-terangkan oleh Menteri menyatakan ramai orang bangsa lain yang telah di-potong dan orang Melayu itu sadikit sahaja, itu ada-lah di-kira di-atas peratus pemakaian talipon, pemakaian talipon orang Melayu kurang, pemakaian talipon orang yang bukan Melayu itu lebeh ramai, tetapi mengikut penyiasatan saya daripada pegawai² yang bertanggong-jawab sendiri dalam Pejabat Talikom di-Kelantan, mereka menyatakan pengguna² talipon daripada orang yang bukan Melayu apabila tidak membayar talipon-nya dan mereka itu sahabat Pengawal Talikom, maka tidak di-potong talipon itu tetapi dalam list-nya di-katakan potong, tetapi Pengawal Talikom menalipon ka-rumah kawan itu, atau ka-gudang kawan itu minta tolong bayar, kalau tidak di-potong.

Tidak-kah ini satu langkah yang menyalah-gunakan manakala orang Melayu, pekedai Melayu, peniaga Melayu tidak ada talipon ka-kedai, atau pun ka-rumah, atau pun di-beri tahu supaya di-bayar, tetapi apabila bukan Melayu, taukeh² yang dia kenal sa-bagai peniaga, sahabat handai-nya, Pengawal Talikom sendiri menalipon kapada kedai itu tolong bayar chepat-lah nanti talipon awak kena potong. Ini perkara yang berlaku daripada penyiasatan saya sendiri yang tidak boleh di-nafikan oleh peniaga list itu sendiri, daripada pekerja yang menjaga senarai dan daripada Assistant Controller itu sendiri yang tidak boleh menafikan penyiasatan saya. Kalau Menteri yang berkenaan menyiasat daripada Pengawal Talikom sudah tentu-lah soalan itu di-jawab mengikut chara² yang boleh mengelakkan daripada tudohan itu. Tetapi soalan ini sekarang, ada-kah penyiasatan itu di-buat, di-buat kapada pekerja² yang bertanggong-jawab di-dalam pejabat itu sendiri, yang boleh di-bongkarkan rahsia menyalah-gunakan kuasa² itu. Itu siasatan yang saya kehendaki bukan siasatan biasa yang chuma di-hantarkan soalan dan minta jawapan. Saya hendak tahu ada-kah Menteri yang berkenaan memanggil orang yang menjaga list itu dan menengokkan senarai itu, ada-kah senarai yang di-perentah potong itu benar di-potong atau pun tidak di-potong, sebab ada senarai sekian hari bulan di-potong, tetapi talipon-nya tidak di-potong, kerana di-beri tahu kapada taukeh yang berkenaan itu bayar lebeh dahulu, kalau tidak terpaksa kami memotong. Tetapi bagi orang Melayu, peniaga Melayu datang sahaja list tetap di-potong, satu minit pun tidak ada di-beri tahu. Ini ada-lah satu salah-guna kuasa dan juga perasaan perkauman yang telah di-salah-gunakan di-dalam pekerjaan-nya.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukachita kira-nya Ahli Yang Berhormat ini dapat membuktikan satu persatu ia-itu memberi nama siapa-kah orang-nya talipon yang patut di-potong akan tetapi tidak di-potong supaya siasatan lanjut boleh di-jalankan.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi—soalan original saya, ada-kah Menteri yang berkenaan hendak menyiasat dalam perkara salah-gunakan kuasa oleh Pengawal Talikom Kelantan? Apa-kah Menteri berchadang hendak menyiasat di-atas perkara salah-gunakan ini; itu soalan saya. Kalau dia tidak mahu siasat, dia chakap terang² saya tidak mahu siasat, tidak payah saya pergi menerangkan satu persatu, sebab saya bukan ahli yang bertanggong-jawab untok mengeluarkan segala kenyataan rahsia yang ada dalam Pejabat Talikom di-Kelantan.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai bukti ia-itu siasatan telah di-jalankan saperti yang telah saya terangkan tadi satu persatu, tetapi untok memuaskan hati Ahli Yang Berhormat ini saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu, jika dia bersetuju supaya memberi tahu satu persatu orang² siapa yang patut talipon dia di-potong, siapa dia, talipon nombor dia dan bila tarikh-nya patut di-potong supaya siasatan lanjutan itu akan dapat di-jalankan.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya terangkan, segala kertas itu ada dalam Pejabat Talikom di-Kelantan yang di-rahsiakan. Kalau Menteri yang berkenaan hendakkan kertas itu dan memanggilkan pegawai yang bertanggong-jawab yang menjaga senarai itu, sudah tentu pegawai itu menerangkan perkara yang sa-benar, tetapi jangan menyoal Pengawal Talikom sebab ini involve diri-nya sendiri yang menyalah-gunakan kuasa. Jadi, itu-lah sebab soalan yang saya katakan ini ada-kah Menteri yang berkenaan berchadang hendak menyiasat bukan menyiasat Pengawal Talikom, siasat dalam Jabatan Talikom di-Kelantan itu tentang chara dan salah-gunakan kuasa yang ada dalam Pejabat Talikom itu. Ini, siasatan yang saya mahu bukan memanggil kenyataan daripada Penga-

wal Talikom. Kalau orang Melayu di-potong dengan tidak ada ma'af, orang bangsa lain di-beri tahu supaya tidak di-potong; ini satu salah-gunakan dan ini chara perbedzaan bangsa yang di-gunakan oleh Pengawal Talikom Kelantan dan saya telah siasat sendiri hal ini. Assistant Controller dan pekerja² dalam Talikom Kelantan tidak menafikan apa yang saya katakan ini. Ini perkara yang berlaku yang terang saya dapat daripada penyiasatan saya sendiri.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya katakan tadi, jikalau kita ada satu tanda² ia-itu di-mana kita boleh menchari, tetapi sa-chara umum ini susah kita hendak buat kerja, chara umum. Tetapi, saya bukan minta Ahli Yang Berhormat itu memberi tahu dalam Majlis ini jika dia tidak berkehendakkan, tetapi dia boleh menulis surat kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom memberitahu supaya kita boleh menjalankan siasatan, bukan tidak mahu.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan.

**Tuan Lim Hee Hong:** (*rises*)

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Satu lagi Soalan 4 (ii) itu belum di-jawab lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudah ada dalam jawapan Menteri tadi.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Apa jawapan yang hendak di-beri telah pun saya beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudah di-jawab tadi.

### CHADANGAN MEMINDA THE BOARDING HOUSE ENACTMENT TERHADAP BAYARAN

5. **Tuan Lim Hee Hong** bertanya kapada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah dia akan meminda the Boarding House Enactment supaya menjadikan satu kesalahan jenayah bagi sa-saorang yang tidak berupaya membayar bil-nya tanpa mendapat kebenaran berhutang terlebeh dahulu daripada pengurus hotel.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw-Kai Boh):** Tuan Yang di-Pertua, the Boarding House Enactment Chapter 87 mengandongi peruntokan bagi mengawal dan melesen rumah² tumpangan. Peruntokan² Enactment itu termasok kuasa membuat peratoran² ada-lah sa-mata² di-tujukan kapada pengurusan rumah² tumpangan. Oleh itu, di-fikir tidak-lah sa-wajar-nya membuat peruntokan di-dalam-nya saperti yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu.

Walau bagaimana pun, keadaan saperti yang di-terangkan dalam shor Yang Berhormat Senator itu nampak-nya telah pun di-peruntokkan dalam Penal Code berkenaan perbuatan menipu. Oleh itu ada-lah melebeh²kan jika peruntokan di-buat sa-kali lagi bagi-nya di-dalam undang² yang lain.

## RANG UNDANG²

### RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1967) (No. 2)

**Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² yang bernama suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untok perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu di-bacha bagi kali yang kedua.

Rang Undang² ini ada-lah bertujuan mendapatkan kelulusan bagi Peruntokan Tambahan dan ini menjadikan tambahan ini tambahan yang ketiga untok tahun 1967.

Fasal 2 Rang Undang² itu ada-lah bertujuan mendapatkan kebenaran untok Perbelanjaan Tambahan sabanyak $52,559,046 untok perkhidmatan tahun 1967 dan ini ada-lah di-tunjokkan di-dalam Jadual kapada Rang Undang² ini dan juga di-dalam bahagian perbelanjaan perbekalan

dalam Anggaran$^2$ Perbelanjaan Tambahan Yang Ketiga, 1967 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perentah Bil. 37 tahun 1968. Sa-bagaimana Ahli$^2$ Yang Berhormat boleh perhatikan daripada wang sa-jumlah $71,811,166 yang di-masokkan kadalam tambahan ini, maka wang sa-jumlah $19,252,120 ada-lah dikehendaki untok membiayaï perbelanjaan perkhidmatan$^2$ yang di-tanggong (charged) dan butiran$^2$ perbelanjaan tanggongan ini ada-lah di-terangkan dengan penoh-nya di-muka 3 hingga 7 dalam Kertas Perentah Bil. 38, 1968.

Anggaran perbelanjaan yang asal yang telah di-luluskan oleh Parlimen untok tahun 1967 berjumlah sa-banyak $1,828.6 juta. Jikalau di-ambil kira perbelanjaan perbekalan dan tanggongan di-dalam tambahan$^2$ pertama dan kedua dan di-dalam tambahan ini bersama, maka jumlah peruntokan bagi tahun 1967 ia-lah $2,009.3 juta, tetapi perbelanjaan sa-benar ada-lah dianggarkan sa-banyak $1,910 juta sahaja.

Di-dalam bahagian Perbekalan Tambahan ini butiran yang besar sa-kali ia-lah terhadap Kepala B. 18—Bantuan$^2$ dan Pemberian$^2$ Pelajaran yang memerlukan wang sa-jumlah $27.8 juta daripada mana $15.8 juta ada-lah untok bantuan kapada Sekolah$^2$ Rendah dan $12 juta lagi ada-lah untok bantuan$^2$ kapada Sekolah$^2$ Menengah. Perbelanjaan ini ada-lah bergantong kapada ramai-nya murid$^2$ ramai-nya murid$^2$ telah di-dapati ber-yang bersekolah dan pada tahun 1967, lebehan daripada apa yang telah di-jangkakan.

Kepala B. 28—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan memerlukan wang sa-banyak $23.8 juta daripada mana $14.5 juta ada-lah bagi membiayaï kerugian nilai penanaman modal sterling yang di-pegang oleh Kerajaan akibat daripada turun-nya nilai pound sterling. Di-samping itu keuntongan sa-banyak $57.6 juta telah di-dapati atas pinjaman$^2$ sterling yang telah di-perolehi sa-belum 19hb November, 1967 akibat daripada turun-nya nilai pound sterling itu. $5.2 juta ada-lah di-kehendaki untok melaraskan kira$^2$ hasil terhadap suatu tuntutan dahulunya telah di-bangkitkan terhadap Singapura mengenaï chukai ka-atas pendapatan bersama dari 1hb Januari hingga 8hb Ogos, 1965, tetapi jumlah ini telah pun di-masokkan ka-dalam penyelesaian kewangan di-antara kedua$^2$ Kerajaan. Wang yang di-kehendaki itu ada-lah untok tujuan$^2$ akuan sahaja dan tidak melibatkan apa$^2$ perbelanjaan sa-benar-nya.

Lain$^2$ keperluan di-bawah B. 23 ialah $2.5 juta untok pinjaman$^2$ kapada Negeri$^2$ Kedah dan Kelantan, $725,000 untok menyelesaikan bayaran balek terhadap hasil Persekutuan yang dikutip dalam tahun 1967; dan $100,000 untok bayaran terhadap pertarohan modal Kerajaan di-dalam Sports Pool (Malaysia) Sendirian Berhad.

Kepala B. 20—Kementerian Luar Negeri—berkehendakkan wang sa-jumlah $282,853 untok menambah beberapa Pechahan$^2$-kepala oleh sebab peruntokan$^2$ di-bawah Perbelanjaan Ulangan dan Perbelanjaan Khas bagi Kementerian ini telah di-dapati tidak menchukupi untok tahun 1967 kerana keputusan$^2$ dasar yang mengenaï hal-ehwal luar negeri yang telah di-buat dalam tahun 1967.

Butiran$^2$ perbelanjaan yang lain di-dalam tambahan ketiga ini yang tidak saya huraikan ada-lah kechil jumlah$^2$-nya dan ini ada-lah di-terangkan dengan lanjut-nya di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang telah di-sebutkan dahulu yang telah pun di-edarkan kapada Ahli$^2$ Yang Berhormat dan oleh itu tidak-lah perlu bagi saya membuat penerangan yang lanjut di-atas-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya sebutkan tadi bahawa wang ini semua-nya telah di-belanjakan dalam tahun 1967 dan telah di-luluskan di-Dewan Ra'ayat, maka saya berharap dapat di-luluskan dalam Dewan Negara pada hari ini.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I wish to support the passage of this Bill for additional provision for this year from the Contingencies Fund.

Sir, I think the Government is aware, especially the Treasury, of the fact that although for every year we have exceeded our expenditure, yet there are sources which we have not yet tapped to balance our income. I think the Government is also aware of the fact that there are four projects which are lying in Penang to be implemented and which, I believe, will not produce the results as expected. One project is known as the Pantai Acheh project which deals with the development of a National Park, the second is the Hill Road project; the third is the Racing Complex; and the fourth is the Indoor Stadium.

Sir, all these will bring money to the Government if they are properly done. However, there are certain projects which will not bring money but will only help the developer, or the people who own the land there. For instance, Pantai Acheh need not be developed into a National Park. Maybe, we can do it by merely having roads and so on there to beautify the place for tourists rather than having a new resort. The Government has sat over it for many years, but there are private people, who could develop that Hill Road for the Government and beautify that place on certain conditions, if the Government would allow them to do it. Then, as regards to the Racing Complex, have we not already got the Batu Tiga Racing Complex in Kuala Lumpur for the purpose of motor racing? The fourth is the Indoor Stadium. At present, the Penang Stadium has become a "white elephant'. From a charge of over $100 per day for its use, the rate has gone down to $100, and yet nobody is using that Stadium.

Now, Sir, has the Government any idea of bringing in money for Penang owing to the erosion of its free port status? In the Lower House it has been stated that the erosion of Penang's free port status is producing hardships on businesses and on the people of Penang. I believe that this erosion can be counteracted. Penang must still be a free port in order to survive, because we understand that Thailand is developing Phuket into a free port. We are trading with South Thailand as a free port and if Penang is no longer a free port, then Thailand will develop Phuket and then we will lose the status of a free port, but that is not the object of what I am going to say today.

Sir, Penang has an unemployment figure of at least 20,000 adults, and more are becoming unemployed as the businesses close down. What is the Government going to do about how to encourage these people to be re-employed?

Firstly, we have in Penang beautiful beaches, facilities for buying everything there, hotels, roads. and everything to tempt the tourists there, but we have not got a Ministry of Tourism to exploit that area.

In 1960, from tourism alone we got $4 million. But from 1966 up to today, we got only $20 million from tourism. In Singapore, they have increased earnings from tourism alone by 150%—they are getting from tourism alone about $150 million per year. In Hong Kong alone, from tourism—this invisible export—they are getting $300 million, and this is an industry by itself. Sir, we are exporting all the timber we have from Sabah and Sarawak, but the value of the export comes only to $450 million a year. So, this industry of tourism is very important to the Government, and it will encourage employment. I know that generally hotels only occupy 3,000 square feet of space and within the 3,000 square feet of space they are employing 200 personnel. That means to say that they are employing per square foot more people than all the factories put together. We have 200 hotels in Malaysia and of course there are several rooms in each hotel.

In other countries for every guest in tourist complexes they have a cess. In Singapore I think, it is 3% for every guest that comes in. This money goes to the Ministry in charge of tourism. In Hong Kong, I think, the cess is about 10%, and in Tokyo may be 10% per guest. That means to say, if a room costs $20 you pay about 20 cents per guest as cess for the Government for tourism, and for $25 and above it is 25 cents. But that has nothing to do with the hotel, the hotel only collects it, it is the Government that gets it, and you have got to have forms and so on.

Mr President, Sir, in Malaysia alone we have 10 hotels and it has been calculated that if we levy a cess on these, we will be getting about $20,000 per month from hotels alone to pay for this Supplementary Bill. I want to draw the attention of the Ministry concerned to this so that it will investigate into this matter.

Sir, this matter is very important. If the Pacific Area Tourist Association, the hotels, the tourist trade, travelling agencies, all these will combine to give income to Malaysia with all its beautiful coasts and all its services, we will get, if not more than that of Singapore, at least $100 million a year. Now, we have a deficit, Mr President, Sir, in our Budget.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Untok penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, uchapan Yang Berhormat Dato' Dr Cheah tidak ada kena-mengena dengan Bill ini. Bill ini bukan-nya berhubong dengan hal tourism.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** I am speaking on the principle of the Bill. Why should the Government come up to us requesting for an additional $23 million for Treasury General Services when we can get $100 million to supplement our income?

I am giving the Government some idea of how we can get money. Mr President, Sir, we cannot get top artistes to come to this country. Artistes who come to this country have to pay a tax of 40% on their earnings. If a guest artiste gets $1,000 for his act, he has got to pay 40% of it, i.e. $400, to the Government. Can we get good artistes to come to this country to perform for us? We cannot. In Singapore, it is a flat rate of 15% and in other countries it is nil, because this is an invisible import for tourism. We want to bring up the image of the Alliance Government, an image that we are encouraging people to come to the country to see, that is to see how we live, the culture of the people, how we are creating a nation. But, we are not doing this. Why? Because we do not have a Ministry of Tourism to be in charge of this project which is bigger than any other project which the Government has thought of

The Government in the First Malaysia Plan proposes to spend $10,000 million. From the private sector alone the Government expects to get $4,500 million and the public sector $5,500 million for the First Malaysia Plan. We can get all the money if the Departments concerned, especially the Treasury, the Income Tax Department and the Internal Revenue Department should reduce the charges on artistes, like what is in Singapore, to 15% all round. But, here we have got 40%, so that an artiste who comes here has to pay 40%—for every $1,000 earned he has got to pay $400 to the Government. Can we get first-class artistes to come to this country, Mr President, Sir? No, we cannot. I suggest that the Government must enable the survival of the employment to the people of Penang especially, and to prevent the erosion of the free port status thus preventing hunger, unemployment, dissatisfaction and everything else in Penang which cause sorrow to the people.

Sir, the Government should develop tourism and only in tourism I can see that we can progress. We should allow people to come into the country to see how we live, especially tourists from South-East Asia—not the West but South-East Asia! We see people coming in from Japan, from Australia,

from New Zealand. These people who are spending most are people from Japan and New Zealand, but the Government has not got a Statistic Department to be in charge of this. The Government has no statistics to show who are the people who come in, whether they are New Zealanders, Australians, Japanese or Okinawans, or the rest of it? We put in blandly, arrivals so much, departures so much. The Government should have a Statistics Department for Tourism and I am reminding the Ministry on this. The Statistics Department should be there to see who come in, from what country, how much money they bring in, and so on, as in other countries, where and when you go there they check how much money you bring in, how much when you check out, and so on, to see how much you spend in the country. We must have a Statistics Department to do all these. Then we can develop a very good tourist trade in this country. Hotels can survive, everything can survive, and provide employment. In Penang five first-class hotels are going up and each of them will employ at least 200, so that, 1,000 people will be employed. So, I wish to draw the attention of the Government to this.

**Tuan Yang di-Pertua:** You are making repetitions. Please avoid repetitions.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** I want to bring this in again, because if I do not repeat, they don't understand, Mr President, Sir, (*Laughter*).

**Tuan Yang di-Pertua:** They do quite understand.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Now, Sir, I wish to bring in one of our greatest friends—Singapore. As far as we understand, there is some feeling that Singapore is not with us. Singapore is a very good friend of Malaysia. Why? Singapore is exporting goods worth $319 million to us; we export to Singapore $940 million worth of goods which means in exchange we get $600 million and, I think, we should be more close to Singapore. I saw from the list of Government statistics on imports that Singapore comes third in the buying of our goods.

There is another thing I wish to remind our Honourable Minister in charge—that is, to put more effort, to think more on how to increase the income of our country, so that our people can live happily instead of having 20,000 unemployed people in Penang. Thank You, Sir, (*Laughter*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua.

#### Bachaan kali yang Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² bernama "Suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untok perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu" di-bacha kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG² PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ASIA)

#### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² yang bernama "Suatu Act bagi membuat peruntokan untok Persekutuan atau Pehak² Berkuasa Berkanun Tertentu mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia dan untok perkara² yang bersangkutan dengan-nya" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tujuan² yang besar Bank Pembangunan Asia ia-lah memberi pinjaman kapada negeri² anggota yang sedang membangun untok membiayaï projek²

pembangunan-nya. Malaysia ia-lah salah satu anggota Bank tersebut. Bagi mengambil peluang tersebut, Malaysia telah pun membuat beberapa permohonan untok mendapatkan pinjaman daripada Bank itu bagi maksud membiayaï beberapa projek pembangunan yang berkaitan dengan ranchangan bekalan ayer, kelapa sawit dan lain² lagi. Ada-lah di-harapkan bahawa pinjaman yang pertama yang akan di-gunakan untok Projek Bekalan Ayer di-Pulau Pinang mungkin akan dapat selesai di-uruskan dalam bulan September tahun ini. Bank itu juga sekarang sedang mengkaji beberapa permohonan yang lain yang di-kemukakan oleh Malaysia.

Untok maksud mematohi kehendak² undang², maka satu undang² mustahak-lah di-luluskan membolehkan Kerajaan Malaysia dan pehak² berkuasa berkanun di-negeri ini mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia untok melaksanakan projek² pembangunan-nya. Rang Undang² yang di-bentangkan di-Dewan ini akan memberi kuasa kapada Kerajaan Malaysia dan pehak² berkuasa berkanun meminjam wang daripada Bank itu dan menerima tanggongan² yang di-sharatkan mengenaï pinjaman² yang di-perolehi-nya.

Saya suka menegaskan di-sini bahawa Rang Undang² ini ada-lah sa-mata² merupakan suatu perkara teknikal sahaja dan sa-mata² untok maksud memberi kuasa undang² kapada Kerajaan Malaysia dan pehak² berkuasa berkanun membuat perjanjian pinjaman dan jaminan dengan pehak Bank Pembangunan Asia. Suatu undang² yang sa-rupa dengan ini memang telah ada sekarang ini, ia-itu Ordinance Pinjaman (Bank Antara Bangsa), 1958, yang meliputi perjanjian² pinjaman dan jaminan yang di-buat dengan pehak Bank Dunia itu. Suka-lah saya menambah lagi bahawa Rang Undang² ini bukan-lah chadangan yang baharu tetapi hanya-lah suatu perkara untok meluaskan amalan yang telah sedia ada itu dengan perkara² saperti-nya yang baharu saya sebutkan.

Rasa-nya tidak-lah payah saya huraikan di-sini segala peruntokan Rang Undang² ini dengan lebeh lanjut lagi, kerana butir² keterangan-nya ada-lah di-terangkan dengan jelas-nya di-dalam Huraian yang di-lampirkan bersama² Rang Undang² ini.

Pada masa ini, untok pengetahuan Ahli² Yang Berhormat, bahawa Kerajaan kita sedang membuat urusan untok pinjaman wang ia-itu AS$2.3 juta kerana kilang memperoses kelapa sawit di-Pahang, Malaysia Barat, dan juga AS$7 juta projek perbekalan ayer negeri Pulau Pinang, dan juga enam kilang getah yang di-kaji sa-mula di-Malaysia Barat, dan juga kilang memperoses kelapa sawit di-Sabah yang berharga lebeh kurang AS$5.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengalu²-kan Rang Undang² ini, saya suka berchakap dengan sa-chara rengkas ia-itu saya menyokong Rang Undang² ini kerana Rang Undang² ini akan memberi kebajikan yang besar kapada negara kita ini. Dengan ada-nya Rang Undang² ini dan dengan pertimbangan yang baik daripada Bank yang berkenaan itu, saya perchaya banyak ranchangan² kita yang dalam pertimbangan Kerajaan akan dapat kita laksanakan dengan bantuan yang akan di-beri oleh Bank yang berkenaan.

Saya rasa perlu kita menarek perhatian pehak MARA yang di-pengerusikan oleh Menteri yang membawa Rang Undang² ini sendiri, ia-itu ini-lah peluang yang sa-baik²-nya untok MARA mendapatkan puncha kewangan bagi menanggongkan perbelanjaan dalam projek² MARA yang sedang di-atorkan dan sedang di-ranchangkan oleh MARA pada masa ini. Kita mendengar MARA akan membuka berbagai² kilang dan sedang berusaha menyusun berbagai² ran-

changan dan saya rasa tentu-lah puncha kewangan yang MARA dapat daripada Kerajaan Malaysia ini sa-banyak $30 million itu tidak akan dapat menchukupkan untok menanggongkan perbelanjaan ranchangan² yang kita ada itu. Jadi saya rasa sudah sampai-lah masa-nya, apabila Rang Undang² ini di-luluskan, MARA akan mengatorkan beberapa projek, beberapa Kertas untok di-sampaikan permohonan-nya kapada Bank Asia ini supaya dapat kita meminjam wang² untok menanggongkan perbelanjaan ranchangan² yang telah di-atorkan dan di-susun oleh MARA. Kita dengar beberapa masa dahulu M.I.D.F.L. ia-itu perbadanan yang di-tubohkan oleh Kerajaan dengan ahli² perdagangan di-Malaysia ini pernah mendapat bantuan modal daripada Bank Dunia dengan sokongan daripada Kerajaan Pusat sa-banyak tidak kurang $30 million, maka kenapa tidak MARA akan dapat sokongan daripada Kerajaan untok mendapatkan pinjaman daripada Bank Asia ini. Jadi ini-lah pandangan sa-chara rengkas daripada saya kapada MARA dan kapada Kerajaan supaya dapat kita melaksanakan lagi usaha bagi meletakkan orang² bumiputera dalam lapangan perusahaan dan perdagangan.

Sekian, terima kaseh.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh di-atas pandangan Senator Nik Hassan dan ini tentu-lah jadi pertimbangan oleh Kerajaan dan juga MARA, dalam soal yang baik ini dan walau bagaimana pun saya tidak boleh mengatakan perinchian-nya di-sini, kerana soalan ini mesti-lah di-kaji dengan halus dan Kerajaan mesti-lah menentukan sama ada pinjaman² yang saperti itu munasabah atau tidak, dan terpulang kapada Bank Asia mahu meluluskan atau pun tidak.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 12* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan satu Rang Undang² (Meminda) Ordinance Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok meminda sekshen 3 dan 7 Ordinance Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tahun 1951.

Cheraian 2 (*a*) Rang Undang² itu bertujuan meminda sekshen 3 (1) (*a*) Ordinance Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan mana sa-orang anggota Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di-bolehkan memegang jawatan bagi masa yang lebeh sengkat daripada tiga tahun yang di-tetapkan dalam peruntokan sekarang. Pindaan ini bertujuan memudahkan urusan tentang lantekan anggota² Lembaga itu.

Cheraian 2 (*b*) Rang Undang² itu meminda sekshen 3 (2) Ordinance Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untok membolehkan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membayar sagu hati kapada anggota² Lembaga bila mereka hadzir untok meshuarat. Di-bawah Undang² sekarang, Lembaga itu hanya berkuasa membayar elaun² perjalanan dan sara hidup kapada anggota²-nya. Elaun² lain atau sagu hati tidak di-benarkan di-bayar kapada anggota² Lembaga itu pada masa ini.

Cheraian 3 bertujuan meminda sekshen 7 Ordinance Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu. Pindaan² ini di-fikirkan perlu kerana di-bawah sekshen 7 sekarang sa-saorang majikan dan pekerja hanya boleh memileh menambah charum-nya, tetapi tidak boleh memansokhkan pilehan-nya tadi. Pindaan² ini akan membolehkan sa-saorang majikan memileh menambahkan charum bagi pekerja-nya, saperti faedah² bersara, tambahan upah yang di-kebelakangkan yang pada mula-nya tidak perlu di-bayar charum kerana bayaran² itu tidak di-wajibkan di-bawah perjanjian perkhidmatan. Pindaan² ini akan juga membolehkan sa-saorang pekerja membayar charum tambahan bagi diri-nya kalau ia mahu. Rang Undang² ini juga menetapkan bahawa sa-suatu pilehan atau pemansokhkan pilehan itu tidak boleh di-kebelakangkan kuatkuasa-nya.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' S. O. K. Ubaidullah:** (*Dengan izin*) Mr President, the amendment to the Employees Provident Fund before us is a welcome one. This amendment is the direct result of representations made by various public bodies. When Government was contemplating some of the amendments to the Employees Provident Fund, there was a strong view among the public that withdrawal was permissible from the Employees Provident Fund after one has reached the age of 50 years ......

**Dato' Athi Nahappan:** Mr President, on a point of clarification. Is the Honourable Member speaking on the relevant Bill before the House or is he speaking on a different Bill? There are two Bills on the Employees Provident Fund Ordinance this morning and the one that is before us does not deal with the subject that has been raised.

**Dato' S. O. K. Ubaidullah:** I am sorry to have disturbed the House.

**Mr President:** Dato', this is the first Bill regarding the Employees Provident Fund Ordinance on the Orders of the Day. There is another Bill—No. 6. You have mistaken No. 3 to be No. 6.

**Dato' S. O. K. Ubaidullah:** I would like to speak on No. 6, Sir, but not on this.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## THE EXCISE (AMENDMENT) (No. 3) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang² (Meminda) Undang² Excise, 1961 di-bacha bagi kali yang kedua.

Di-bawah Undang² Kastam, 1967, dan juga di-bawah Ordinance Kastam Lama, 1952, Menteri Kewangan ada mempunyaï kuasa untok menetapkan chukai kastam bagi barang² yang di-impot dan juga di-export yang mesti di-bayar oleh pengimpot dan peng-export. Menteri Kewangan juga di-beri kuasa di-bawah sekshen 142 Undang² Kastam untok membuat peratoran mengenaï chara² dan formality kastam dan mengator perlaksanaan yang betul bagi kutipan chukai² yang di-kenakan di-bawah kuasa-nya.

Di-bawah Undang² Excise, 1961, pula walau pun Menteri Kewangan ada mempunyaï kuasa² untok menetapkan chukai excise di-atas barang² yang di-buat di-dalam negeri ini, kuasa bagi membuat peratoran berkenaan dengan

pentadbiran dan perjalanan chara² kastam ada-lah di-pegang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ada-lah tidak sa-laras dengan Undang² Kastam bagi Menteri Kewangan mempunyai kuasa bagi menetapkan chukai excise manakala Yang di-Pertuan Agong pula di-bebankan dengan kerja² kechil bagi membuat peratoran berkenaan dengan chara² pengutipan dan pentadbiran² chukai² excise itu.

Ada-lah di-fikirkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tidak-lah patut di-bebankan dengan kerja² kechil itu dan kuasa² itu hendak-lah di-serahkan kapada Menteri Kewangan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Dato' Yang di-Pertua, dalam menyokong Bill ini, saya suka hendak memberi sadikit pandangan kapada perkara berkenaan dengan peratoran² Kastam ini. Sa-tahu saya peratoran² Kastam yang kita pakai hari ini ia-lah peratoran² yang telah sedia ada semenjak kita ini di-bawah penjajahan British dahulu. Peratoran² ini di-pinda, di-tokok-tambah mengikut kadar apa yang kita dapati pada satu² masa yang kita menemui satu² kesulitan kerja.

Pada saya peratoran² ini sudah sampai masa-nya di-susun samula, di-gubal oleh sa-buah Jawatan-kuasa yang mengkaji keselurohan-nya peratoran² Kastam kita ini supaya chara bekerja di-dalam Jabatan Kastam kita akan berjalan dengan lebeh lanchar, lebeh kemas dan lebeh baik lagi. Chontoh yang saya suka hendak tunjokkan satu yang menunjokkan kelemahan dalam perjalanan kerja dalam Jabatan Kastam kita ia-lah umpama-nya Kerajaan kita telah mengadakan satu dasar dan peratoran untok menggalakkan supaya perusahaan² dalam negeri kita ini dapat mengeluarkan barang² perusahaan-nya keluar negeri mendapat pasaran² di-luar negeri. Dengan kita memberikan keistimewaan supaya mereka ini dapat mengimpot barang² mentah dan di-peroseskan di-sini dan di-export barang² mentah itu yang telah di-peroseskan menjadi masak itu keluar negeri dan mereka ini boleh menuntut balek chukai yang di-kenakan di-atas barang² mentah dan di-bawa masok itu manakala barang² itu telah di-peroses dan di-keluarkan untok pasaran dunia. Dalam keadaan yang saya tahu pada masa ini tuntutan chukai balek yang di-panggil dengan nama Draw Back—Undang² Draw Back Duty itu pada hari ini tidak-lah berjalan bagaimana di-jangkakan oleh Kerajaan, kerana satu² tuntutan yang di-buat bagi mengambil balek bayaran chukai yang telah di-bayar bagi barang² mentah yang di-bawa masok itu terpaksa mengambil masa sampai enam bulan, sampai sa-tahun, sampai sa-tahun lebeh baharu wang² itu dapat di-bayar balek oleh kastam kapada pengusaha² dalam negeri kita ini. Dengan kelambatan kerja yang sa-umpama ini menimbulkan kelemahan pengusaha² itu untok membawa masok barang² mentah dengan banyak-nya dan untok pasaran barang² masak ka-seluroh dunia.

Yang kedua, kelemahan dalam perkara ini menyebabkan pengusaha² yang modal-nya tidak bagitu besar tidak dapat hendak mengimpotkan barang² mentah masok ka-dalam negeri ini dengan banyak-nya kerana kekurangan modal mereka, kerana mereka terpaksa mengambil masa berbulan² bahkan bertahun untok menuntut balek modal yang di-bayar di-atas chukai barang yang di-bawa masok tadi. Jadi, kalau sa-kira-nya kelancharan kerja dapat di-susun dengan baik-nya, kira-nya bayaran balek chukai di-atas draw back itu boleh di-segerakan sudah tentu pusingan perniagaan dan pembawaan barang masok dan keluar bagi pengusaha² dalam negeri ini akan dapat berjalan dengan lebeh lanchar dan volume atau pun jumlah perniagaan kita akan bertambah dan pasaran luar negeri kita bagi pengusaha kita ini akan bertambah yang mana akan membawa kapada kemasokan wang luar negeri ka-dalam negara kita ini menjadi lebeh besar daripada yang

kita ada pada hari ini. Jadi, ini satu chontoh sahaja yang dapat saya berikan, satu chontoh di-atas bagaimana susunan dan chara bekerja yang sedia ada hari ini yang patut di-susun kembali, di-kaji dan di-ator supaya sesuai dengan zaman pembangunan.

Satu lagi chontoh yang saya suka tunjokkan ia-lah bagaimana perjalanan di-Kastam Causeway, umpama-nya bagitu. Satu keributan telah berlaku di-Causeway dalam mana segala barang kena di-siasat dan kena di-halusi daripada tiap² lori yang membawa masok barang itu. Penyiasatan ini terpaksa di-buat dengan kerana susunan kerja kita itu tidak bagitu kemas sa-hingga ada penipuan yang di-jalankan sa-hingga barang² yang di-bawa masok di-atas permit yang di-benarkan itu berubah, mengikut sa-tahu saya, berubah angka-nya umpama kalau angka 10,000 tan menjadi 1,000 tan umpama-nya atau 100,000 tan menjadi 10,000 tan di-potongkan angka kosong (0) sahaja dan di-baiki dia punya declaration umpama-nya bagitu. Jadi, perubahan ini boleh di-buat, boleh di-lakukan dan baharu² ini satu perkara yang berbangkit tentang barang² saperti textile yang di-bawa masok ka-Malaysia ini berlori² dengan tidak di-kenakan chukai ya'ani di-bawa lari sa-hingga dapat di-pechahkan rahsia itu dan kita dapat tahu hal itu berlaku. Jadi perkara sa-macham ini menunjokkan susunan dan chara kerja yang di-ator daripada chara² yang lama itu tidak sesuai lagi dengan chara zaman hari ini. Sebab bagi pehak orang yang membawa masok barang otak-nya lebeh chekap lagi daripada zaman penjajahan dahulu. Kalau peratoran Kastam itu tidak di-ubah supaya sesuai dengan kehendak otak manusia yang bijak pada hari ini, maka nanti banyak lagi Kerajaan kita akan rugi dalam perjalanan pekerjaan ini.

Hari ini manusia telah pandai menjalankan segala tipu helah. Kalau Kerajaan ada pakar², mereka pun ada juga pakar² mereka yang practical. Kita pakar di-atas kertas, mereka pakar dalam menjalankan kerja hari². Jadi, ini-lah perlawanan yang mustahak kita kaji dan kajian ini patut di-buat keselurohan peratoran kastam yang ada, kerana peratoran yang ada ini peratoran yang lapok yang di-tinggalkan oleh penjajahan dan kita tidak boleh baiki daripada sa-keping ka-sakeping. Kita mesti kaji pada keselurohan-nya. Itu-lah sahaja, terima kaseh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 10 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.55 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 12.05 tengah hari.*

## THE EXCISE (AMENDMENT) (No. 3) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-persetujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## THE TARIFF ADVISORY BOARD (AMENDMENT) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa satu Rang Undang² bertajok satu "Rang Undang² (Meminda) Undang² Lembaga Penasihat Tarif, 1963" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini, sa-bagaimana yang tersebut dalam kenyataan

penerangan, ia-lah untok meminda sekshen 2 (2) Undang² Lembaga Penasihat Tarif, 1963 untok membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantek, mengikut pertimbangan Baginda sendiri, tidak lebeh daripada tiga orang Timbalan Pengerusi. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat ketahuï, sekshen 2 (2) (*a*) yang asal memberikan kuasa kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kuasa melantek Ahli² Lembaga Penasihat Tarif yang mempunyaï jumlah ahli² tetap sa-banyak empat orang ia-itu sa-orang Pengerusi dan tiga orang Timbalan Pengerusi. Peruntokan bagi tiga orang Timbalan Pengerusi telah di-buat pada masa yang telah lalu untok memberi satu perwakilan daripada Malaysia Barat, Negeri² Borneo dan Singapura waktu Singapura menjadi sa-bahagian daripada Negeri² di-Malaysia. Dengan perpisahan Singapura daripada Malaysia peruntokan bagi Singapura tidak lagi berguna dan oleh yang demikian sekshen itu telah di-pinda untok membolehkan perlantekan tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebeh daripada empat orang ahli² tetap, ia-itu sa-orang Pengerusi dan dua atau tiga orang Timbalan Pengerusi.

Pada masa sekshen 2 (2) (*a*) Undang² itu di-pinda, ada-lah di-fikirkan bahawa perlantekan sa-kurang²-nya dua Timbalan Pengerusi sahaja yang mustahak, ia-itu sa-orang mewakili Malaysia Barat dan sa-orang lagi yang di-lantek bersama oleh Kerajaan Negeri² Sabah dan Sarawak bagi mewakili Malaysia Timor. Dengan perlantekan Pengerusi yang ada sekarang ini, yang dahulu menjadi salah sa-orang daripada Timbalan Pengerusi, maka jawatan Timbalan Pengerusi bagi Malaysia Barat ada-lah menjadi kosong. Pengerusi Lembaga Penasihat Tarif ia-lah sa-orang pegawai yang di-pileh oleh Kerajaan Persekutuan dan pengalaman menunjokkan bahawa hanya sa-orang sahaja Timbalan Pengerusi yang perlu di-kehendaki untok perjalanan chekap Lembaga tersebut.

Oleh sebab itu, pindaan bagi sekshen 2 (2) (*a*) Undang² Lembaga Penasihat Tarif, 1963 ada-lah perlu supaya Kerajaan tidak sa-mesti-nya melantek sa-kurang²-nya dua orang Timbalan Pengerusi dari segi undang². Rang Undang² pindaan yang ada di-hadapan Dewan ini telah pun di-reka untok melonggarkan bilangan Timbalan Pengerusi yang di-lantek dalam Lembaga itu. Peratoran saperti itu akan dapat mengatasi apa² masaalah yang mungkin timbul pada masa hadapan dan tidak akan melibatkan Kerajaan supaya melantek sa-kurang²-nya dua Timbalan Pengerusi dari segi undang² saperti yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Dato' S. O. K. Ubaidulla:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (No. 2) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang² (Meminda) Ordinance Kumpulan Simpanan Pekerja, 1951, di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok meminda Sekshen 13 Ordinance Wang Kumpulan Simpanan Pekerja tahun 1951 untok membenarkan ahli² Kumpulan Wang itu mengeluarkan 1/3

daripada wang simpanan mereka bila mereka berumor 50 tahun. Dalam bulan Disember, 1965, Persatuan Kebangsaan Pekerja² Ladang telah meluluskan satu ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi pinjaman kapada ahli² Kumpulan Wang ini yang telah membayar charum dengan tidak berhenti² sa-lama 10 tahun, atau lebeh untok membeli tanah dan membena rumah mereka sendiri. Sa-bagai hasil ketetapan ini Perbendaharaan dan Kumpulan Wang Simpanan telah mengkaji masaalah² ini dan kedua² Perbendaharaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah berpendapat bahawa terdapat banyak kesukaran² mentadbirkan sa-suatu ranchangan pinjaman untok perumahan. Juga mentadbirkan ranchangan pinjaman itu akan membebankan perbelanjaan yang besar kapada Kumpulan Wang itu dan ini akan mengeluarkan faedah tiap² tahun yang di-beri kapada ahli² Kumpulan Wang ini. Ahli² Kumpulan Wang ini juga akan menghadapi kesukaran membayar balek pinjaman² untok perumahan itu kerana ini ada-lah tambahan kapada potongan kapada gaji mereka untok charum kapada Kumpulan Wang ini yang biasa. Untok mengelakkan daripada menubohkan ranchangan pinjaman perumahan yang akan menyebabkan beberapa kesukaran itu dan akan memakan belanja yang besar untok gaji kaki-tangan² dan urusan-nya, Perbendaharaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berpendapat bahawa lebeh baik kalau ahli² Kumpulan Wang ini di-benar mengeluarkan 1/3 dari jumlah wang simpanan mereka bila mereka berumor 50 tahun, manakala 2/3 lagi dari wang mereka itu boleh di-keluarkan apabila mereka berumor 55 tahun. Memang di-akuï ranchangan ini hanya memenohi sa-bahagian daripada tuntutan ahli² Kumpulan Wang ini untok menggunakan wang simpanan mereka itu, tetapi ini akan dapat menolong mereka yang benar² memerlukan wang dan mereka yang berumor 50 tahun yang hendak membuat persediaan untok bersara apabila berumor 55 tahun. Sa-lain dari tambahan kerja kira-mengira, pengeluaran lebeh awal ini tidak akan menyebabkan apa² kesukaran kapada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Puan Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Athi Nahappan:** (*Dengan izin*) Dato' President, Sir, I wish to welcome this Amendment which is a very desirable one and the purpose of which is too well known. The Government has made known its reasons for amending this Ordinance, and the Bill has also been debated in the Lower House. Therefore, I do not want to take up the time of this House by repeating the various points that had been expressed. I should like to make one or two observations on this Bill, nevertheless.

The Amendment gives a discretionary power to the Board to allow a member to withdraw a sum not exceeding one-third of the amount standing to the credit of the member on attaining the age of 50. The member cannot as of right withdraw after he has attained the age of 50; the discretion is vested in the Board. The criteria or the principles under which the discretion would be exercised are not stated in the Bill itself and it may not be very desirable to state it in the Bill, but I hope that the criteria would be at least enshrined in the rules of the Employees Provident Fund Ordinance. This would enable the members to know where exactly they stand in so far as the withdrawal is concerned.

I would personally feel that the mere attainment of the age of 50 should not be the only criterion in withdrawing even one-third of the fund that stands to the credit of a member, because the original purpose of this Fund is to provide a compulsory form of savings for the members, so that at the end of the day or at the time of his retirement, and the stipulated time is when he attains the age of 55, he should have a reasonable quantum of money standing to his credit, and with that money he would be in a position to

think of some constructive investment, or depend on it as a cushion of security.

Sir, if a member is allowed to withdraw one-third without stating any ground at all, and merely because he has reached the age of 50, then my feeling is that it would be too wide a privilege that might not be strictly in conformity with the very spirit and the intention of the Ordinance, namely, to allow a member to have a reasonable amount of savings. I suggest that the rules set up, as a matter of criteria, certain grounds under which a member may withdraw. For instance, I would like to suggest that the rules may have a provision whereby if a member on reaching the age of 50 wants to buy a piece of land or if he wants to invest in a piece of land, that might be a good ground, or if he wants to invest in a house, that can be an additional ground, or it can be an investment in any approved Government securities where he can expect to get a greater return of interest than what he would get even from the E.P.F.; or even it can be one of investment in approved industrial shares.

Here, Sir, the Board itself might think of the possibility of acting as a kind of a trust unit for the members. If the members want, they can withdraw one-third and invest the one-third of the money in approved industrial shares, so that there would be a greater volume of savings at the time when the member withdraws the entire amount. This, I feel, is necessary. Of course, my grounds are not exhaustive and other allied grounds can be given, but if it is for no ground at all, then I am afraid, human tendency being what is it, if a person is allowed to withdraw and see a part of his savings, ready cash, in his hands, the temptation would be so strong that even without a suitable reason he might like to see the money in his pocket. What he does with it might be totally not in conformity with the spirit and the intention of the Ordinance. So, I would like to have a certain amount of restrictive criteria for which the money should be withdrawn, the restriction criteria being aimed towards the beneficial interest of the members in a constructive and positive manner. We have to recognise the fact that human beings are not always very strong even for themselves and the temptation to spend money cannot be easily resisted. This restriction might not only stimulate further savings but also result in additional savings.

The other thing that I would like to say about the withdrawal is this. It has been argued—in fact I have seen statements in the Press and also statements elsewhere—that many of these employees may not be able to withdraw a tidy sum even with this privilege for any useful purpose at the age of 50. Since E.P.F. was introduced only in 1951 or 1952, many, at least the bulk of the contributors, the bulk of the members, if they are allowed to withdraw one-third at the age of 50, their sums would not be really very large and with this money they would not be able to do really anything constructive. Why just give them the satisfaction of withdrawing it if it is not going to serve any useful, positive, constructive purpose? Suppose a member is able to withdraw $1.000 or $2,000 —what can he really do at the age with $1,000, $2,000 or even $3,000? It has been said that for the bulk of the members, if they are allowed to withdraw, their withdrawal amount each would not exceed more than this region of the figures that I have mentioned. I may be wrong, but I would like to hear from the Honourable Minister what would be the average sum that a member would be withdrawing, speaking even on the average. Would it be in the region of $3,000, $4,000? We do not know. I do not have the figures, but it seems to me it would not be very great. With this money, what can he really do in these days of a certain amount of inflation? Property values have gone up. Can he invest it in a house, can he invest it in a land? Would that be adequate? These are legitimate and prudent questions that have to be raised and answered and

my feeling is this: that if we are going some way to help these people, why not we go all the way to help them in a reasonable way? Now, if a member withdraws say, $2,000 for arithmetical proposition, and he wishes to invest it in a house, the down payment, 30% more or less, is say, $5,000. Now, he still has to raise another $3,000. Where is he going to get this $3,000? I would like to recommend and suggest that the E.P.F. should give him the credit of $3,000. After having allowed him to withdraw the $2,000 and after having studied the reasons for the withdrawal and if he says, "Look, I have got a house in Petaling Jaya for which I have to pay a down payment of $5,000, but I can only withdraw $2,000 which constitutes one-third of my savings, can I borrow from the E.P.F. another $3,000?", I think the E.P.F. should be in a position to lend this $3,000 against the security of future contributions that the member would be making. After all, the contributions would be coming in, and this is done by the insurance companies. In fact, the Government itself is doing it in some other forms—in the case of buying motor cars for Government servants where there is no contribution but the Government lends money and then collects it back over a period. Now, the principle is the same and by way of an analogy it can be extended to the E.P.F., and the E.P.F. can safely lend the difference so that down payment can be made on the house.

The policy of the Government is a property-owning democracy and it is the desire of the Government to see that every citizen has a house of his own. So, when he can buy a piece of land, he should buy a piece of land; if he can buy a house, he should be in a position to buy a house. That is why I say that the E.P.F. is in a position to go a fuller way than of merely allowing to withdraw the one-third.

Sir, I do not know how the principle of this one-third was arrived at, but since it has been considered to be the right level for the purpose of withdrawal, then I would like some research to be made, some study may be made, so that there can be full and effective benefit to the members generally, and the E.P.F. can afford to do that. Particularly this preference of lending money should be for house ownership or for buying of land.

There is the other controversy as to whether 50 years is a right age to withdraw, or whether it should be at an earlier age. To my mind, it seems to me that 50 is a bit too late—in fact, I expressed this view earlier on. If he is buying a house particularly on a hire-purchase basis and it is over a period of 10 years or 15 years—these are the periods which are normally granted by the finance companies or building societies—and if he gets this one-third at the age of 50, then if he is retiring at the age of 55, he would find it awfully difficult to keep paying after he had retired simply from his pension. So, within the policy of home-ownership, if he is allowed to withdraw especially for buying a house at the age of 45—or, if necessary, at the age of 40 so that he will have a period of 15 years to pay from his salary—these would be additional savings, apart from the savings that he would be gathering in the E.P.F. So, I would beseech the Government to have re-consideration on this age limit. Probably the Government has got a very sound reason. The Honourable Minister might be able to give us right here in the House itself as to what is the criterion in fixing the age at 50 and what is the criterion in fixing the amount at one-third. Since the whole move is beneficial, I wish that it would be fruitfully beneficial, effectively beneficial, it would give a full bite and not just half a bite. Having said this I welcome this Bill (*Laughter*).

**Dato' S. O. K. Ubaidulla:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I wholeheartedly welcome this Amendment to the Employees Provident Fund Ordinance. My Honourable friend, Dato' Senator Athi Nahappan has almost taken a line which has been in my thought as well. but he has put it in his own way Sir, I would like to

support those people who, when this Bill was contemplated, were very specific in requesting the Government to allow the contributors to withdraw one-half of their contributions instead of one-third of their contributions. There are some very valid reasons for this argument.

First of all, let us take the average span of life of a Malaysian. I cannot exactly say what is the average age that a Malaysian lives to—it is in the region of 50 to 60 years. Well, Sir, if one lives for 50 years to 60 years on an average in Malaysia, 50 years is already quite late in the day. When one attains the age of 50, and if he could not draw one-half of the contributions he has made and invest that money in a venture that will give him the fruit of life, then I think we are not doing justice to him. I am glad the Government has taken a move in the right direction and the Government has the applause of this House for this progressive step. But I would also beseech the Government to give further consideration to this question as to whether it is not right to advance him at 50—mind you, only in five years more he is going to withdraw all his money—half of his contributions so that he can buy or participate in a fruitful business and eat the fruit of his labour within the span of his life.

Sir, while I am on this, I would like to dwell on the manner in which the withdrawal of E.P.F. is made. It is always said that to withdraw from the Fund by one, when it is matured, is always very difficult and it takes a lot of time. I can very well understand, because parting with the money is not a thing that should be made very easy, and much more so when it is a quasi-Government body which is the custodian of the expectation of one's life's savings and it should take all the precautions and go through all the formalities before the money is given. But, Sir, taking advantage of this delay, there are busy-bodies and bogus persons who are cashing in on this, and the innocent and uneducated contributors become very easy prey. I am told, Sir, that some of the contributors go to the extent of agreeing to give away half of their contributions to these so-called bogus persons who assure them that they will get their contributions as quickly as possible paid out to them. This is not unknown to the Department. They themselves, I know, have prosecuted many of them in the court of law, but still these confidence tricksters, swindlers, are hovering like vultures around the Department and elsewhere to prey upon these innocent people and to deprive them of a good portion of their life's savings. I wonder whether I am right in requesting the Honourable Minister to go all out to educate the contributors about the right method, the appropriate method, by which they can withdraw their contributions, if only they get their papers done sufficiently early in the proper manner. I do not, for a moment, say that this is not being explained to the contributors. In view of the fact that many of them get cheated out to the shameful extent of giving away half of their contributions, I would request Government to go a little further to make them sufficiently understand the method by which they can themselves expedite and receive their contributions. Sir, I thank you very much.

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) Dato' President, I rise to fully support the Bill to amend the Employees Provident Fund Ordinance to enable contributors to withdraw one-third of the money standing to their credit with the Fund at the age of 50. Dato' President, as I understand it, the object of this Bill is to enable contributors to start making provision for their retirement in any fashion they wish, having reached the age of 50, which is considered generally the optional retirement age, and to withdraw the balance of two-thirds having reached the age of 55 years. This, Dato' President, is, I consider, entirely within the objects for which the Fund was founded. Thank you, Sir.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President. Sir, although I

agree with the principle of this Fund, I think there should be a re-thinking over this matter. I say "re-thinking" because we only think of that man, the contributor, the member of the Fund; but the man has got a family—he has got his wife; he has got his children. What happens to the family if the man loses his money? If he buys a house—*hang-pi-kut*? What is going to happen to his wife and his children? Sir, I know of many cases in which the contributors have asked for loans to send their children to the University to buy books, and so on, for educational purposes. The intention of this Bill is to benefit the man; but it must benefit his family too. So, I think, a re-thinking over this matter is very necessary.

We must have a scholarship fund within this Provident Fund, and at least two per cent, or one per cent of his contributions be allotted to a scholarship fund, a scholarship loan fund, from which a contributor could get a loan within a certain period for his children's education to enable them to go to the University in Malaysia or to go abroad. I think that if we establish this type of loan fund, it will benefit lots of persons. It will not only encourage our people to be better educated but will give the man a chance to get support for his family, when his son comes back with qualifications and will be able to get work to support the family. So, I think, a re-thinking over this matter is absolutely necessary, not only for the contributor himself but also for his wife and children. What about during the period when his wife is going to give birth? He requires money. He goes to the money lender to get money to pay the fees and so on when his wife goes to the maternity hospital. So, in this way, we can help the contributor. I support this Bill entirely but I ask the Government to have a re-thinking over this matter. Thank you.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang undang² ini dan dalam menyokong pindaan Rang Undang² ini saya rasa saya bersetuju dengan pendapat Dato' Athi Nahappan di-sabelah saya tentang umor dan jumlah yang di-benarkan untok di-tarek balek daripada Wang Simpanan Pekerja ini. Tentang umor 50 tahun itu saya rasa terlampau tua sangat. Kalau kita tetapkan 50 tahun bagaimana kata Dato' Athi Nahappan tadi sebab 50 tahun kalau kita berikan wang kapada dia ia tidak tahu hendak menggunakan wang itu, kerana fikiran pada masa itu sudah terlampau tua untok memikirkan chara² hendak bergerak, chara² hendak memajukan dan sa-bagai-nya. Antara 50 tahun dengan 55 tahun chuma ada masa 5 tahun sahaja. Boleh jadi orang yang umor 50 tahun dia ambil wang satu pertiga dia simpan tunggu 55 tahun lagi habis di-simpan. Jadi tidak ada banyak memberi faedah dalam pemberian waktu umor-nya 50 tahun. Saya rasa umor 40 tahun atau pun 35 tahun itu sa-baik² masa sebab dalam masa umor 35 tahun atau 40 tahun semangat bekerja ada, semangat berusaha ada dan dia tahu menggunakan wang itu mengikut faedah perjalanan. Satu pertiga daripada wang itu saya rasa terlampau sadikit kalau umor-nya 50 tahun. Kalau sa-kira-nya Badan E.P.F. ini boleh mengumpulkan wang bagitu banyak dan boleh memberi pinjam mengikut Undang² E.P.F. memberi pinjam kapada mana² sharikat untok membuat rumah² dengan modal yang banyak dan pemberian yang besar, kenapa tidak boleh kita longgarkan sadikit Undang² ini supaya tiap² ahli itu mendapat faedah daripada Kumpulan Wang yang di-simpan itu. Saya tahu E.P.F. ini telah di-beri kebenaran mengikut Undang² supaya dapat memberi bantuan wang kapada mana² sharikat perumahan bagi membenakan rumah² untok perniagaan mereka. Jadi kalau kira-nya kita mempunyai wang bagini banyak daripada kita beri pertolongan pinjaman kapada sharikat² yang besar untok membuatkan rumah untok perniagaan mereka, saya rasa lebeh besar faedah-nya badan ini kira-nya di-longgarkan dan di-buat satu peratoran² yang membolehkan ahli² itu mempunyai rumah² dengan pertolongan daripada badan ini

dan dengan sa-chara langsong ahli dapat membeli rumah dengan chara peratoran yang akan di-susun oleh badan ini.

Dalam pindaan Undang² ini ada menyebut badan ini boleh memberi 1/3 daripada simpanan-nya pada masa umor 50 tahun—"may" atau pun "boleh" mengeluarkan wang. Barangkali badan ini juga boleh tidak mengeluarkan sebab dia tidak kata "must" atau "mesti" mengeluarkan 1/3. Kalau badan ini katakan dalam Undang² ini "may" ma'ana-nya "boleh" mengeluarkan, dia boleh tidak mengeluarkan sebab tidak mesti di-keluarkan mengikut Undang². Jadi saya perchaya bab dalam Undang² ini memberi kuasa kapada badan itu supaya dapat mengatorkan peratoran² supaya peratoran² itu-lah akan membolehkan ahli²-nya meminjam wang daripada simpanan-nya itu.

Kalau sa-kira-nya sa-saorang ahli hendak membeli rumah, umpama-nya, maka mengikut-lah peratoran² yang telah di-susunkan oleh badan ini. Kalau sa-kira-nya kuasa yang sa-umpama itu dapat kita berikan kapada Lembaga Badan ini kenapa kita mesti tetapkan umor 50 tahun, mesti kita tetapkan 1/3 atau pun kita mesti tetapkan 40 tahun. Lebeh baik kita serahkan kuasa kapada Lembaga ini menilek, mengatorkan peratoran menengok keadaan apa perkara yang telah hendak di-buatkan oleh ahli itu menimbangkan di-atas satu² permohonan dan tilek di-atas umor-nya, di-atas kehendak²-nya dan apa chadangan² yang hendak di-minta kalau di-keluarkan oleh badan ini.

Saya rasa kuasa yang luas yang sa-umpama ini akan membolehkan Jawatan-kuasa atau pun Lembaga ini mengator satu peratoran yang selamat yang baik dan memberi faedah kapada keselurohan ahli. Saya dapat tahu Lembaga Tabong Haji mengeluarkan wang untok pinjaman buat rumah dan untok lain² usaha daripada wang simpanan Tabong Haji. Jadi, saya rasa ini lebeh kurang sama sahaja kira-nya kita benarkan, kita persetujukan atau pun Kerajaan menimbangkan balek supaya di-beri kuasa yang lebeh kapada yang lebeh kapada lembaga itu untok menimbangkan dalam masaalah apa chadangan yang hendak di-buat oleh ahli² dalam masaalah pinjaman atau pun tuntutan balek wang-nya itu. Itu-lah sahaja pada pendapat saya dan saya uchapkan terima kaseh.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama² menyokong Bill yang ada di-hadapan kita ini. Saya perchaya tidak-lah sa-orang pun, baik dalam Dewan atau pun di-luar Dewan ini yang tidak menyokong Bill ini, kerana ini ada-lah satu Bill yang dapat menolong segala ahli² yang masok di-dalam Kumpulan Wang ini. Saya sangat-lah bersetuju dengan salah satu shor daripada Ahli Yang Berhormat rakan saya, Dato' Athi Nahappan, ia-itu kata-nya sa-kira-nya sa-saorang itu di-beri 1/3 pinjaman daripada wang-nya itu patut-lah juga di-berikan tambahan pinjaman lagi daripada wang yang akan dia dapat, supaya dapat membeli berbagai² perkara saperti rumah dan apa² lagi. Saya ingat itu satu shor yang bagus, kerana dengan kita taroh baik² jikalau kita hendak benar 1/3 sahaja pinjaman itu di-keluarkan, saya perchaya kebanyakan pekerja² saperti peladang², penoreh getah, saya ingat dalam umor 50 tahun, habis² kuat dia ada contribution dia ada tiga ribu ringgit, 1/3 chuma $1,000 sa-takat $1,000 itu apa-lah yang dia boleh buat. Jadi, kalau kita boleh berikan pula, kalau perkara ini boleh di-tambah lagi katakan, beri lagi pinjaman dua ribu, jadikan tiga ribu, barangkali dengan wang ini dapat-lah orang itu membeli rumah atau membuat apa² atau membeli tanah yang akan memberi menafa'at kapada dia kelak.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi shor daripada Ahli Yang Berhormat rakan saya itu saya tak bersetuju. Shor yang saya tak bersetuju ini, dia kata jikalau sa-saorang itu di-benarkan menarek balek 1/3 itu hendak-lah di-beri dengan alasan yang tertentu, ia-itu dengan satu sebab yang kuat (very strong ground) ma'ana-nya macham

membeli tanah, membeli rumah atau masok sher dan sa-bagai-nya. Saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tak bersetuju ini, kerana jikalau kita membenarkan dia keluarkan 1/3 itu saya tak peduli-lah, dia hendak buat apa duit itu, bagi-lah dekat dia, kerana kita tak boleh buat bagitu, kerana sa-tengah orang kita ini, sebab anak dia hendak pergi belajar sekolah ka-kolej, mithal-nya, untok meninggikan pelajaran-nya, dia tak menchukupi wang; itu pun mustahak kapada dia, dia mahu duit, lebeh baik-lah dia pinjam duit daripada sini daripada dia meminta kapada chetty. Jadi, saya ingat ground itu tak usah-lah, dan juga ada sa-tengah orang itu dia hendak kahwinkan anak dia, dia tak ada duit, kalau dia boleh pinjam ini lebeh baik pinjam daripada pergi kapada chetty. Jadi oleh sebab itu saya ingat jangan-lah kita masokkan fasal ground itu.

**Dato' Athi Nahappan:** I would like to point out in clarification that I just offhand mentioned a few grounds and I took care to say that my grounds were not exhaustive, that the Board may conceivably put in other grounds under which a member may wish to withdraw. So I wish the Honourable Member would take these into consideration. Thank you.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** kalau bagitu, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju-lah. Jadi ma'ana-nya macham saya punya permintaan pun dia bersetuju, masok ground dia juga. Jadi kalau nampak ground itu banyak sangat payah hendak faham juga, sa-takat mana ground itu tidak ada specific, jadi oleh sebab itu saya fikir lebeh baik-lah kita tak usah adakan ground itu. Biar tidak usah ada ground langsong. Kalau tuan yang empunya itu berumor 50 tahun, siapa pun yang umor 50 tahun yang meminta itu yang boleh di-beri kita beri, kalau-lah kata dia itu berasa dia berumor 50 dia bekerja lama, dia hendak berehat sadikit, dia hendak pergi makan angin ka-Hongkong pergi-lah, itu dia punya duit. Itu dia punya priority, itu dia punya duit.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, perkara umor itu saya bersetuju juga. Saya nampak jikalau umor 50 tahun baharu hendak dapat duit pinjaman di-tarek keluar, ada lima tahun lagi hendak bekerja, apa-lah yang dia boleh buat dalam masa itu, masa umor 50 tahun, dia itu umor pun sudah tua sadikit, badan pun uzor sadikit, jadi hendak buat kerja pun kurang kuat sadikit. Oleh sebab itu saya fikir umor itu patut-lah kita kurangkan, kalau boleh timbang sa-mula, 35 tahun itu banyak sangat—saya ingat 40 tahun itu barangkali lebeh baik, kerana umor 40 tahun itu dia ada lagi 15 tahun sampai 55, kalau di-benarkan orang meminjam wang daripada 40 tahun itu, barangkali dengan wang itu dia dapat boleh bagi deposit untok membeli rumah, saperti ranchangan rumah murah dan dia akan membayar dalam masa 10 tahun atau 15 tahun. Jadi, dia boleh bayar-lah sa-belum dia berhenti kerja, itu barangkali satu keselamatan bagi diri dia.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam ini saya nampak sadikit, dalam Bill ini kata:—"1(A) Notwithstanding the provisions of sub-section (1) the Board may on application ........." Tadi Yang Berhormat rakan saya kata "may" itu ma'ana-nya boleh, kalau dia boleh beri, ma'ana-nya dia boleh tak beri juga. Jadi ini saya ragu², fasal apa, saya takut ini satu perkara yang esok orang akan mengatakan kapada kita. Orang kata ini buat tidak adil, ini buat pileh kaseh. Si-Ahmad dia minta dia tak dapat, kerana belum chukup umor 50 tahun, Munusamy dia minta dia dapat, dia berumor 50 tahun kerana apa? Kerana huruf "may" ini-lah. Sebab kita tak boleh salahkan Board, kerana Board kata ada "may", kami timbang atas "may", kami timbang yang Munusamy ini munasabah kami beri 1/3 kerana dia hendak gunakan duit sakian². Kapada Ahmad ini kami timbang tidak munasabah, kerana ini duit, dia bukan hendak buat apa, dia khabar hendak nikahkan anak-nya bagitu bagini, tetapi dia fikir apa guna buat nikah beramai², buat kechil² pun boleh, jadi itu sebab saya tak bagi.

Jadi, perkataan "may" ini saya minta-lah, bukan-lah saya minta potongkan, tambah dengan "must"—"mesti." Saya harap yang ini sunggoh pun ada "may" di-sini saya harap-lah Lembaga ini, saya boleh bagi personal feeling, saya punya fikiran sendiri, bila sa-saorang itu umor 50 tahun kita bagi dia "by right of birth" senang di-kira, bila dia umor 50 tahun siapa sahaja hendak di-beri tak kira apa ground.

**Dato' J. E. S. Crawford:** Is the Member reading the Bill correctly, Sir? "Notwithstanding the provisions of sub-section (1) the Board may"—it is giving the Board powers, Sir, without that the Board has not the power, Sir. There is no question in choosing, I believe, Sir.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Yes, that is correct, Sir. My idea is because when you put "may" that means to say you may give or you may not give—that is the power. Ada "may" itu dia boleh bagi dia boleh tak bagi—discretion di-beri kapada Board itu. Jadi, saya takut Board itu, salah guna discretion itu, takut orang kata pileh kaseh, sa-tengah orang dapat, sa-tengah orang tak dapat. Jadi, sebab itu saya fikir kalau-lah kita boleh beri kuasa kapada Board by right of birth 50 tahun dia minta bagi-lah tidak usah kira-lah hang boleh-kah atau tidak boleh. Jadi saya lebeh suka bagitu supaya esok orang tidak-lah mengatakan salah guna Undang² ini katakan Board ini ada banyak ahli, dia pileh kaseh ambil sa-chara orang dia tidak mahu sekarang, jadi kita punya nama terbabit bersama. Jadi setakat itu-lah sahaja. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya menguchapkan terima kaseh kapada semua ahli yang telah berchakap yang telah mengeluarkan berbagai² pandangan. Saya tidak memperhitongkan tentang kechaman² asalkan semua yang berchakap akan mengundi Bill ini. Pandangan² yang di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat akan di-ambil perhatian dan saya perchaya Lembaga yang akan menguruskan hal ini akan membuat pertimbangan apabila mengeluarkan wang Provident Fund ini. Dalam pada itu saya suka memberikan pandangan saya di-atas beberapa perkara yang di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat sabentar tadi.

Yang pertama, Dato' Athi Nahappan mengatakan elok-lah di-tetapkan harta² yang hendak di-beli oleh pemohon² saperti tanah, rumah, membeli saham (sher) dan sa-bagai-nya. Tetapi, Kerajaan atau E.P.F. tidak boleh menahan orang² yang mendapat wang itu menjualkan balek saham²-nya, menjualkan balek rumah²-nya, menjualkan kembali tanah²-nya yang telah di-beli dengan wang E.P.F. sa-banyak 1/3 apabila umor-nya chukup 50 tahun, kerana kita tidak boleh menyekat, kita tidak ada guided democracy di-sini yang boleh menyekat orang itu untok menjualkan balek harta² yang di-beli daripada wang E.P F. Kemudian timbul pula satu chadangan supaya E.P.F. memberikan wang pinjaman kapada contributors. Kalau hal itu di-lakukan, ini merosakkan sama sa-kali tujuan asal Simpanan Wang Pekerja ini, kerana tujuan asal-nya hendak menolong supaya apabila sa-saorang pekerja sampai umor 50 tahun hendak berhenti, yang sudah tua, sakit, tidak sanggup bekerja lagi, maka mereka akan mendapat faedah daripada wang tersebut. Tetapi jika mereka dapat keluarkan wang dua ribu ringgit dan hendak di-pinjamkan pula $3,000 maka tujuan asal-nya telah pun musnah dan ini akan menambahkan lebeh susah lagi sebab mereka terpaksa membayar interest kapada E.P.F. dan ini akan memberikan tanggongan yang lebeh berat kapada contributors.

Sa-lain daripada itu Dato' Athi Nahappan menyebutkan lagi apa-kah yang boleh di-beli dengan wang $2,000. Dato' Athi Nahappan tinggal dalam bandar, tentu-lah wang $2,000 tidak ada ma'ana di-dalam pekan Kuala Lumpur. Tetapi, jikalau mereka yang meminjam wang ini dudok di-luar

bandar, maka $2,000 ini boleh membeli empat ekar tanah atau pun tanah² sawah yang lebeh luas daripada itu. Ini terpulang-lah kapada mereka itu sendiri menentukan sama ada mereka hendak menyelamatkan diri sendiri atau pun hendak menyusahkan diri sendiri. Kerajaan tidak boleh hendak sekat sama sa-kali mereka terpaksa-lah di-beri kebebasan untok berfikir kerana kita ini bukan-lah dudok dalam negeri komunis di-mana kita terpaksa mengator hidup ra'ayat dengan sekatan² dengan undang² di-mana ra'ayat tidak di-beri kebebasan untok berluasan² saperti kita dudok dalam negara demokrasi.

Kemudian ada pandangan mengatakan apa-kah salah-nya di-turunkan umor kapada 40 tahun. Tuan Yang di-Pertua, tujuan E.P.F. di-adakan, saperti kata saya tadi, untok menolong mereka yang telah berumor 55 tahun. Pada masa mereka berumor 35 tahun, 40 tahun, mereka maseh lagi boleh bekerja ia-itu pada masa tenaga mereka itu maseh boleh lagi berguna dan boleh menchari wang kerana mereka maseh sehat, maseh muda. dan wang ini adalah di-simpan pada waktu mereka telah tua, dan kalau sa-kira-nya pada masa mereka muda di-berikan wang ini dan tidak ada baki lagi, dan kalau ada pun, tinggal sadikit, maka apa-kah hal-nya apabila mereka telah sampai umor 55 tahun tidak boleh bekerja lagi. Maka dengan sebab itu-lah terpaksa-lah di-kekalkan sa-hingga umor 55 tahun.

Ada Ahli Yang Berhormat yang berchakap tadi mengatakan bahawa apabila sampai umor 50 tahun kita sudah tua, tidak dapat bekerja. Ini saya rasa Ahli Yang Berhormat ini hendak memperkechil²kan rakan² kita dalam Dewan Negara ini, ada yang telah berumor 50 tahun, 60 tahun, ada sampai 70 tahun. Dr Cheah Toon Lok walau pun telah berumor lebeh, tetapi ia banyak berchakap fasal Taiwan dan sa-bagai-nya (*Ketawa*). Jadi ini tidak menunjokkan yang ia ini satu orang yang tidak berdaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah kata saya, perkara ini walau bagaimana pun tentu-lah dapat pandangan daripada Kerajaan, kerana pada waktu Undang² ini di-taja dahulu, pandangan² saperti ini telah pun di-bahathkan dengan halus-nya. Sahabat saya, Senator S.O.K. Ubaidulla, mengeluarkan pandangan yang baik supaya Kerajaan mengambil langkah yang lebeh jauh untok memberi pelajaran kapada orang² yang menyimpan wang di-E.P.F. supaya jangan di-tipu oleh orang tengah. Ini ada-lah satu pandangan yang baik dan Kerajaan akan menjalankan dengan sa-berapa daya yang boleh.

Bagitu juga perkataan "may" yang di-bahathkan sa-bentar tadi. Ini ada-lah bertujuan untok memberi kesempatan kapada Badan ini sa-lain daripada memberi kuasa untok membuatkan peratoran², boleh jadi ada orang yang tidak di-benarkan dan boleh jadi ada orang yang di-benarkan. Jadi kalau tidak ada perkataan "may" maka tidak ada peluang membuat peratoran bagi mengeluarkan wang ini.

Saya nampak itu-lah sahaja perkara² yang patut saya jawab dan saya menguchapkan terima kaseh sa-kali lagi dan saya berharap Ahli² Yang Berhormat semua menerima Undang² ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan· di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.15 petang.

*Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.03 tengah hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 2.30 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## PENANGGOHAN *SINE DIE* (USUL)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan bahawa apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis Dewan Negara akan di-tanggohkan hingga suatu masa yang tidak di-tetapkan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-persetujukan.

Di-putuskan,

Bahawa apabila tamat meshuarat hari ini Majlis Dewan Negara akan di-tanggohkan hingga suatu masa yang tidak di-tetapkan.

## THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya satu Rang Undang[2] bernama, "The Constitution (Amendment) Bill" di-bacha kali yang kedua.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang[2] ini mempunyaï dua maksud. Pertama-nya ia berchadang hendak melaksanakan pemindahan tertentu akan kuasa[2] Surohanjaya Perkhidmatan Awam dan kedua-nya Rang Undang[2] ini berchadang hendak membuat perubahan mengenaï Sekshen 9 (3) dalam Jadual Kelapan kapada Perlembagaan supaya ia di-pakai bagi Sarawak.

Berkenaan dengan tujuan yang pertama itu, Ahli[2] Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa oleh sebab pindaan yang di-kuatkuasakan oleh Act 59 tahun 1966 kapada Perkara 144 (5) (*b*) dalam Perlembagaan dan penerbitan kemudian-nya, peratoran[2] Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1967 dan peratoran[2] Lembaga Tata Tertib Perkhidmatan Awam, 1967 dalam *Warta* Kerajaan kuasa[2] bagi Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan berkenaan dengan perkara[2] kenaikan pangkat dan tata tertib mengenaï Pegawai[2] Persekutuan telah di-pindahkan kapada Lembaga[2] yang terdiri daripada Ketua[2] Jabatan dan Pegawai[2] Kanan yang tertentu.

Berikutan dengan ini pula beberapa buah Kerajaan Negeri telah menyatakan chadangan-nya hendak memindahkan perkara[2] kenaikan pangkat dan tata tertib daripada Surohanjaya[2] Perkhidmatan Awam Negeri kapada Lembaga[2] yang terdiri daripada Ketua[2] Jabatan Negeri dan Pegawai[2] Kanan Negeri yang tertentu. Tetapi pada masa sekarang ini tidak mungkin di-lakukan oleh sebab perkara 144 (5) (*b*) hanya membolehkan pemindahan kuasa mengenaï kenaikan pangkat dan tata tertib mengenaï Pegawai[2] Persekutuan sahaja dan tidak meliputi Pegawai[2] Negeri. Oleh yang demikian peruntokan terpaksa-lah di-buat di-dalam Perlembagaan bagi membolehkan kuasa[2] Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan di-pindahkan kapada Lembaga[2] yang di-tubohkan sa-rupa itu bagi negeri[2] yang telah menggunakan kuasa[2] Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan menurut kuasa Undang[2] Negeri.

Fasal 2 dan 3 Rang Undang[2] ini yang meminda Perkara 133 dan 139 dalam Perlembagaan ada-lah membuat peruntokan[2] yang perlu bagi membolehkan semua Negeri di-Malaysia Barat, kechuali Pulau Pinang dan Melaka, melaksanakan pemindahan kuasa[2] yang sa-rupa itu mengenaï Pegawai[2] Negeri.

Saya suka menyatakan bahawa fasal[2] itu, walau bagaimana pun, tidak akan di-pakai bagi Sabah dan Sarawak oleh kerana kedua[2] buah Negeri ini ada-lah di-kawal oleh Perkara 146B (8) dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tujuan yang kedua Rang Undang[2] ini ia-lah untok membuat perubahan yang perlu kapada Sekshen 9 (3) dalam

Jadual Kelapan kapada Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan usia Majlis Meshuarat Negeri Sarawak yang ada sekarang ini di-lanjutkan sa-lepas tempoh 5 tahun. Menurut Sekshen 9 (3) dalam Jadual Kelapan kapada Perlembagaan Persekutuan dan kapada Perkara 21 (3) dalam Perlembagaan bagi Negeri Sarawak, Majlis Meshuarat Negeri Sarawak yang ada sekarang ini hendak-lah di-bubarkan pada 3hb Oktober, 1968. Ini bererti pilehanraya terpaksa-lah di-adakan dalam tempoh 60 hari dan sa-buah Majlis Meshuarat Negeri yang baharu hendak-lah di-panggil bermeshuarat dalam tempoh 90 hari. Tetapi sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sayugia ingat bahawa dalam jawapan kapada pertanyaan mulut, Dewan ini telah di-beri tahu di-persidangan-nya dalam bulan Jun yang lalu bahawa Surohanjaya Pilehanraya berpendapat bahawa oleh kerana kerumitan² tentang mengadakan pilehanraya yang pertama sa-chara langsong di-Sarawak mereka berkehendakkan tempoh lebeh kurang 9 bulan untok mengadakan persediaan² bagi menjalankan pilehanraya itu berikutan dengan kelulusan persempadanan Bahagian Pilehanraya (Perentah Sarawak) oleh Parlimen dan sa-lepas perentah itu mendapat persetujuan di-raja. Maka berasaskan ini pilehanraya di-Sarawak mungkin hanya dapat di-jalankan sa-awal²-nya pada pertengahan tahun hadapan sahaja.

Oleh hal yang demikian Dewan ini akan menghargaï perlu-nya langkah² di-ambil bagi melanjutkan usia Majlis Meshuarat Negeri Sarawak kerana jika tidak, Majlis itu akan di-bubarkan pada 4hb Oktober, tahun 1968, dan dengan demikian Sarawak tidak akan mempunyaï Badan Perundangan—suatu keadaan yang tidak ada di-peruntokkan sama ada di-dalam Perlembagaan Persekutuan atau dalam Perlembagaan Negeri Sarawak. Oleh sebab itu Sekshen 9 (3) dalam Jadual Kelapan kapada Perlembagaan Persekutuan terpaksa-lah di-ubah bagi melanjutkan usia Majlis Meshuarat Negeri Sarawak itu.

Ada-lah di-chadangkan hendak membuat peruntokan bagi maksud ini supaya Majlis Meshuarat Negeri yang ada sekarang ini akan di-bubarkan sa-lewat²-nya pada 18hb Mei, tahun 1969, ia-itu tarikh bila Parlimen Persekutuan yang ada sekarang ini akan di-bubarkan.

Fasal 4 dalam Rang Undang² yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah membuat peruntokan yang di-perlukan itu. Sa-belum usia Majlis Meshuarat Negeri yang ada sekarang ini dapat di-lanjutkan sa-lepas 3hb Oktober, 1968, maka ada-lah juga perlu, sa-belum daripada tarikh itu, bagi Majlis Meshuarat Negeri itu mengambil langkah² yang sa-patut-nya bagi menyelaraskan Perkara 21 (3) dalam Perlembagaan Negeri Sarawak dengan peruntokan ini dalam Jadual kapada Perlembagaan Persekutuan.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang telah di-bentangkan kapada Dewan ini.

Saya rasa Dewan ini tentu-lah perlu menyokong pindaan Perlembagaan yang di-bentangkan pada hari ini kerana pindaan² itu kesemua-nya pindaan² yang penting dan mustahak bagi perjalanan Kerajaan kita bagi kechekapan pentadbiran negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap dalam masaalah pindaan kapada kuasa² yang ada pada Surohanjaya Perkhidmatan Awam berkenaan dengan kenaikan pangkat yang akan di-pindahkan kapada badan² yang akan di-tubohkan itu. Saya perchaya pindaan yang di-buat itu ia-lah kerana hendak melichinkan dan hendak menjamin supaya jentera Kerajaan kita akan berjalan dengan baik, dengan lanchar, sesuai dengan pembangunan pada masa ini. Saya rasa untok menyesuaikan lagi perjalanan Kerajaan kita dan kechekapan di-dalam pentadbiran, khas-nya jentera Kerajaan kita di-perengkat Persekutuan dan perengkat Negeri, bukan sahaja Perlembagaan ini patut di-pinda pada segi kenaikan pangkat dan sa-bagai-nya

tetapi saya rasa General Order yang ada pada kita hari ini pun patut di-semak kembali, patut di-susun dan di-kaji sa-mula supaya terjamin per-jalanan masa hadapan jentera Kerajaan kita yang ada hari ini. Kita tahu benar[2] General Order itu kita terima daripada penjajah dan kita baiki dari satu masa ka-satu masa mengikut asas yang ada dalam peratoran itu. Jadi, kalau sa-kira-nya kita mengambil dalam perkara membaiki ini sa-bagai satu benda sahaja pada hal kita tahu banyak perkara[2] yang jadi akar umbi kapada jaminan kesempurnaan tad-biran Kerajaan kita yang patut kita baiki, maka patut-lah kita bertindak daripada hari ini supaya tidak menjadi lewat masa.

Perkara mengawasi jentera Kerajaan kita ini bukan sahaja terhenti kapada keadaan kenaikan pangkat dan sa-bagai-nya, tetapi keadaan susunan peratoran yang menguasai kaki-tangan Kerajaan yang ada hari ini. Banyak kaki-tangan Kerajaan tidak bagitu baik menjalankan kerja sa-kira-nya peratoran[2]-nya itu tidak di-baiki. Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak pernah menyuarakan kapada kaki-tangan Kerajaan supaya memotong segala *red tape* yang ada dalam negara kita hari ini—*red tape* yang di-ting-galkan oleh penjajah itu, tetapi banyak lagi pegawai[2] kerajaan, Ketua[2] Pejabat yang maseh belum memotong *red tape* itu. Jadi kalau dengan pindaan Per-lembagaan yang kita lakukan hari ini dengan memindahkan kuasa kapada Ketua Pejabat dalam mempertimbang-kan kenaikan pangkat dan sa-bagai-nya mungkin pegawai[2] dan kaki-tangan Kerajaan yang tersebut ini pada masa hendak naik pangkat sahaja yang mereka kena jaga kenaikan pangkat itu akan berjalan terus, tetapi ada kala-nya mereka boleh mengeluar-kan hujjah[2] yang menyatakan mereka tidak bersalah, kerana mereka meng-ikut General Order yang ada itu. Kalau Ketua[2] Pejabat mereka menyatakan mereka bersalah, maka mereka akan mengemukakan General Order yang menunjokkan mereka telah mengikut peratoran[2] yang lapok dan lama itu. Jadi, di-sini tidak ada sebab maka Ketua Pejabat atau Lembaga Kenaikan Pangkat ini akan menchatitkan perkara[2] yang boleh menyekatkan kenaikan pangkat mereka. Jadi, saya rasa umbi dan akar bagi membaiki kedudokan jentera Kerajaan ini bukan sahaja dudok pada lembaga ini, tetapi juga dudok pada peratoran[2] kerja yang di-panggil dengan nama General Order.

Jadi bagi saya dalam menyokong pindaan ini saya juga mengeshorkan supaya Kerajaan segera jangan terlewat kajikan serta-merta General Order yang ada itu supaya sesuai dengan masa pembangunan dan perubahan pemi-kiran ra'ayat pada masa ini.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong the Constitution (Amend-ment) Bill yang ada di-hadapan kita ini. Saya tidak hendak membahathkan apa[2], chuma ada satu perkara saya hendak minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan ia-itu ber-kenaan dengan Clause 2 yang ber-bunyi:

> "Provided that in its application to members of the services mentioned in paragraph (*g*) of Clause (1) of Article 132 this Clause shall not apply to any law which the legislature of any State, other than Penang and Malacca,"

Saya hendak penjelasan ini kerana undang[2] ini memberi kuasa kapada Negeri memindahkan kuasa[2] Surohan-jaya itu kapada satu[2] badan yang ber-lainan, kechuali negeri Pulau Pinang dan Melaka. Yang saya hendak tanya Menteri ini ia-lah kenapa-kah di-kechualikan Negeri Pulau Pinang dan Melaka itu—atas dasar apa-kah yang di-kechualikan dua buah negeri itu?

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab dengan tepat, kerana saya bukan-lah Menteri yang berkenaan. Akan tetapi, saya agak keadaan Pulau Pinang dan Melaka itu ada berlainan sadikit daripada Malay States yang dahulu, Pulau Pinang dan Melaka dahulu, Straits Settlements.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Saya tidak puas hati kalau bagitu, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Ini satu Bill yang sangat[2] berguna ia-itu the Constitution (Amendment) Bill—meminda Constitution kita berkehendakkan 2/3, kalau tidak ada 2/3 tidak boleh. Jika bagitu sangat[2]-lah perlu dan berguna dan patut-lah Menteri yang bertanggong-jawab ada untok menjawab. Kalau bagini kita nampak macham bermain[2]-lah—orang kata Dewan ini bermain[2] sahaja. Saya bersetuju penoh Perlembagaan itu kita pinda, tetapi kita hendak tahu fasal apa di-kechualikan dua buah negeri itu.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya dapat menjelaskan, ia-itu, sa-bagaimana saya katakan tadi, ada berlainan daripada Malay States dahulu, Pulau Pinang dan Melaka dia dahulu Straits Settlements, dan oleh kerana itu dia ada-lah di-bawah kuat-kuasa Federal P.S.C.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju 44, Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

Abdul Ghafar bin Baba
A. Arunasalam
Abdul Rahim bin A. Manan
Abdul Rahman bin Ahmad
Abdul Samad bin Osman
Haji Ahmad bin Haji Abdullah
Haji Ahmad bin Haji A. Manap
Bibi Aishah binti Hamid Don
Dato' Joseph Augustine Angian Andulag
Awang Daud Matusin
Tan Sri Datu Tuanku Bujang bin Tuanku Haji Othman
Chan Keong Hon
Chan Kwong-Hon
Dato' Dr Cheah Toon Lok
Dato' J. E. S. Crawford
Dato' Foo See Moi
Tan Sri Gan Teck Yeow
Goh Chek Kin
Hoh Chee Cheong
Hong Kim Sui
C. D. Ismail
Andrew Jika Landau
Koh Kim Leng
Dato' Y T. Lee
Lim Hee Hong
S. T. Mani
Mohamed Adib bin Omar
Dato' Pengiran Mohd. Digadong Galpam
Md. Hanipah bin S. Alaudin
Haji Mohamed Saaid bin Haji Abu Bakar
Dato' Athi Nahappan
Nik Hassan bin Haji Nik Yahya
Temenggong Oyong Lawai Jau
Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali
Saidon bin Kechut
Tan Sri G. Shelley
K. R. Somasundram
Syed Darus bin Syed Hashim
William Tan
Dato' E. E. C. Thuraisingham
Dato' S. O. K. Ubaidullah
Dato' Wan Ibrahim bin Wan Tanjong
Wan Sulaiman bin Wan Tam
Yahya bin Haji Ahmad

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Uudang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

*Meshuarat bersidang sa-mula.*

**Bachaan kali yang Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon melaporkan supaya Rang Undang[2] (Meminda) Perlembagaan yang telah di-bachakan dalam Jawatan-kuasa dengan tiada pindaan di-bacha bagi kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 43; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

Abdul Ghafar bin Baba
A. Arunasalam
Abdul Rahim bin A. Manan
Abdul Rahman bin Ahmad
Abdul Samad bin Osman

Haji Ahmad bin Haji Abdullah
Haji Ahmad bin Haji A. Manap
Bibi Aishah binti Hamid Don
Dato' Joseph Augustine Angian Andulag
Awang Daud Matusin
Tan Sri Datu Tuanku Bujang bin Tuanku Haji Othman
Chan Keong Hon
Chan Kwong-Hon
Dato' Dr Cheah Toon Lok
Dato' J. E. S. Crawford
Yang Berhormat Dato' Ubaidulla ada menyebutkan bahawa patut di-adakan sàtu Board of Review menggantikan tempat Menteri sa-bagai pehak yang mendengar rayuan² yang harus di-buat oleh pehak² yang berkenaan yang tidak di-beri pas kerja atau pun tidak di-hidupkan pas kerja-nya. Perkara itu telah juga di-bangkitkan di-dalam meshuarat² yang telah di-adakan di-antara wakil² majikan dan pekerja² dan ada-lah di-fikirkan bahawa chadangan itu tidak boleh di-terima. Oleh kerana perkara yang akan di-kemukakan untok di-timbang sa-mula, pada pendapat saya, ada-lah perkara yang mengenaï sa-mata² perkara pemberhentian sa-saorang itu daripada jawatan-nya atau pekerjaan-nya dengan tidak di-bagi permit atau permit tidak di-hidupkan dan perkara² yang berkaitan dengan pemberhentian pekerjaan-nya. Hak²-nya di-bawah undang² yang lain, hak² asasi dia di-bawah perkara trade union itu tidak-lah akan menjadi perkara dalam timbangan atau pun dalam kuat-kuasa Undang² ini. Jadi perkara pemberhentian sa-saorang itu daripada pekerjaan-nya ada-lah sa-mata² berkait dengan perkara² atau masaalah² sama ada dia ada menjadi ra'ayat atau tidak menjadi ra'ayat di-dalam negera ini dan kalau sa-kira-nÿa di-berhentikan dia daripada pekerjaan-nya atau pun di-berhentikan work permit yang ada pada-nya, maka pemberhentian-nya atau pun pemotongan work permit-nya itu ada-lah bergantong sa-mata² atas masaalah atau soal sama ada dia sa-orang warga-negara atau pun tidak. Jadi oleh kerana ini di-fikirkan tidak perlu di-adakan satu Lembaga Ulang Bichara atau pun Board of Review menggantikan tempat Yang Berhormat Menteri ia-itu Menteri Buroh untok menimbang dan menerima rayuan² yang di-buat di-bawah Undang² ini.

Seruan juga telah di-buat oleh Dato' Ubaidulla berkenaan dengan ada-nya dua Kementerian menjalankan, melaksanakan kehendak² yang terkandong di-dalam Undang² ini. Tentang perkara ini pun telah di-bawa juga di-meshuarat yang telah di-adakan di-antara wakil² majikan, wakil² pekerja dengan pehak Kerajaan dan saya suka-lah menjelaskan di-sini untok memberi jaminan bahawa akan ada perhubongan yang rapat di-antara pegawai yang berkenaan, ia-itu Commissioner yang di-lantek di-bawah Undang² ini dengan Jawatan-kuasa Malayanisation yang saya sebutkan tadi dan mengikut pendapat saya, ma'alumat yang saya terima, Commissioner ini pun akan menjadi sa-orang ahli di-dalam Co-ordinating Committee yang akan di-tubohkan untok menguruskan perkara berkenaan dengan Malayanise pekerjaan² yang patut dan di-Malayanaiskan apabila sampai masa-nya kelak.

Jadi, persiapan machinery ini sudah terator, sudah di-siapkan supaya kedua² Kementerian ini, Kementerian Dalam Negeri yang menguruskan perkara sa-mata² berkenaan dengan kemasokan orang² dari luar negeri yang di-benarkan masok di-bawah Immigration Law itu membuat

perkerjaan² yang belum lagi boleh di-buat oleh warga-negara² di-sini dan perhubongan rapat akan di-adakan di-antara Kementerian Dalam Negeri yang menguruskan perkara ini dengan Kementerian Buroh yang akan menguruskan dan melaksanakan sharat², kehendak² atau perkara² yang terkandong dalam Undang² ini. Dalam pada itu sa-bagaimana saya telah jaminkan tadi dalam perchakapan saya, pehak Kerajaan sedia menerima chadangan² yang membena yang di-kemukakan kemudian kelak supaya di-adakan pindaan² yang berpatutan, yang berfaedah kapada Undang² ini.

Yang Berhormat Nik Hassan tadi ada menyebutkan barangkali ada perkara tolak ansor yang telah di-jalankan di-antara Kerajaan kita dengan Singapura sa-belum tempoh masa Undang² ini di-gubal. Tentang ini saya suka-lah memberi kenyataan tidak ada langsong perhubongan di-buat oleh Kerajaan kita dengan Kerajaan Singapura pada masa kita mengkaji, pada masa kita menggubal Rang Undang² ini. Undang² ini telah di-gubal, di-adakan semenjak, rasa saya, kalau ta' salah saya, dua tahun dahulu dan banyak Jawatan-kuasa² Kabinet telah tertuboh untok menyemak, mengkaji, menapiskan dan mengelokkan Rang Undang² ini sampai pada masa keputusan yang akhir di-buat baharu² ini bahawa Rang Undang² sa-bagaimana yang terderaf di-sini ada-lah Undang² yang elok, yang patut, yang di-fikirkan sederhana, yang telah di-luluskan di-dalam persidangan Dewan baharu² ini.

Yang Berhormat Nik Hassan pun ada menyebutkan perkara kemasokan sa-chara haram orang² yang datang dari luar negeri, saya mendapat penjelasan bahawa bilangan orang² yang masok ka-dalam negeri ini dengan sa-chara haram ada-lah sangat sadikit bilangan-nya dan mana yang masok sa-chara haram itu kebanyakan-nya dapat di-ikuti dan tindakan² sa-wajar-nya di-bawah Undang² Imigresen kita ada-lah di-kenakan, di-ambil terhadap orang² yang telah memasoki negeri ini dengan sa-chara haram dan ......

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Untok penerangan. Yang Berhormat Menteri Muda kata tadi kemasokan orang² sa-chara haram itu sangat sadikit dalam negeri ini. Di-atas asas mana-kah yang dapat di-ketahuï peratus kemasokan sa-chara haram itu? Ada-kah di-atas bilangan yang di-tangkap atau anggaran yang kasar yang masok yang di-tangkap dan yang tidak di-tangkap?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Ini ada-lah berdasarkan kapada anggaran yang di-ketahuï memasoki negeri ini dengan sa-chara haram. Jadi, daripada anggaran yang ada pada kami itu di-fikirkan bilangan orang² yang memasoki dengan sa-chara haram dalam negeri ini ada-lah sangat² kechil bilangan-nya. Dan Undang² Imigresen kita sekarang ini semenjak di-luluskan Undang² Imigresen tahun 1959 itu sa-bagaimana yang saya sebutkan dalam perchakapan saya tadi ada-lah sangat ketat masa ini. Kemasokan orang² yang datang daripada luar negeri yang bukan dudok tetap di-sini atau bukan warga-negara ada-lah di-kawali dengan rapat-nya dan sa-belum sa-saorang itu boleh memasoki di-sini memperolehi, atau pun mendapati satu² pekerjaan dalam negeri ini, maka terpaksa-lah dia, sa-belum sampai ka-negeri ini, membuat permohonan supaya di-berikan dia satu pas bekerja, atau pun "employment pass" dan pas pekerjaan ini biasa-nya tidak di-beri kapada orang yang hendak datang masok bekerja ini, jikalau sa-kira-nya di-dapati pekerjaan yang hendak di-buat itu pekerjaan yang boleh di-buat oleh orang² yang bertaraf warga-negara di-dalam negeri ini.

Yang Berhormat Nik Hassan juga ada menyentoh berkenaan dengan banyak-nya bilangan orang² yang tidak mahu menjadi warga-negara. Saya mengaku memang ada orang yang dudok dalam negeri ini yang chuma bertaraf orang² yang di-beri kebenaran dudok tetap atau "permanent stay" yang ada daripada mereka betul

barangkali yang tidak mahu membuat permohonan menjadi warga-negara tetapi dengan dudok di-sini sa-bagai orang yang di-beri kebenaran tetap kerana sebab²-nya sa-bagaimana yang saya telah jelaskan di-Dewan Ra'ayat orang² ini fikir lebeh berfaedah kapada dia untok menjadi orang yang dudok tetap di-sini merasai, menikmati segala kesenangan dalam negeri ini meneruskan apa² pekerjaan yang dia suka dengan tidak ada had² langsong sa-belum di-luluskan Rang Undang² ini dan dalam pada itu tidak memikul beban² yang biasa-nya terpaksa sa-sa-orang yang bertaraf warga-negara memikuli-nya, umpama-nya, masok di-kerah menjadi sa-orang ahli pasokan dalam "National Service", mengundi di-bawah Undang² Pilehanraya kita. Jadi, sa-bagaimana yang saya jelaskan di-Dewan Ra'ayat dahulu, dengan ada-nya Undang² ini barangkali orang² ini yang berhak menjadi ra'ayat yang telah bertahun² dudok di-sini yang telah berhak menjadi ra'ayat boleh jadi suka dengan ada-nya Undang² ini datang mendaftarkan diri mereka sa-bagi warga-negara. Dalam pada itu dengan ada-nya undang² ini maseh lagi ada orang² yang sa-macham ini yang suka dudok di-sini mendapat segala kenikmatan-nya dengan tidak mahu menjadi warga-negara, tetapi dudok di-sini dengan sa-chara dudok tetap—'permanent stay'—boleh jadi kita boleh menggunakan kuat-kuasa yang di-beri di-bawah undang² ini menarek balek barangkali permit² kerja yang telah di-beri kapada mereka. Jadi kalau sa-kira-nya di-buat demikian kapada orang² ini, rasa saya tidak ada sebab-nya bagi mereka mengatakan kita ada-lah bersifat dzalim, bersifat tidak berperikemanusiaan kerana peluang telah di-bagi kapada mereka membuat permohonan menjadi warga-negara di-sini oleh kerana mereka telah lama di-sini. Jikalau sa-kira-nya dengan ada-nya peluang ini di-bagi dia tidak menggunakan peluang ini menjadi warga-negara, maka saya berpendapat kita berhak menggunakan kuat-kuasa di-bawah undang² ini menarek balek pas bekerja yang telah di-bagi kapada mereka, atau pun tidak memberi memanjangkan pas pekerjaan yang telah di-bagikan kapada mereka.

Yang Berhormat Dato' Athi Nahappan tadi ada menyebutkan perkara kedudokan orang yang di-beri kebenaran dudok tetap di-sini dan telah menyoal sama ada kalau sa-kira-nya pas pekerjaan orang yang sa-macham ini di-tarek balek ada-kah berma'ana orang² ini akan di-suroh keluar dari-pada negeri ini. Untok penjelasan, saya suka-lah menyatakan ia-itu di-bawah Undang² Imigresen kita, orang² yang sudah lama dudok di-sini yang sudah di-beri kebenaran untok dudok tetap sa-bagai 'permanent residence' mereka itu tidak boleh di-usir suroh keluar daripada negeri ini kechualikan kalau sa-kira-nya mereka ini ada-lah menjadi anchaman kapada keselamatan negara, atau pun ada-nya di-sini ada-lah akan menganchaman ketenteraman, keamanan dalam negara ini. Ini memang ada di-sebutkan. In our Immigration Law, there is a provision which says that you cannot expel a permanent resident who has been residing here, who has permanent residence, until and unless you have grounds, such as security grounds, or that his presence here is not conducive to the good orderly peace of this country, that he be expelled from this country. You can only expel a permanent resident on these two grounds.

Tinggal lagi mana orang² yang telah masok negeri ini di-bawah Undang² Imigresen dengan satu pas pekerja di-bagi kapada-nya, orang² ini kebanyakan-nya ada-lah orang² yang di-peringkat atas atau pun executive officers atau pun dalam kompeni², sharikat², perindasterian. Dan mengikut dasar Malayanisation Committee, sharikat², firm², perindasterian semua telah di-beri arahan bahawa orang² yang masok dengan chara pas bekerja sa-macham ini ada-lah di-kehendaki memberi latehan yang chukup kapada warga-negara supaya satu masa kelak orang² yang bertaraf warga-negara yang telah di-lateh oleh orang² ini boleh mengambil tampok tempat pekerjaan orang² yang telah di-benarkan masok di-atas pas bekerja di-bawah Undang² Imigresen yang saya sebutkan tadi.

On the doubt of the Honourable Dato' Athi Nahappan as to whether the responsibilities of the Commissioner will be overlapping, I have already given an assurance just now that machinery has been set up whereby there will be very close liaison between the two Ministries, the Ministry of Home Affairs, which is purely concerned with immigration, with the entry of people into this country after obtaining Employment Passes, and the Ministry of Labour, which is the Ministry responsible for the implementation of the provisions of this Bill. Machinery has been set up and there is, I can assure him, no possibility of any overlapping between the functions and duties of one Ministry and that of another. As for the Commissioner appointed under this Bill, there is also doubt expressed by the Honourable Member that the Commissioner will not be given definite instructions as to what line of action, what policy, he has to adopt. In this regard, I would draw the attention of the Honourable Member to Clause 3 of the Bill which clearly provides that the Commissioner will perform his functions subject to the general direction and control of the Minister responsible. So, when the Bill is put into effect, when the Bill is in force, I am certain that the Ministry concerned will guide the Commissioner as to the manner in which he has to implement the provisions of this Bill, especially having regard to the powers which he has and which were enumerated by the Honourable Member just now.

I would like also to assure the Honourable Member that the provisions of this Bill, as I have explained in my speech, will be implemented prudently without any undue hardships being caused both to the employers and the employees alike.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya terhadap tegoran² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang² ini. Terima kaseh.

# WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

## USUL

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan sa-hingga semua sa-kali urusan yang ada dalam atoran urusan meshuarat hari ini telah selesai di-binchangkan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan sa-hingga semua sa-kali urusan yang ada dalam atoran urusan meshuarat hari ini telah selesai di-binchangkan.

## RANG UNDANG² (SEKATAN) KERJA (THE EMPOYMENT (RESTRICTION) BILL)

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

Usul di-kemukan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawantan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 21* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli² Yang Berhormat, persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.37 petang.*

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## THE ARMS (AMENDMENT) BILL

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan ia-itu satu Rang Undang² bernama "The Arms (Amendment) Bill" dibacha bagi kali yang kedua.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini telah pun di-jelaskan dalam kenyataan penjelasan bagi Rang Undang² ini ia-itu hendak meminda Act Senjata tahun 1960 untok mengadakan satu peruntokan dalam Undang² itu ia-itu ada-lah menjadi satu kesalahan bagi sa-saorang jika ia mempunyaï, menyimpan atau mengawal atau membawa apa² senjata atau peluru dalam keadaan yang boleh menimbulkan sangkaan bahawa senjata atau peluru itu telah di-gunakan atau sedang hendak di-gunakan, atau mungkin hendak di-gunakan untok apa² maksud yang salah pada sisi undang². Rang Undang² ini ada-lah juga memberi kuasa kapada Mahkamah untok menjatohkan hukum sebat ka-atas sa-saorang yang di-dapati thabit kesalahan-nya melakukan kesalahan itu. Walau bagaimana pun saya suka hendak menerangkan sadikit lagi kenapa Rang Undang² ini mustahak.

Barangkali Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum ia-itu perbuatan menggunakan senjata api pada melakukan jenayah telah sa-makin bertambah dengan banyak-nya. Dalam rekod yang di-simpan oleh Pejabat Rekod Jenayah di-Kuala Lumpur di-dapati dalam masa enam bulan daripada 1.10.1967 hingga 31.3.1968, sa-banyak 243 pengaduan telah di-terima fasal senjata api itu di-gunakan dalam melakukan jenayah. Pukul rata empat pengaduan saperti itu di-terima pada tiap² tiga hari.

Saya juga suka hendak menerangkan ia-itu kebanyakan kumpulan² penyamun yang terkenal jahat-nya di-tangkap oleh Polis bukan pada masa menyamun, tetapi kerana mempunyaï senjata api. Pehak Polis perchaya maseh ada banyak lagi senjata dalam simpanan penjahat². Dan lagi pehak Polis telah juga menyatakan ia-itu dalam siasatan-nya di-dapati sa-saorang itu berasa lemah dan hilang semangat bahkan tiada dapat hendak membuat apa² pada masa ia berhadapan dengan sa-saorang penyamun yang bersenjatakan pistol. Dalam keadaan demikian orang itu tidak-lah ada jalan lain melainkan terpaksa mengikut sahaja kehendak² penyamun yang bersenjata itu. Oleh hal yang demikian nyata-lah ia-itu hukuman yang di-kenakan sekarang kerana mempunyaï senjata api sa-chara yang salah pada sisi undang² boleh-lah di-katakan tiada chukup. Sekshen 9 dalam Act Senjata tahun 1960 hanya mempunyaï peruntokan hukuman penjara yang boleh sampai tujoh tahun lama-nya atau hukuman denda tiada lebeh daripada $10,000 atau kedua²-nya sa-kali bagi kesalahan saperti itu. Oleh itu nampak-nya ada chukup alasan bagi mengemukakan suatu kesalahan baharu sa-bagaimana yang di-adakan dalam Rang Undang² ini dengan satu hukuman yang lebeh berat bagi menchegah perbuatan penjahat² yang sa-makin banyak menggunakan senjata api. Rasa-nya hukuman yang berat hanya-lah hukuman sebat sa-lain daripada hukuman di-bawah Undang² yang ada pada masa ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG² (PERBADANAN) MAKTAB KERJASAMA

### Bachaan kali yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan Rang Undang² yang bertajok suatu Undang² Perbadanan Maktab Kerjasama di-bacha bagi kali yang kedua.

Maktab Kerajsama Malaysia Barat telah di-tubohkan pada penghujong tahun 1958. Tapak tanah untok mendirikan bangunan Maktab itu telah di-beli dengan wang yang di-perolehi dari kira² penutupan atau liquidation accounts yang di-sampaikan oleh Pendaftar, dan perbelanjaan bangunan-nya ada-lah daripada wang pemberian Colonial Welfare dan Development Fund. Bagi mentadbirkan Maktab ini sa-hari², Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah melantek sa-buah Majlis Penasihat bersama yang terdiri daripada Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama sa-bagai Pengerusi, lima orang Wakil daripada Pergerakan Kerjasama dan sa-orang Wakil daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Perbelanjaan pentadbiran Maktab ini ada-lah di-tanggong oleh satu peruntokan Kerajaan dan juga sumbangan dari Sharikat² Kerjasama yang diwakili di-bawah Fasal 34 (1) (*b*) Undang² Sharikat Kerjasama 1948 bagi Sharikat Kerjasama di-Malaysia Barat.

Juru Odit Negara, dalam laporannya pada tahun 1962 dan 1963, telah memberi pandangan berhubong dengan perbelanjaan Maktab ini tidak mempunyaï asas undang². Beliau telah membangkitkan perkara bahawa segala perbelanjaan Maktab ini hendak-lah mempunyaï asas undang². Tambahan pula soal² perkhidmatan dan pegawai dan kaki-tangan Maktab juga telah menimbulkan kerumitan kerana tidak ada undang² khas yang mengikat perkhidmatan mereka itu kapada Maktab ini.

Keadaan yang sa-demikian tidak-lah memuaskan hati dan Kementerian telah mengambil langkah² untok menyediakan satu Undang² Perbadanan Khas untok menjalankan Pertadbiran Maktab Kerjasama ini. Saperti Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum maksud Rang Undang² ini ia-lah untok membolehkan sa-buah Perbadanan yang di-beri kuasa menyelenggarakan Maktab Kerjasama ini. Langkah ini bukan sahaja akan memperbaiki pertadbiran Maktab itu, bahkan perbekalan² yang mewajibkan lantekan satu Jawatan-kuasa pengajian akan menentukan ia-itu pelajaran² yang sa-laras dengan perkembangan Sharikat Kerjasama dinegeri ini dapat di-beri kapada Pegawai² Jabatan Sharikat Kerjasama dan pegawai² serta kaki-tangan sharikat² yang tertuboh di-negeri ini.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang² ini, saya suka hendak bertanya mengikut kata Menteri yang membawa chadangan tadi daripada tahun 1956 sa-masa Maktab ini di-tubohkan sa-hingga hari ini—tahun 1968—sa-hingga Bill ini di-bawa pada Dewan ini, segala perbelanjaan Maktab ini tidak berasas kapada undang², sa-bagaimana apa yang dikatakan oleh Juru Odit. Jadi, saya hendak bertanya dalam masa 12 tahun ini apa-kah terjadi kapada kedudokan perbelanjaan pentadbiran kewangan dan sa-bagai-nya yang melanggar atau pun yang di-tadbirkan dengan tidak mengikut asas undang². Itu pertanyaan saya kapada Kementerian yang berkenaan. Ada-kah perbelanjaan itu di-kirakan tidak mengikut undang², atau pun tidak berasas di-atas undang², atau melanggar undang² pentadbiran kewangan, Financial General Order.

Kalau melanggar apa-kah pembaiki yang di-buat. Ada-kah dengan undang² yang di-luluskan hari ini akan menjadi betul kesemua perbelanjaan yang telah di-belanjakan itu atau pun mesti Kerajaan mengadakan satu chara lain bagi melaraskan dengan asas undang² dalam perbelanjaan.

Yang kedua, saya rasa patut-lah Maktab Kerjasama ini di-perbesarkan, di-beri perbelanjaan yang chukup dan di-bantu dengan penoh oleh Kerajaan kerana boleh di-katakan kebanyakan daripada sharikat kerjasama kita yang ada di-seluroh Malaysia Barat ini boleh di-katakan perjalanan-nya tidak bagitu baik sa-hingga terpaksa Kerajaan kita mengadakan undang² yang memberi kuasa boleh membubarkan, boleh mengambil aleh kuasa² sharikat² kerjasama yang berjalan di-dalam negara kita ini. Itu menunjokkan beratus² sharikat kerjasama, beribu² sharikat kerjasama yang di-tubohkan di-kampong² itu ada-lah di-tubohkan di-atas asas yang tidak kuat, di-atas asas yang tidak mempunyaï pengetahuan dalam sharikat kerjasama ini. Jadi, kalau sa-kira-nya boleh Maktab Sharikat Kerjasama ini mesti di-perbesar dan mesti di-banyakkan bilangan-nya supaya dapat mereka yang keluar daripada Maktab Sharikat Kerajsama ini memberi sumbangan tenaga, usaha dan nasihat kapada sharikat² kerjasama yang ada di-seluroh Malaysia ini. Kalau tidak, kalau kita hendak harapkan kapada orang² tua, hendak harapkan kapada mereka yang ada pada hari ini mentadbirkan sharikat kerajsama, maka saya fikir Kementerian Sharikat Kerjasama akan sentiasa menemuï kerumitan dan berbagai² kesulitan dalam mengawasi sharikat² kerjasama.

Kita faham bagaimana kita telah rugi banyak wang Kerajaan waktu Menteri Aziz Ishak dahulu mengeluarkan perbelanjaan kapada sharikat kerjasama boleh di-katakan Kerajaan telah membelanjakan berjuta² ringgit yang habis untok menjadikan sharikat kerjasama di-seluroh Malaysia ini menjadi asas yang kuat untok meninggikan mutu ekonomi orang kampong, tetapi keadaan yang ada hari ini maseh kita belum puas hati dan kalau kita mahu puas hati mesti kita ada orang² baharu, mereka yang terlateh, mereka yang di-lateh dalam maktab² ini untok pergi ka-kampong untok menjalankan kerja, untok memberi pimpinan dan sa-bagai-nya kapada mereka yang ada di-kampong, mereka yang ada di-padang untok menjalankan kerja² dalam sharikat kerjasama.

Jadi, saya rasa tidak-lah saya hendak panjangkan, kerana Ahli² Yang Bernormat—ini nampak-nya Bill yang akhir sa-kali—masing² hendak balek, jadi apa yang saya rasa dalam menyokong Bill ini saya rasa perlu kita berseru kapada Kerajaan supaya membanyakkan modal di-tanam untok meluaskan Maktab Sharikat Kerjasama dan membanyakkan lagi mereka yang di-lateh dalam Maktab Sharikat Kerjasama.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang² (Perbadanan) Maktab Kerjasama oleh kerana ia ada-lah sa-bagai sijil beranak bagi Maktab itu yang tujuan utama-nya ia-lah hendak mengembangkan pergerakan kerjasama. Semenjak Maktab itu di-dirikan dalam tahun 1956, beratus² orang daripada penganjor² kampong telah dapat belajar 'ilmu sharikat kerjasama dan chara² hendak menuboh-nya. Sharikat kerjasama, di-kampong², telah di-perchayaï sa-bagai satu alat melateh berchermat-jimat mengatasi kerumitan² di-luar bandar. Di-utara negeri Kedah, boleh kata tiap² buah kampong ada sa-buah sharikat kerjasama, di-mana ahli²-nya, kebanyakan-nya penanam² padi dapat chermat jimat menyimpankan rial dan juga mendapat pinjaman wang untok perbelanjaan buat bendang, mengelakkan daripada berhutang padi-kuncha yang mahal faedah-nya. Maka bagi memperkemaskan perjalanan² sharikat² kampong itu, ia di-chantumkan jadi satu badan, di-namakan Persatuan Bank Sharikat² Kampong. Gabongan² sharikat jenis ini ada di-serata² negeri di-Malaysia Barat ini. Oleh sebab pergerakan kerjasama itu mengambil peranan yang penting

dalam meninggikan taraf hidup orang² luar bandar, saperti telah di-sebutkan, maka Maktab Kerjasama itu, pada masa hadapan, hendak-lah dapat keluarkan pegawai² yang betul² mengerti tujuan² kerjasama dan merasaï insaf di-atas hal keadaan orang² kampong dan yang ada minat dalam memperbaiki ekonomi luar bandar.

Di-utara negeri Kedah ini, boleh kata kesemua orang² luar bandar itu terdiri daripada penanam² padi. Mereka dapat pertolongan wang untok kerja bendang daripada sharikat kerjasama mereka semenjak berpuloh² tahun sa-belum merdeka lagi. Dalam tahun 1970, manakala Ranchangan Perayeran Sungai Muda siap, penanam² padi itu kena tanam padi dua kali sa-tahun. Di-waktu itu mereka terpaksa berkehendak banyak bantuan² wang dan kebendaan² sa-kurang²-nya dua kali ganda daripada biasa, untok perbelanjaan bendang mereka. Bagi mengatasi kesulitan² ini, Kerajaan menggemarkan penubohan² Persatuan Peladang meliputi semua kawasan² tanam padi itu. Maka di-kawasan² itu juga pada sekarang ini, ada beberapa buah sharikat kerjasama yang juga mendapat bantuan wang daripada Kerajaan. Saya fikir ada baik-nya Kerajaan menentukan menerusi pertubohan mana-kah, Persatuan Peladang atau sharikat kerjasama, yang Kerajaan boleh memberi bantuan untok menanam padi dua kali sa-tahun itu dengan lebeh sempurna kapada peladang² kelak.

**Tuan Abdul Rahman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu²-kan kedatangan Bill ini, saya suka mengambil kesempatan beruchap sapatah dua mengenaï Perbadanan Co-operative College ini. Saperti mana yang telah sama² kita ma'alum bahawa asas dan tujuan Co-operative College ini di-jadikan satu Perbadanan ia-lah kerana hendak menyesuaikan atau menselaraskan dengan kehendak² pergerakan kerjasama yang sedang berjalan di-dalam negara kita pada masa ini.

Hari ini sa-telah pergerakan kerjasama berjalan lebeh daripada 40 tahun di-negara ini, kita maseh kedengaran rungutan² daripada beberapa pehak dan gulongan mengatakan bahawa gerakan sharikat kerjasama tidak-lah bagitu memuaskan hati, jauh daripada memuaskan hati—di-dalam beberapa segi perkembangan-nya sa-lama ini. Jadi dengan ada-nya Perbadanan College ini maka kita berharap bahawa dalam masa yang tidak lama lagi akan berubah chorak dalam segala segi yang berkaitan dengan gerakan sharikat kerjasama, sama ada dari segi mengeluarkan pegawai² yang terlateh, pentadbiran dan juga kelancharan gerakan kerjasama pada keselurohan-nya.

Sa-orang sahabat saya tadi telah pun beruchap mengenaï bantuan yang sapatut-nya. Hari ini kita sedar bahawa gerakan sharikat kerjasama yang telah berjalan sa-lama berpuloh² tahun dinegeri ini tidak mendapat bagitu baik perhatian daripada Kerajaan. Banyak bukti² yang boleh di-tunjok sa-bagai kenyataan. Saya suka-lah meminta perhatian Kerajaan supaya memberi bantuan, dan pertolongan gerakan kerjasama ini sa-chara bersunggohan². Kerajaan hendak-lah memberi bantuan yang menchukupi dan memberi perhatian yang bersunggoh² kalau ingin melihat gerakan kerjasama menchapai kemajuan saperti negara² lain.

Sa-lain daripada itu, kita juga berharap bahawa Perbadanan yang kita tentukan nanti, Jawatan-kuasa-nya atau pun ahli²-nya, hendak-nya kalau boleh, tidak-lah terkumpul kapada satu gulongan sahaja yang mana pada pandangan hari ini boleh jadi, kalau kita mengikut perkembangan sharikat kerjasama hari ini satu gulongan yang tertentu sentiasa mendudoki di-tempat² yang bagitu mustahak. Jadi hari ini kalau-lah tidak di-tentukan bilangan atau orang² yang berada di-dalam Perbadanan ini, maka harus Perbadanan ini juga tidak dapat menghadapi segala chita²-nya.

Jadi hari ini College yang kita berharap akan membuat perubahan ini akan juga menelorkan beberapa hasil

yang baik bagi gerakan kerjasama seluroh-nya. Kalau bantuan kapada luar bandar dan lain[2] Perbadanan saperti mana MARA dan juga beberapa Perbadanan yang lain pada hari ini di-beri perhatian oleh Kerajaan dengan bagitu penoh minat, maka bagitu-lah juga harapan kita kapada gerakan sharikat kerjasama. Kalau betul[2] berkehendakkan perubahan di-dalam meninggikan taraf hidup dan ekonomi orang[2] Melayu di-luar bandar hari ini, maka gerakan sharikat kerjasama ini-lah satu jalan dan satu chara yang boleh memberi pimpinan dan amalan yang boleh menchapai tujuan mereka, maka ini harus-lah di-beri satu perhatian yang sunggoh[2]. Sekian terima kaseh.

**Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang berchakap bersangkut dengan Rang Undang[2] (Perbadanan) Maktab Kerjasama ini. Saya menyokong Rang Undang[2] ini yang mana College Sharikat Kerjasama ini supaya di-jadikan Perbadanan, tetapi saya suka-lah membawa sadikit pandangan kapada Perbadanan yang akan di-overhaulkan jentera dia kapada satu pergerakan yang modern, yang sesuai dengan keadaan pembangunan yang ada sekarang.

Saya khuatir sunggoh pun ada pendapat[2] mengatakan perkembangan bersangkutan dengan sharikat kerjasama ini berjalan maju, tetapi saya dapat berkata ada sa-tengah[2] bahagian maju, ada sa-tengah[2] bahagian tidak maju atau pun mundor. Walau bagaimana pun di-dalam pembaharuan Perbadanan ini, ia-itu dengan penambahan wang ringgit sahaja tidak memadaï, kerana ia berkehendakkan beberapa perubahan di-dalam Maktab ini terutama sa-kali saya dapat tunjokkan satu chontoh bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Wan Sulaiman, di-Kedah banyak tumboh badan[2] sharikat kerjasama—seluroh kampong, mukim.

Pada masa lepas perang, sa-lepas Jepun menyerah diri, maka tumboh-nya badan[2] sharikat kerjasama ini macham chendawan; saya tengok di-mana sahaja ada sharikat kedai runchit, sharikat itu, sharikat ini, tetapi lama-kelamaan kalau dapat di-siasat atau di-kajikan di-dalam repot[2] Jabatan Kemajuan Kerjasama bagaimana dia tumboh macham chendawan itu dengan tidak berapa masa, dia mati. Jadi saya setuju dengan apa saudara saya kata tadi dari sa-belah sini ia-itu 40 atau 50 tahun perkembangan kerjasama ini yang mana kita tengok perjalanan ini, kalau di-kaji, tidak memuaskan, sa-hingga ada di-kampong[2] yang orang hendak masok sa-bagai ahli share dengan kerana ada perasaan kebangsaan, atau perasaan di-kampong itu patut kita adakan juga sharikat kerjasama, kita buat sa-hingga mengatakan, "tak apa-lah saya keluar $10.00 masok satu share. Saya ingat share itu macham saya masok badan kebajikan masharakat, saya sedekah, kalau habis, habis-lah, pergi-lah wang $10.00 selesai, habis."

Jadi, kalau ada perasaan yang sa-macham ini di-kalangan ra'ayat di-seluroh kampong, saya ingat lagi 30 tahun pun sharikat kerjasama ini nanti berjalan—dia nanti berjalan bukan macham basikal bahkan macham anak orang Melayu Kedah panggil "itu kereta yang di-tarek oleh lembu itu." Jadi, dengan ada-nya perubahan Perbadanan ini, saya shorkan supaya di-kaji dengan sa-baik2-nya mudahan[2] dengan tambahan wang dan pandangan[2] yang baharu supaya Perbadanan ini dapat berjalan dan kolej yang di-jadikan Perbadanan ini dapat berjalan dengan sesuai dengan keadaan pergerakan ekonomi terutama sa-kali bumiputera yang maseh mundor lagi di-dalam kampong[2].

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat Nik Hassan sama ada perbelanjaan yang telah di-jalankan sa-lama ini tidak berasaskan kapada undang[2]. Maktab ini pada masa yang telah lalu ada-lah di-bawah jagaan Kementerian sa-chara langsong dan wang perbelanjaan-nya pun di-tanggong oleh Kementerian dan juga di-bantu oleh sharikat kerjasama yang di-kawal oleh satu badan Jawatan-kuasa Pena-

sihat wakil² daripada Perbendaharaan dan juga daripada Juru Odit Negara yang sentiasa mengawasi kira² Maktab tersebut. Perjalanan kira² wang Maktab ini ada-lah sempurna, tetapi sa-telah di-fikirkan lebeh molek jika sa-kira-nya kewangan itu dapat di-asingkan dan Maktab ini berdiri di-atas kaki-nya sendiri ada-lah lebeh kemas dari segi Peratoran Kewangan, maka dengan sebab itu Juru Odit menchadangkan supaya di-adakan satu asas undang² yang tepat supaya perkiraan wang yang akan datang dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Dengan ada-nya penubohan Maktab ini dengan berdiri di-atas kaki sendiri, jika di-luluskan Rang Undang² ini, maka berma'ana sharikat kerjasama akan melangkah sa-tapak ka-hadapan lagi dalam usaha menchapai kemajuan yang lebeh besar, maka sebab itu-lah Rang Undang² ini di-kemukakan di-Dewan Ra'ayat dan di-Dewan Negara.

Uchapan daripada dua tiga orang Ahli Yang Berhormat yang kemudian tadi ia-itu Yang Berhormat Enche' Abdul Rahman, Yang Berhormat Wan Sulaiman, dan Yang Berhormat Enche' Mohd. Hanipah menerangkan kesulitan² tentang soal sharikat kerjasama tidak bagitu maju saperti apa yang di-kehendaki. Dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia, sa-banyak $16.5 juta ada di-untokkan bagi memajukan sharikat² kerjasama berupa wang pinjaman. Ini ada-lah satu angka yang boleh di-katakan besar juga bagi memajukan sharikat kerjasama dalam negeri kita ini. Walau pun Kerajaan ada memberikan wang bantuan yang lain mithal-nya kapada MARA, maka tujuan-nya ada-lah juga sama, ia-itu hendak memajukan terutama sa-kali pendudok² luar bandar. Kita jangan kira sama ada wang itu melalui sharikat, atau melalui MARA atau badan² yang lain asalkan memberi faedah kapada ra'ayat jelata sekalian-nya dan bagi pehak sharikat kerjasama juga boleh meminjam wang daripada MARA dan telah pun banyak di-luluskan bagi menjalankan ranchangan² kemajuan, jika di-benarkan oleh pentadbiran sharikat kerjasama.

Ahli² Yang Berhormat sekalian, saya telah melihat kemajuan sharikat kerjasama di-negeri² asing terutama di-Negeri² Scandinavia memang-lah sangat kita kagumkan di-atas kemajuan mereka ini, tetapi sa-telah saya siasat di-dapati mereka itu telah menjalankan sharikat kerjasama di-negeri masing² lebeh daripada 50 tahun lama-nya. Walau pun sharikat kerjasama telah berjalan lama di-negara kita, tetapi pada masa penjajahan British dahulu sharikat kerjasama ini boleh-lah merupakan satu perkara yang tidak di-pedulikan langsong, chuma dengan tujuan hendak melepaskan batok di-tangga sahaja. Hanya sa-telah kita menchapai kemerdekaan baharu-lah Kerajaan bersunggoh² dalam usaha hendak memajukan sharikat kerjasama. Tentu-lah dalam tempoh 11 tahun kemerdekaan kita ta'kan dapat kita mengejar kemajuan berpuloh dan beratus tahun yang telah di-jalankan oleh negeri² asing itu. Perkara yang susah sa-kali saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Enche' Mohd. Hanipah tadi ia-lah tentang kemahuan ra'ayat hendak mengambil bahagian di-dalam sharikat kerjasama ini.

Soal yang penting di-dalam perkara sharikat kerjasama bukan-lah bantuan Kerajaan, tetapi ia-lah kemahuan daripada ra'ayat itu sendiri. Bantuan Kerajaan boleh di-katakan menjadi soal yang kedua. Kerajaan tidak boleh memaksa orang ramai menubohkan sharikat, atau pun menjadi ahli sharikat. Kerajaan chuma memimpin, jika ra'ayat tidak mahu, tidak ada siapa yang boleh paksa. Apabila ra'ayat sendiri berkehendakkan dengan kemahuan-nya sendiri hendak menubohkan sharikat dan mereka faham tujuan yang sa-benar² berkenaan dengan sharikat, mereka masok menjadi ahli bukan kerana berkehendakkan pinjaman, tetapi dengan satu tujuan yang lebeh besar, ia-itu hendak menyelamatkan diri mereka daripada chengkaman orang tengah dan dengan ada-nya bantuan Kerajaan baharu-lah sharikat kerjasama mendatangkan faedah yang besar kapada

ra'ayat negeri ini dan di-harapkan dengan ada-nya penubohan Maktab yang berdiri di-atas kaki sendiri ini akan mengeluarkan pemimpin² sharikat kerjasama yang lebeh dainamik pada masa yang akan datang, dan saya perchaya kita akan dapat mengejar kemajuan sharikat kerjasama ini di-negeri² yang saya sebutkan tadi. Sokongan yang di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat saya uchapkan ber-banyak terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 14* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## PENANGGOHAN

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan, bahawa meshuarat ini di-tanggohkan sekarang.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCHAPAN² PENANGGOHAN

### (1) CONGESTION AT PORT SWETTENHAM

**Dato' Y. T. Lee:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, the news as reported in the *Press* in early August, "The big hold up: 12 ships in the queue", is rather disturbing. The report continued, "all because one vessel, the Eruebank, has taken the best part of 3 weeks to unload 10,000 tons of sugar.

Now, ships calling at Port Swetten-ham have their schedule and if they are delayed for one day it will cost them many thousands of dollars in running cost and in addition they stand to lose considerably in other respects.

The operation of a port will reflect the efficiency or otherwise of a Port's administration. Malaysia has spent and is spending hundreds of millions on Port Swettenham with a view to making it the premier port of the Federation and also to divert shipping from Singapore. Building more wharves is one thing but the efficient running of these wharves is another matter. It is of vital importance that ships should be able to load and unload their cargoes quickly. If they have to wait too long at Port Swettenham, ships may bypass it. Importers, merchants and shipping agents are affected by the delay and this in turn will cause the man in the street to pay more for the materials. By having to pay for high handling charges, manufacturers and merchants are not able to compete with other countries.

From a reliable source, I understand that ports like Hong Kong and Singa-pore have facilities to load or unload cargoes at the rate of three to four thousand tons in one day for one ship, compared to only a few hundred tons that can be done at Port Swettenham for the same period. However, that was the information I gathered from a reliable source, and I hope the dis-parity is actually not so great.

Mr President, Sir, pilfering at the wharves is another subject which the Port Authority should look into. It is of paramount importance again that the general public should have the confidence that goods delivered at the wharves are in good hands, and I bring forward some suggestions which were given to me by the Importers and Exporters Association and they are as follows:

(1) The port Authority should have more experienced tally clerks. Improved tallying will certainly reduce unnecessary loss of cargoes.

(2) Cargoes in transit should be methodically sorted out and stored. By this means delivery can be made promptly instead of having to wait for hours, sometimes days.

(3) For cargoes with gunny bags or paper packing, fork lifts should not be used.

(4) Should there by any damage to the packing during transit, agents of the consignors or consignees should be allowed to enter the wharf to repack them, and spoilt goods should be returned to the consignors or consignees concerned.

(5) Should there by any complaints on shortage of cargoes lodged by any consignor/consignee, whether the shortages be incurred on board the ship or at the wharf, the Port Authority should make prompt investigations and decide on the party responsible.

(6) Any dutiable goods found short of the quantity stated in the list should be certified by the Port Authority so that refund of duties paid to the Customs can be reclaimed.

(7) To simplify procedures of entry into or exit from the wharf by vehicles conveying the cargoes, a Gate Pass should be issued to each of these vehicles. This will expedite the delivery of goods to and from the transit shed, thus avoiding congestion at the go-downs (*Applause*).

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya di-minta oleh Menteri Pengangkutan untok memberi jawapan. Pelabohan Port Swettenham pada masa ini mempunyai kemudahan² yang menchukupi bagi memenohi keperluan perkapalan yang sederhana. Walau bagaimana pun ada masa²-nya kapal tiba bersama² serentak dengan banyak-nya dan oleh sebab itu sa-tengah kapal² itu terpaksa menunggu untok menurunkan barang² muatan-nya. Pada hari² yang lain pula Pelabohan ini tinggal kosong dan kemudahan² tidak di-gunakan langsong kerana tidak ada kapal masok dalam pelabohan itu. Ketibaan kapal² di-pelabohan tidak dapat di-tentukan dengan tepat-nya sa-hingga kira² 24 jam sa-belum kapal itu tiba. Ini ia-lah oleh kerana kapal² singgah di-pelabohan² lain dan sa-telah menurunkan atau memuatkan barang², kapal² itu mungkin meninggalkan pelabohan itu terdahulu, atau terlewat daripada masa yang di-tetapkan dan ini mempengarohi ketibaan mereka di-Pelabohan Port Swettenham.

Untok mengadakan kemudahan² bagi memenohi kehendak² masa² sebok dua tiga hari dalam sa-bulan tidak akan membuat pelabohan itu sa-buah pelabohan yang chekap dari segi ekonomi. Chadangan telah di-buat supaya lebeh banyak tongkang² di-gunakan di-pelabohan itu, tetapi ini akan di-anggap sa-bagai satu langkah kebelakang yang mundor oleh kerana ini tidak akan memenohi keperluan bagi mengendalikan kago² zaman sekarang yang makin bertambah yang memerlukan alat² yang khas di-pelabohan itu.

Bagi mengatasi masaalah ini jawapan-nya dengan mengadakan lebeh banyak dermaga² dan ini-lah sekarang yang sedang di-lakukan oleh Lembaga Pelabohan Swettenham. Lembaga itu sekarang ini sedang membena sa-mula 2 buah dermaga dalam dan Pelabohan Selatan dengan belanja 4 juta ringgit. Apabila dermaga² ini selesai di-bena kelak, maka akan terdapat kemudahan² bagi mengendalikan kago² chair dan juga kago² 'am di-samping kemudahan² yang di-adakan sekarang ini. Kerja pembenaan semula ini sedang di-jalankan dengan berperingkat² supaya tidak terganggu kerja memberikan kemudahan² kapada kapal² yang sekarang ini singgah di-pelabohan itu.

Sa-lain daripada kerja pembenaan itu Lembaga Pelabohan telah selesai menjalankan kajian permulaan bagi mem-

besarkan Pelabohan Utara. Tawaran² tender² akan di-panggil tidak lama lagi bagi membena dermaga² sa-panjang 2,800 kaki yang di-anggar memakan belanja kira² $68 juta. Ada-lah di-jangka bahawa kemudahan² yang baharu itu serta dengan chadangan hendak melanjutkan masa bekerja sekarang ini, kesesakan tidak akan ber-laku lagi di-Pelabohan Swettenham di-masa yang akan datang.

Lembaga Pelabohan menggunakan perkhidmatan Polis di-Raja Malaysia untok mengawal pelabohan itu. Pelabohan itu ada-lah satu kawasan keselamatan dan hanya orang² yang mempunyaï urusan² tulin di-benarkan keluar dan masok. Barang² yang di-kendalikan oleh pelabohan itu ada-lah di-chatitkan dengan teliti-nya dan tidak ada barang yang boleh di-bawa keluar dari kawasan itu, melainkan surat² yang betul² di-tunjokkan.

Kechurian dan kehilangan ada-lah perkataan² yang longgar ma'ana-nya. Ia-nya di-gunakan oleh pengimpot² dan pengguna² pelabohan yang lain apabila pemesan² tidak menerima jumlah kago yang di-kirimkan kapada mereka. Perbedzaan di-antara yang di-kirimkan kapada mereka dengan apa yang mereka terima mungkin di-sebabkan oleh salah satu daripada perkara² yang berikut:

Yang pertama, mungkin kago tidak chukup di-turunkan dari kapal ka-atas dermaga.

Yang kedua, ada-nya kesalahan ten-tang jumlah yang di-nyatakan dalam manifes atau manifes mungkin menun-jokkan jumlah yang lebeh tinggi dari-pada jumlah yang sa-benar-nya.

Yang ketiga, barang² itu terkurang isi di-pelabohan tempat barang² itu di-muatkan.

Yang keempat, barang² mungkin di-churi di-atas kapal lagi.

Yang kelima, mungkin juga ke-churian berlaku sa-masa barang² itu dalam jagaan Lembaga Pelabohan.

Kechurian dan kehilangan ada-lah bergantong kapada kawalan. Apabila kawalan ketat tuntutan² yang timbul dari kechurian dan kehilangan akan berkurangan. Dalam hubongan ini Lembaga Pelabohan telah mengambil tindakan² yang berikut untok mengu-rangkan kechurian dan kehilangan:

(*a*) Mengadakan kawalan yang ketat di-pintu² keluar. Pintu² ini di-jaga oleh Polis, Kastam dan Pegawai² Lembaga Pelabohan.

(*b*) Pintu² keluar di-hadkan kapada hanya sa-buah pelabohan di-utara dan sa-buah di-pelabohan selatan. Ini membolehkan peme-reksaan yang lebeh sempurna dan ketat di-jalankan di-pintu² keluar itu.

(*c*) Pemereksaan yang ketat di-laku-kan ka-atas kenderaan² yang membawa kago keluar melaluï pintu itu.

(*d*) Barang² lelong di-buka untok di-pereksa untok menentukan bahawa bungkusan² mengan-dongi barang² yang sa-benar-nya.

(*e*) Surveyed Cargo di-pereksa dengan membandingkan dengan survey note supaya barang² lain tidak di-seludupkan keluar dari bung-kusan² itu. Anggota² Polis meronda 24 jam sa-hari di-semua gudang² dan bangsal² sementara di-kedua² pelabohan itu. Kago² yang berharga dan yang boleh di-churi di-simpan dalam gu-dang² yang kukoh yang khas di-bena untok maksud itu dan surat² khas di-letakkan kapada barang² saperti itu. Dengan tin-dakan² yang di-sebutkan tadi ada-lah di-anggap bahawa ke-churian dan kehilangan apabila ia-nya berlaku ada-lah bersifat kechil dan tidak-lah lebeh mem-bimbangkan daripada apa yang berlaku di-pelabohan lain di-dunia ini.

Walau pun Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkan banyak perkara yang saya jawab, tetapi untok tidak mengkechilkan hati Tan Sri Haji Sardon, saya bachakan semua sa-kali uchapan yang di-tulis meminta saya bachakan.

## BANTUAN KERAJAAN PUSAT KAPADA SARAWAK

**Temenggong Oyong Lawai Jau:** Dato' Yang di-Pertua, ini hari fasal Undang2 kita ini bersidang ini hari dalam Dewan ini saya menyokong. Yang saya mahu chakap sadikit dalam Dewan ini fasal orang ra'ayat dalam negeri Sarawak. Saya minta ampun, minta tolong dengan Kerajaan Pusat ini hari berfikir, berunding fasal hal orang ra'ayat dalam negeri Sarawak yang luar bandar, bukan saya complaint yang dalam bandar besar, tidak.

Jadi, saya ingat dahulu dalam negeri Sarawak, dalam Raja Sarawak dahulu dia ator orang ra'ayat dalam negeri Sarawak, orang2 asal dalam negeri Sarawak sa-tiap2 tempat, sa-tiap2 sungai yang jauh, dia ator orang semua apa bangsa dalam negeri Sarawak, dia ator betul2, tidak mahu orang pechah, tidak mahu orang lari, tidak mahu orang tinggal dia punya tanah ayer, dia punya negeri, dia punya tempat sendiri dari turun-menurun dari datok nenek yang saya ingat. Jadi, sunggoh pun dia ator bagitu, tetapi apa boleh buat, saya fikir barangkali dia ada kurang wang, kurang belanja dalam dia pegang negeri Sarawak dahulu tidak dapat kasi maju, tidak dapat kasi apa2, kemajuan orang2 yang luar bandar, sekolah pun tidak ada—betul sekarang tidak ada sekolah. Jadi, saya fikir dia punya ator itu memang ada ingat saya akan datang kemudian sekarang. Sudah Raja Sarawak itu memegang, jadi tidak usah saya sebut dalam Jepun; itu Inggeris ada pegang, baharu-lah ada buka sekolah dalam negeri Sarawak. Jadi, permintaan saya sudah di-peram, dia pun ikut juga dia kasi buka sekolah sa-tiap2 sungai, sa-tiap2 tempat luar bandar, sampai ka-hulu. Keluar lagi dia ada juga ator fasal kebun getah, belum ada yang lain—kebun getah yang dahulu, dia ator, beritahu siapa mahu tanam getah, boleh tanam. Jadi, dia ator pun ikut itu maksud Raja Sarawak juga, ikut tempat orang yang asal dalam negeri Sarawak juga sampai ka-hulu sungai. Chuma itu Kelabet di-Barel sahaja tidak boleh, sebab itu sejok, tidak dapat hidup getah. Semua orang yang lain2 dalam negeri Sarawak, orang asal dalam negeri Sarawak yang mahu menerima ator perentah British, semua orang tanam, yang tidak tanam, barangkali orang Penan dalam hutan, ada juga orang negeri yang belum ada mengerti. Jadi sudah itu sekarang, kita ini sudah jadikan Malaysia, sudah bersama dalam negeri Sarawak dalam negeri2 Malaya, Sabah. Jadi, sekarang lebeh2 rasa dia kemajuan lebeh2 rasa pertolongan dengan orang ra'ayat dengan orang bumiputera jangan-lah lagi bandar besar, bandar besar itu terang nampak lebeh hebat, 90% daripada dahulu. Ini yang luar bandar, saya tengok chukup juga tolong perentah Malaysia sekarang dalam Sarawak yang saya tahu, fasal sekolah lagi lebeh2 bertambah tiap2 kampong, orang minta tiap2 kampong, dia beri, tiap2 orang minta kebun, dia beri.

Lagi perentah agriculture apa dia ada jalan, dia ada round, apa mahu tanam, kebun semua apa, semua dia beri ajar, sa-tiap2 kampong sampai Ulu Baram, sampai Daerah Kelabet. Jadi rupa dia, ini sekolah baharu-lah belum sampai lebeh 10 tahun yang jadi dia, ini sekolah dalam negeri Sarawak orang asal, orang hulu, tetapi saya ada susah hati tengok orang yang jauh2 luar bandar dalam negeri Sarawak ada saya susah hati sadikit, tengok rupa atoran yang dahulu ada berubah, apa yang berubah atoran yang dahulu, ini perentah sudah chukup kaseh, chukup tolong, sampai ka-hulu, sampai tiap2 kampong yang luar bandar, apa2 permintaan dia beri, bukan beri apa, dia beri ajar, saperti apa2 tanaman, apa2 dia kasi tahu. Tetapi, rupa orang yang rajin, ada orang yang tanam getah tiap2 tumboh. Dalam satu kampong rumah panjang, habis tiap2 pokok tumboh, tanam getah, sunggoh pun dia tidak banyak, satu dua ekar kalau tiap2 pokok tumboh buboh dalam semua satu sungai berapa puloh ribu ekar, sebab itu tanah panjang, sungai panjang. Jadi rupa sekarang orang ada sudah pandai sekolah sadikit; itu perkara yang

tolongan perentah sudah sa-tengah jadi, orang yang mengikut, orang² yang kuat hati mengikut yang chakapan perentah, ada yang tidak buat apa yang belum. Tetapi, rupa² dia sekarang kebanyakan orang yang luar bandar ada mengubah perkara itu. Apa yang sebab dia mengubah sebab dia mahu chari salah faham, dia mahu lekas chari wang, lekas chari kerja. Jadi dia runding sekarang, dia tidak ingat pertolongan perentah apa² mengikut tempat, mengikut kampong-nya, rumah panjang, ikut sungai mana² dalam dia punya negeri sendiri, dalam dia punya tempat sendiri, tanah ayer dia sendiri. Jadi, satu fikiran dia salah mahu chari kerja yang lekas makan, sebab sekarang dalam negeri Sarawak banyak-lah yang company² buka kayu yang dekat² tepi, yang dekat² kuala, hujong² dia memegang pekerjaan pertolongan perentah, dia memegang emak bapa dia di-rumah sampai bertahun², dua tiga tahun. Kadang² ada orang yang erti terus berangkat mahu pindah, dia mahu pindah, dia bilang mahu chari dekat mahu chari wang, dekat mahu chari makan, dekat mahu chari senang, jadi dia tidak ingat dia punya negeri, dia punya tempat yang tanah besar, yang kebun pertolongan perentah apa yang ada perentah dengan dia. dia tidak peduli. Sekolah simen apa pun dia mahu tinggal. Itu yang saya paling susah tengok dalam Sarawak orang yang luar bandar. Orang yang dalam bandar besar memang-lah lebeh² nampak maju dalam negeri Sarawak.

Saya fikir, saya minta ampun dengan Kerajaan Pusat, tambah tolong, tambah runding dengan Menteri² yang memegang dalam negeri Sarawak chari ra'ayat itu, takut itu tanah dalam negeri Sarawak, takut kebun apa dalam negeri Sarawak, perchuma sahaja jadi hutan, jadi habis. Kalau di-kumpul satu tempat yang kechil memang dia sengsara, dia tidak dapat apa² dan bikin rugi. Lagi kalau perentah ada biar itu perkara semua orang rumah panjang yang luar bandar dalam negeri Sarawak hanchor ini hari, tidak ada nama sadikit dalam negeri Sarawak. Itu yang saya kuat minta, Kerajaan runding, fikir apa yang patut di-buka, saya minta satu berian orang yang luar bandar, orang yang ulu, kasi tutop, dia dapat wang, dapat hasil, jaga dia punya rumah panjang, jaga dia punya kebun, jaga dia punya tempat sendiri supaya dia boleh tegap, supaya dia boleh jadi ada nama sampai sa-lama² dalam Malaysia.

Saya harap ini Malaysia bikin sama, jangan kasi angkat yang sudah nampak, kasi angkat yang belum nampak. Itu yang saya suka Kalau kasi nampak yang sudah ada, nampak yang sudah ada nama, bandar besar ini yang luar bandar tidak ada pertolongan perentah, kasi ra'ayat yang fikir, dia jadi tahan, jadi hidup, tunggu pertolongan, tunggu tempat sendiri, tunggu rumah panjang sendiri, tunggu nama bangsa dia sendiri, hidup sa-lama² sampai ini hari. Saya fikir tidak guna jadi ini Malaysia. Saya harap Malaysia ini boleh tegap tolong semua bangsa dalam pegang Malaysia. Mana yang tenggelam kasi timbul, mana yang sudah timbul tahan dahulu (*Ketawa*). Yang tenggelam kasi timbul, yang pendek kasi panjang sadikit. Itu saya suka dalam Malaysia yang harap ini lima enam tahun betul ada nampak baik, nampak senang orang dalam pegang Malaysia. Saya harap perentah berunding fasal itu jangan biar sahaja sa-rupa raja Sarawak dahulu apa boleh buat. Bukan dia salah, dia betul ator. dia tunggu itu barang, jadi. Itu jam dia pegang belum dia dapat bikin jadi, dia sendiri bilang dia miskin.

Ini dalam Malaysia saya puji dalam Malaysia memang kaya, memang dapat tolong ra'ayat semua dalam Malaysia. Kasi angkat sama², berdiri nama semua dalam Malaysia baik, selamat, ada damai, banyak hormat dalam dunia ini hari. Terima kaseh (*Tepok*).

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Temenggong Oyong kerana memberi uchapan yang penoh bersemangat dengan mengatakan bahawa semenjak Sarawak masok Malaysia, Sarawak telah berubah kapada kemajuan yang lebeh besar.

Dalam pengembaraan saya di-negeri Sarawak itu di-merata² tempat, saya dengar uchapan orang ramai berterima kaseh kapada Kerajaan Pusat kerana memberi bantuan yang banyak bagi kemajuan negeri Sarawak. Sarawak baharu sahaja masok Malaysia kira² empat lima tahun, tentu-lah tidak boleh menchapai kemajuan yang sangat besar saperti yang berlaku di-Malaysia Barat. Tetapi tujuan Kerajaan Perikatan hendak memajukan negeri² Sabah dan Sarawak supaya dapat sama kemajuan dengan Malaysia Barat dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Saya ada pernah juga pergi ka-Sarawak, kawan² saya lain pun banyak yang telah pergi, ada banyak orang suka pergi Sarawak, sa-tengah-nya dapat peluang tidor di-rumah panjang dan saya sendiri malang belum lagi dapat peluang saperti itu, tetapi saya akan pergi lagi ka-Sarawak bulan hadapan untok berunding dengan Kerajaan Negeri bagi menchari jalan bagaimana ranchangan² kemajuan dalam soal pertanian dan ternakan boleh di-jalankan lebeh besar lagi.

Dalam peruntokan Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama ini, negeri Sarawak boleh di-katakan mendapat peruntokan yang sangat besar lebeh daripada hasil yang di-keluarkan daripada negeri Sarawak itu sendiri. Ini-lah satu tanda menunjokkan Kerajaan Pusat sangat jujor hendak menjadikan Sarawak sa-buah negeri yang maju sa-rupa dengan Negeri² yang ada dalam Malaysia Barat. Tetapi hendak-lah wakil ra'ayat mengetahui sa-bahagian daripada kuasa saperti kuasa pelajaran ada-lah di-dalam tangan Kerajaan Negeri. Bagitu juga dalam soal pembukaan tanah. Nampak-nya Kerajaan Negeri Sarawak suka hendak membuka ranchangan tanah-nya sendiri, walau pun Kerajaan Pusat ada menyiapkan ranchangan tanah F.L.D.A., Ranchangan Tanah Kemajuan Federal, tetapi Kerajaan Sarawak suka hendak membuka ranchangan tanah-nya sendiri dan satu perkara yang sangat susah di-Sarawak ia-lah sa-bahagian besar ra'ayat di-Sarawak itu tidak suka hendak di-pindahkan dudok dalam ranchangan² tanah yang baharu. Ada juga ranchangan² tanah di-jalankan tetapi mereka lebeh suka menjalankan kerja yang lama ia-iu makan gaji, mengeluarkan kayu² balak, kerana ini mendapat faedah yang chepat, sebab kalau bertani terpaksa menunggu 7 tahun baharu getah mengeluarkan hasil. Jadi pandangan yang baharu mesti-lah di-timbulkan di-kalangan ra'ayat dengan ada-nya susunan kemajuan chara baharu, baharu-lah kita boleh nampak kemajuan yang akan datang. Negeri Sarawak tetap akan menjadi negeri yang maju, kerana negeri itu banyak mengeluarkan hasil kayu balak dan ada juga di-dapati sadikit minyak dan negeri itu sangat luas dan tanah-nya kosong boleh di-tanam padi yang chukup atau pun boleh di-jual keluar negeri, binatang ternakan pun boleh di-majukan.

Pada hari ini harga daging di-Sarawak sangat tinggi ia-itu $3.60 pada satu kati, sedangkan di-Malaysia Barat hanya $2.20 sahaja. Apa-kah sebab tidak boleh di-turunkan harga daging yang bagitu tinggi sedangkan negeri Sarawak terlampau luas tanah² yang boleh di-majukan ranchangan ternakan. Semua-nya ini ada dalam timbangan Kerajaan, tetapi dalam tempoh yang singkat tentu-lah semua ranchangan tidak boleh di-jayakan dan saya di-tugaskan sekarang ini menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Kemajuan Area Development dan saya akan selalu berkunjong ka-Sarawak untok berunding dengan Kerajaan Negeri bagaimana ranchangan² kemajuan boleh di-buat lebeh chepat di-negeri Sarawak itu.

Saya perhatikan ra'ayat negeri Sarawak ada-lah ra'ayat yang rajin dan kuat bekerja dan suka menerima perubahan yang chepat, maka tidak ada sebab Sarawak boleh tertinggal ka-belakang sa-lama²-nya dan saya perchaya dalam tempoh yang tidak jauh ka-hadapan, ra'ayat Sarawak boleh menchapai kemajuan saperti kita di-Malaysia Barat ini.

**Temenggong Oyong Lawai Jau:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi tahu kapada Menteri Yang Berhormat di-dalam negeri Sarawak di-hulu², saya rasa chukup-lah rasanya saya memberi nasihat kapada orang² itu, ia-itu orang² yang belum chukup kuat hati-nya untok menjaga negeri-nya sendiri mengikut maksud perentah. Tetapi apa yang saya kalah sa-telah mereka berkata, mereka tidak dapat jalan melalui sungai, sungai jahat, batu jahat, jalan raya tidak ada, pekerjaan tidak ada dekat situ, dia mahu ajak bekerja di-tepi laut—di-tempat kompeni yang buka perusahaan kayu, dan minyak, sampai dua tiga empat tahun sa-hingga tidak tahu emak bapa dia mati, rumah dia roboh; itu-lah yang saya paling susahkan. Kalau pemerentah membiarkan hal itu tidak dapat mencharikan satu tempat yang dapat mereka itu bekerja, memang habis-lah. Dia bilang sungai jahat, dia bilang jalan raya tidak ada, itu-lah perkara yang saya hendak chakapkan kapada Kerajaan supaya di-timbangkan perkara itu. Saya minta ampun.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli² Yang Berhormat, persidangan ini di-tanggohkan *sine die.*

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.05 petang.*

## JAWAPAN² BERTULIS

### KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

#### Rumah² bagi Pegawai² Kerajaan

1. **Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah Kerajaan akan mendirikan rumah² empat lima tingkat di-Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau khas untok pegawai² Kerajaan yang berkhidmat di-Sabah.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh):** Kementerian ini tidak bertanggong-jawab terhadap menyediakan rumah² bagi pegawai² Kerajaan di-Malaysia (termasok-lah juga Sabah). Walau bagaimana pun, Kementerian ini telah meluluskan dua (2) buah ranchangan rumah-murah di-Sabah—satu di-Berhala Darat, Sandakan dan satu lagi di-Tanjong Aru, Kota Kinabalu. Projek di-Berhala Darat telah pun siap dan chuma pembagian-milek sahaja yang belum di-lakukan. Berkenaan dengan ranchangan di-Tanjong Aru pula, Kerajaan Negeri telah memberitahu Kementerian ini bahawa Surohanjaya Perumahan Sabah akan mengusahakan ranchangan ini dan Surohanjaya tersebut akan bertanggong-jawab bagi semua projek² perumahan 'awam di-Sabah. Ahli Yang Berhormat itu mungkin ingin berhubong dengan Surohanjaya Perumahan Sabah jika beliau mempunyai sa-barang shor mengenai perumahan di-Negeri itu.

This Ministry is not responsible for providing housing for Government officers in Malaysia (which includes Sabah as well). However, this Ministry has approved two (2) low cost housing schemes in Sabah—one in Berhala Darat, Sandakan and another in Tanjong Aru, Kota Kinabalu The Berhala Darat project has been completed and awaits allocation. As for the Tanjong Aru scheme, the State Government has informed this Ministry that the Sabah Housing Commission will undertake this scheme and this Commission will assume responsibility for all public housing projects in Sabah. The Hon'ble Member may wish to communicate with the Sabah Housing Commission if he has any housing proposal in the State.

### KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

#### Jalanraya Tenom/Keningau

2. **Datu J. A. Angian Andulag** bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (*a*) berapa-kah peruntokan yang di-sediakan untok membuboh tar ka-atas jalan raya dari Tenom ka-Keningau bagi tahun 1968; (*b*) berapa-kah lama-nya sejak kerja itu di-mulakan; (*c*) berapa-kah bilangan buroh yang bekerja; (*d*) berapa-kah panjang

jalan raya itu sudah di-kerjakan; dan (*e*) berapa-kah banyak wang yang sudah di-belanjakan.

**The Minister of Works, Post and Telecommunications (Tun V. T. Sambanthan):**

(*a*) A sum of $100,000 has been provided for 1968;

(*b*) The work started in August 1966;

(*c*) 49 labourers;

(*d*) 1¼ miles;

(*e*) The total sum expended as at the end of July 1968 was $254,594.

(*a*) Wang sa-banyak $100,000 telah di-peruntokkan bagi tahun 1968;

(*b*) Kerja itu telah di-mulakan dalam bulan Ogos 1966;

(*c*) 49 orang buroh;

(*d*) 1¼ batu;

(*e*) Jumlah wang yang telah di-belanjakan hingga pada akhir bulan Julai 1968 ia-lah $254,594.

#### Jalanraya ka-Tambunan

**3. Datu J. A. Angian Andulag** bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, oleh kerana jalan raya ka-Tambunan dari batu 57 hingga batu 66 telah di-lebarkan, ada-kah Kerajaan akan menimbang melebarkan pula jalan raya dari batu 51 hingga batu 56 kerana ia sangat sempit dan bengkok.

**Tun V. T. Sambanthan:** Funds will be sought to resume work and the remaining gap of Keningau-Tambunan road. It is hoped that the work will be completed by 1970, if funds are made available.

Wang perbelanjaan bagi menjalankan sa-mula baki kerja yang belum di-sempurnakan di-jalan Keningau-Tambunan akan di-minta. Kerja ini di-harap dapat di-sempurnakan sa-belum tahun 1970 jika dapat wang.

### KEMENTERIAN KESIHATAN

#### Pakar Mata bagi Sarawak

**4. Tuan William Tan** asks the Minister of Health to state how many Ophthalmic Specialists the Government proposes to engage for Sarawak with a population of nearly a million people.

**The Minister of Health (Dr Ng Kam Poh):** There is an establishment of only one eye specialist for Sarawak now. In the Hospitals at Sibu and Miri, it is proposed that general duty medical officers with experience in eye wards will cover general eye cases.

Pada masa ini, chuma ada satu jawatan sahaja untok pakar mata bagi Sarawak. Ada-lah di-chadangkan, Pegāwai Perubatan tugasan 'am yang berpengalaman dengan pekerjaan di-Wad Mata akan merawat penyakit² mata 'am, di-Rumah Sakit Sibu dan Miri.

#### Rumah Sakit Umum, Kuching

**5. Tuan William Tan** asks the Minister of Health to state whether there is any truth that the Eye Ward in the new General Hospital (now under constrution) has only 18 beds whereas the existing one has 25 beds which are inadequate even now; if it is true, to give reasons.

**Dr Ng Kam Poh:** The ophthalmic ward in the new hospital, though planned for 18 beds has more spacious floor area. Where necessary therefore it is possible to accommodate up to 22 patients. Should this still be inadequate, there will be available bed space in the other wards.

The pressure on ophthalmic beds in Kuching Hospital should ease when beds for eye patients are made available in Sibu and Miri Hospitals about 1970.

Walau pun Wad Mata di-Rumah Sakit Umum yang baharu itu akan mengandongi 18 buah katil, namun kawasan lantai-nya lebeh luas. Dengan ini, jika perlu, wad ini akan dapat di-dudoki oleh seramai 22 pesakit². Se-kira-nya ini juga tidak menchukopi, wad² lain akan dapat menempat pesakit² lagi.

Tekanan di-Wad Mata di-Rumah Sakit Kuching akan di-kurangkan apabila katil² untok pesakit² mata akan di-perolehi di-Rumah² Sakit Miri dan Sibu pada tahun 1970.

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### Guru² Ugama

**6. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pelajaran, dapat-kah guru² ugama di-hantar mengajar di-Sekolah² di-Sabah sebagai yang di-lakukan di-Malaysia Barat.

**Menteri Pelajaran (Tuan Mohd. Khir Johari):** Pengambilan guru² untok bekerja ada-lah di-buat oleh Kerajaan Negeri Sabah. Oleh yang demikian soal mengadakan Guru² Ugama untok mengajar di-Sabah terletak di-bawah tanggong-jawab Kerajaan Negeri itu.

Recruitment of teachers is done by the Sabah State Government. As such, the question of employing Religious Teachers to teach in Sabah is therefore under the responsibility of the State Government concerned.

### Sekolah Menengah Melayu

**7. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pelajaran bila-kah Sekolah Menengah Melayu dapat di-adakan di-Malaysia Timor, kerana pendudok² Sabah maseh menunggukan-nya.

**Tuan Mohd. Khir Johari:** Saperti yang telah saya nyatakan di-dalam sidang² yang lepas, tidak ada peruntokan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama untok mendirikan Sekolah² Menengah yang menggunakan Bahasa Pengantar Melayu oleh kerana peruntokan kewangan tidak menchukupi bagi Ranchangan Pembangunan Sekolah Menengah yang biasa. Akan tetapi, apabila kedudokan kewangan membenarkan, Kerajaan Pusat akan menimbangkan pembenaan Sekolah² Menengah yang menggunakan Bahasa Pengantar Melayu di-Sabah. Dalam pada itu, saperti Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, peratoran² ada-lah di-buat tiap² tahun bagi memileh penuntut² dari Sabah untok belajar di-dalam Sekolah² Menengah Kebangsaan di-Malaysia Barat.

As I have stated in previous meetings, there is no provision in the First Malaysia Plan for establishing Malay-medium Secondary Schools because financial provision is not adequate for the ordinary Secondary School Development Programme. However, when financial circumstances permit, the Central Government will consider building Malay-medium Secondary Schools in Sabah. In the meantime, however, as the Honourable Member is aware, arrangements have been made every year for the selection of students from Sabah to study in National Secondary Schools in West Malaysia.

### Ranchangan Pertukaran Guru² Besar

**8. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pelajaran boleh-kah pertukaran Guru² Besar dari Malaysia Timor, ka-Malaysia Barat dan sebaleknya, di-laksanakan, sebagai yang di-lakukan bagi Pegawai² Daerah, tempoh pertukaran itu sa-lama satu atau dua tahun.

**Tuan Mohd. Khir Johari:** Belum ada di-terima sebarang permintaan dari Kerajaan Negeri Sabah bagi mengadakan satu Ranchangan Pertukaran Guru² Besar dari Malaysia Timor ka-Malaysia Barat dan sebalek-nya. Jika permintaan saperti itu di-terima, Kementerian saya akan mengkaji kemungkinan pertukaran itu.

No request has been received from the Sabah State Government to introduce an Exchange Programme of Headmasters between East Malaysia and West Malaysia and vice versa. If such a request is received, the Ministry will consider the possibility of such an exchange.

## JABATAN PERDANA MENTERI

### Pegawai² Dagang

**9. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Perdana Menteri berapa lama lagi Kerajaan berchadang hendak menggunakan khidmat pegawai dagang dalam Perkhidmatan Kerajaan terutama sekali di-Sabah.

**Perdana Menteri:** Perkhidmatan pegawai² dagang di-dalam Perkhidmatan Kerajaan terutama sekali di-

Sabah akan di-pakai selagi perkhidmatan mereka itu maseh di-kehendaki atau sa-hingga tempat² yang akan di-kosongkan oleh mereka itu dapat di-penohi oleh pegawai² tempatan. Pegawai² dagang telah pun beransor² di-gantikan dengan pegawai² tempatan. Tetapi perkara ini tidak-lah dapat di-jalankan dengan chepat kerana mengikut dasar pengisian jawatan di-Negeri² Borneo oleh anak² Borneo sechara berperengkat (progressive Borneonisation) sebagaimana yang di-sebutkan dalam Laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan (I.G.C. Report), pegawai² dagang yang sedang berkhidmat di-situ telah di-beri tempoh yang tertentu mengikut jawatan yang di-pegang-nya untok berkhidmat di-Sabah sebelum mereka itu dapat di-berhentikan.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

### Biasiswa MARA

**10. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah MARA akan memberi biasiswa kapada orang² Sabah yang kurang sadikit kelulusan-nya, untok melanjutkan pelajaran mereka.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain):** MARA memberi biasiswa mengikut kelulusan dan sharat² yang telah di-tetapkan oleh kolej² atau universiti².

### Bantuan MARA

**11. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah MARA akan menolong ra'ayat Malaysia yang tidak berharta benda untok di-sandarkan sa-bagai chagaran tetapi mempunyaï pengetahuan dan pengalaman yang chukup supaya dapat memulakan perniagaan.

**Tun Haji Abdul Razak:** MARA sa-bagai satu badan kemajuan untok memberi bantuan kapada ranchangan² perniagaan dan perusahaan yang mempunyaï harapan untok di-majukan, asas² memberi pinjaman bukan-lah sa-mata² bergantong kapada chagaran. Apa yang di-utamakan ia-lah sama ada ranchangan yang hendak di-majukan dengan wang pinjaman itu baik dari segala segi dan di-jangka boleh mendapat keuntongan. Dalam pada itu chagaran dalam sa-suatu bentok ada-lah diperlukan untok menjaga keselamatan wang yang di-pinjamkan itu.

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### Kapal Terbang untok Penumpang²

**12. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pengangkutan boleh-kah dia menimbang mengatorkan supaya kapal terbang Cessna dapat membawa penumpang² dari Kota Kinabalu pergi balek ka-tempat² pendalaman saperti Keningau.

**The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** There are already adequate rural services operated for M.S.A. in both Sabah and Sarawak for which the Central Government continues to pay substantial subsidies. For the information of the Hon'ble Member there are five services a week between Kota Kinabalu and Keningau operated with a Piper Aztec aircraft. This is a similar class of aircraft as the Cessna 310.

Perkhidmatan² udara yang di-selenggarakan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura sudah chukop dikawasan² luar bandar di-Sabah dan Sarawak dan Kerajaan Pusat terus memberi bantuan wang bagi perkhidmatan ini. Untok maklumat Ahli Yang Berhormat, Kapal Terbang Aztec membuat lima penerbangan sa-minggu antara Kota Kinabalu dengan Keningau. Kapal terbang ini sama jenis-nya dengan Kapal Terbang Cessna 310.

### Pemandu² Kapal Terbang

**13. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pengangkutan boleh-kah dia mengendorkan kelayakan² masok menjadi pemandu² kapal terbang bagi chalun² dari Sabah, supaya ramai anak² Sabah berpeluang menjadi pemandu kapal terbang.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Qualifications for pilots vary from company to company. M.S.A. requires applicants to possess Higher School Certificate whilst a number of smaller companies do not. These qualifications are established by the individual companies according to their own requirements. For students to be eligible for flying training scholarship offered by the Ministry of Transport, however, the School Certificate is required as the minimum qualification. This is to ensure that the scholar has the basic qualification for employment after he has successfully completed his commercial pilots licence.

Kelayakan yang di-kehendaki bagi juru² terbang ada-lah berlainan antara sa-buah sharikat dengan sa-buah sharikat yang lain. Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura berkehendakkan pemohon² yang berkelulusan Sijil Persekolahan Tinggi walhal sharikat² kechil yang lain tidak begitu. Kelayakan² ini di-tentukan mengikut kehendak Sharikat² penerbangan itu sendiri. Walau bagaimana pun, penuntut² yang ingin memohon biasiswa Kementerian Pengangkutan untok mendapat latehan penerbangan, harus mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan sa-kurang²-nya sa-bagai menentukan bahawa pemohon itu mempunyai kelulusan asas untok mendapat kerja sa-lepas mendapat lesen juru terbang perniagaannya.

**Lapangan Terbang**

**14. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pengangkutan bila-kah sa-buah lapangan terbang akan di-buka di-Manusu memandangkan bahawa perkara ini sedang di-rundingkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** My Ministry has not received any official request for the construction of an airstrip at Manusu. In view of the interest of the Honourable Member, I shall instruct my officials to consider the feasibility of this suggestion bearing in mind the population and traffic potential from Manusu.

Kementerian saya belum menerima apa² permohonan rasmi bagi pembenaan sa-buah lapangan terbang di-Manusu. Memandang kapada perhatian dari Ahli Yang Berhormat itu, saya akan mengarahkan pegawai² saya supaya menimbang shor tersebut dengan memikirkan kemungkinan bilangan pendudok² dan lalu lintas yang datang dari Manusu.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

**Barang² Negeri China**

**15. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar bahawa banyak barang² di-impot dari negeri China ka-negeri ini, terutama ka-Sabah.

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun):** Saya sedar bahawa banyak barang² dari negeri China di-impot ka-Malaysia termasok jua Sabah. Keadaan sa-umpama ini memang-lah di-jangka oleh kerana negeri China ada-lah salah sa-buah negeri yang penting dalam hubongan perdagangan dengan Malaysia dan pembekal besar barang² keperluan untok negeri ini.

I am fully aware that Malaysia including Sabah is importing a substantial amount of goods from China. This is to be expected as China is one of Malaysia's important trading partners and is a large supplier of consumer goods to this country.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Pengkalan Tentera Laut**

**16. Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Pertahanan ada-kah Kerajaan akan menubohkan sa-buah Pengkalan Tentera Laut di-Raja di-Sabah kerana ini mustahak untok mempertahankan negara dan kerana tempat² yang sesuai bagi-nya kedapatan di-Pulau Banggi, Tawau dan Pulau Gaya.

**Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain):** Kerajaan tidak ada ranchangan untok menuboh-

kan sa-buah Pengkalan Tentera Laut di-Raja di-Sabah. Tentera Laut Malaysia ada mempunyaï dua pengkalan yang sesuai untok di-gunakan oleh kapal² yang menjalankan gerakan² di-pantai² sekeliling negeri Sabah. Selain daripada itu di-negeri itu juga ada pengkalan² yang lain kepunyaan pehak 'Awam dan Polis yang boleh di-gunakan oleh pehak Tentera Laut kita jika di-kehendaki. Kerajaan berpendapat bahawa pengkalan² dan kemudahan² laut yang ada di-Sabah sekarang ada-lah menchukopi dan dari itu soal bagi menubohkan suatu Pengkalan baharu tidak-lah timbul.

## KEMENTERIAN KEWANGAN

### Chukai Getah Cess

17. **Tuan William Tan** asks the Minister of Finance whether he would consider lifting temporarily the Rubber Cess of 2/66 now levied on export of rubber until such time when the price of rubber has gone up to an economic level for small producers in Sarawak.

**The Minister of Finance (Tun Tan Siew Sin):** As the Honourable Member is aware, the Rubber Cess levied on export of rubber in Sarawak was levied under the Sarawak Rubber Ordinance, 1958. The collection of cess and the management of the Sarawak Rubber Fund are both in the hands of the Sarawak State Government. Any consideration of changing the cess, therefore, should be by the Sarawak State Government in the first place.

### Peruntokan Wang kerana Pembangunan di-Sabah

18. **Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah tindakan akan di-ambil untok menchepatkan bayaran wang yang di-untokkan bagi tujuan² pembangunan di-Sabah kerana kerja² tidak dapat di-laksanakan jika wang tidak di-bayar. Umpama-nya kerja yang patut di-mulakan dalam bulan Januari tidak dapat di-laksanakan kerana wang di-terima hanya pada bulan Jun, dan dengan ini kerja² tidak dapat di-sempurnakan walau pun hingga akhir tahun.

**Tun Tan Siew Sin:** Sepanjang yang saya ketahuï tidak ada kelambatan mengeluarkan wang untok perbelanjaan pembangunan pada tiap² tahun, kechuali jika projek yang hendak di-laksanakan itu bergantong kapada wang luar negeri. Jika wang itu datang dari luar negeri maka terpaksa-lah kita menunggu keputusan berkenaan wang itu sa-belum projek itu dapat di-laksanakan.

### Bank Bumiputera

19. **Datu Haji Pengiran Mohd. Digadong Galpam** bertanya kapada Menteri Kewangan bila-kah Bank Bumiputera akan di-tubohkan di-Malaysia Timor dan apa-kah keistimewaan² yang akan di-beri kapada bumiputera² yang menggunakan bank itu.

**Tun Tan Siew Sin:** Bank Bumiputera Malaysia Berhad akan menubohkan satu chawangan di-Kota Kinabalu sa-belum akhir tahun ini, mungkin dalam bulan September atau Oktober.

Bank ini di-uruskan sa-bagai bank perniagaan biasa yang lain. Ia mengada-kan semua kemudahan² dan perkhidmatan² bank perniagaan biasa untok bumiputera dan juga bukan bumiputera. Oleh kerana Bank ini di-uruskan oleh bumiputera sendiri, permohonan² untok meminjam oleh bumiputera ada-lah di-beri keutamaan daripada permohonan dari bukan bumiputera.

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

### Pokok² Illipenut

20. **Tuan William Tan** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state whether there are any plans to institute research into the cultivation of Engkabang (illipenuts) trees in Sarawak, as in view of the urgent need to diversify the agricultural economy in the country, the opportunity should be taken to explore ways and means to cultivate extensive growth of illipenut trees in order to promote maximum yield of this crop more regularly.

**The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):** Plans to carry out research in the cultivation of engkabang are still under consideration. The first step would be to determine whether the demand is sufficient to take up a regular crop. Factors causing irregular fruiting are firstly there are no plantations of the crop near to existing research stations and secondly wild trees are sporadic and not conveniently located for study. The Department of Forestry in Sarawak has undertaken a comprehensive botanical study of commercial varieties of engkabang and knows various types occur in useful quantities. The Department of Agriculture had in the past issued plants to upriver people for cultivating in suitable places. Recently one specialist was engaged to study pest infestation and treatment of the crop and his report should provide useful hints on better use of crop.

**Perbelanjaan untok Parit dan Taliayer**

**21. Datu J. A. Angian Andulag** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa-kah jumlah wang yang telah di-belanjakan untok galian dan taliayer di-kawasan pendalaman Tenom, Keningau dan Tambunan dalam tahun 1967 dan 1968.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi:** Perbelanjaan bagi kerja² besar parit dan taliayer di-Tenom, Keningau dan Tambunan dalam tahun 1967 ia-lah $72,627, sementara perbelanjaan bagi kerja² kechil dan memelihara sungai ia-lah $160,000. Dalam tahun 1968 perbelanjaan hingga bulan Julai bagi kerja² besar ia-lah $47,285, sementara bagi kerja² kechil dan memelihara sungai ia-lah $98,000. Ada-lah di-anggarkan perbelanjaan hingga bulan Disember bagi kerja² sungai ia-lah $135,000 dan untok kerja² kechil dan memelihara sungai ia-lah $100,000.

**22. Datu J. A. Angian Andulag** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kerajaan akan memberi peruntokan tambahan untok galian dan projek² taliayer kapada Sabah oleh kerana banyak sawah padi di-kawasan pendalaman Tenom, Keningau dan Tambunan tidak mendapat kemudahan taliayer, saperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Kampong Luboh Sook ... | 6,000 ekar |
| (ii) | Kampong Luanti Baru Mailo dan Kampong Sodoman ... ... ... | 1,300 „ |
| (iii) | Kampong Sungoi dan Kapayan Baru Apin Apin ... | 200 „ |
| (iv) | Kampong Bangas Apin Apin ... ... ... | 200 „ |
| (v) | Kampong Bundu Ulu Apin Apin ... ... ... | 100 „ |
| (vi) | Kampong Rompon, Tambunan ... ... ... | 200 „ |
| (vii) | Kampong Kuala Mansarolong Keraataan, Tambunan ... ... ... | 100 „ |

dan bahawa kawasan² itu hendak di-jadikan sawah padi oleh pendudok² kampong² itu tetapi tidak berhasil kerana tidak ada wang untok meng-adakan kemudahan taliayer.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi:** Ayer di-kawasan Kampong Luboh Sook, yang sa-benar-nya Napawa Luboh, tersangat kurang. Siasatan sedang di-jalankan untok ranchangan menyimpan ayer (storage scheme).

Bagi butiran (ii) Kampong Luntai Baru Mailo dan Kampong Sodoman, kemudahan pengayeran yang sementara telah di-bekalkan dalam tahun 1967.

Bagi kawasan² (iii)-(vii) penyiasatan akan di-jalankan untok membekal kemudahan pengayeran.

198/69-JCK.J.